



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI SEMBILAN 2025

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN SOSIOEKONOMI NEGERI SEMBILAN 2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia

E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)

data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM35.00

Diterbitkan secara tahunan

Edisi 2025 diterbitkan pada Ogos 2026

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISSN 2600-9889

KATA PENGANTAR

Laporan Sosioekonomi Negeri 2025 merupakan penerbitan tahunan yang mengandungi maklumat Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi siri masa dari tahun 2023 hingga 2025 bagi 13 negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan. KDNK dianggarkan mengikut aktiviti ekonomi pada harga malar 2015 menggunakan kaedah pengeluaran. Selain daripada KDNK, statistik indeks harga pengguna, kependudukan, tenaga buruh, pelancongan domestik, perdagangan antarabangsa serta akaun Kerajaan Persekutuan dan negeri turut dimuatkan dalam laporan ini.

Penganggaran KDNK mengadaptasi manual antarabangsa iaitu *System of National Accounts 2008*. Selaras dengan perubahan pada peringkat nasional, anggaran KDNK bagi tahun 2023 telah dimuktamadkan menggunakan data terkini. Semakan semula data juga dilaksanakan bagi KDNK 2024 manakala KDNK tahun 2025 merupakan data permulaan.

Laporan ini mengandungi enam (6) bab. Bab pertama menerangkan senario ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia dan ringkasan penemuan prestasi ekonomi bagi setiap negeri. Bab kedua membentangkan perincian prestasi ekonomi negeri, pertumbuhan mengikut aktiviti ekonomi serta indeks harga pengguna. Statistik demografi dan sosial seperti penduduk, tenaga buruh, gaji dan upah serta statistik siswazah dibentangkan dalam bab ketiga manakala pelancongan domestik dimuatkan di bab keempat laporan ini. Statistik perdagangan antarabangsa serta akaun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masing-masing diperihalkan pada bab lima dan enam. Sebagai rujukan tambahan kepada pengguna, jadual statistik dan indikator terpilih daripada kementerian dan agensi serta glosari turut disediakan dalam laporan ini sebagai rujukan. Sebanyak lima (5) jadual statistik baharu juga telah dimuatkan dalam edisi kali ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membekalkan maklumat yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Cadangan dan pandangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

SITI ASIAH AHMAD

Ketua Perangkawan Malaysia
Ogos 2026

SINGKATAN

b	: bilion
d.s.b.	: dan sebagainya
d.l.l.	: dan lain-lain
IHP	: Indeks Harga Pengguna
ILO	: <i>International Labour Organization</i>
IMF	: Tabung Kewangan Antarabangsa
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MIDA	: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MPOB	: <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
n.a	: tidak berkenaan
n.i.e	: Tidak dikelaskan di tempat lain
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
ST	: Suku tahun
t.s.t.l.	: tidak disebutkan di tempat lain
t.t.t.l.	: tidak terkelas di tempat lain
W.P.	: Wilayah Persekutuan

SIMBOL

..	: tidak berkenaan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan
r	: <i>revised</i>
%	: peratus

NOTA

Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

KANDUNGAN

i Kata Pengantar

ii Singkatan/Symbol/Nota

iii Kandungan

iv Senarai Jadual

xi Sorotan Utama

01 Bab 1: Senario Ekonomi Global dan Malaysia

57 Bab 2: Prestasi Ekonomi Negeri

101 Bab 3: Statistik Demografi & Sosial

135 Bab 4: Statistik Pelancongan Domestik

143 Bab 5: Statistik Perdagangan Antarabangsa

151 Bab 6: Statistik Akaun Kerajaan

163 Jadual Statistik

255 Jadual Indikator Terpilih Lain

285 Glosari

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2015-2025	4
1.2	Kedudukan Daya Saing Dunia (<i>World Competitiveness Ranking</i>) negara terpilih, 2025-2026	17
1.3	Kedudukan Indeks Perdagangan Mampan (<i>Sustainable Trade Index</i>) negara terpilih, 2024-2025	18
1.4	Kedudukan Indeks Keamanan Global (<i>Global Peace Index</i>) negara terpilih, 2024-2025	19
1.5	Kedudukan Indeks Keterangkuman Kewangan Global (<i>Global Financial Inclusion Index</i>) negara terpilih, 2024-2025	20
1.6	Kedudukan Indeks Kesediaan Rangkaian (<i>Network Readiness Index</i>) negara terpilih, 2024-2025	21
1.7	Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (<i>Corruption Perception Index</i>) negara terpilih, 2024-2025	22
1.8	Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2025 dan unjuran 2026	24
1.9	Produktiviti buruh tahunan, nilai ditambah per pekerja dan per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi , 2024-2025	37
2.1	KDNK per kapita mengikut negeri, 2024-2025 pada harga semasa	66
2.2	Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2025	67
2.3	Statistik industri kelapa sawit, Negeri Sembilan, 2024-2025	77
2.4	Prestasi sektor Perkhidmatan, Negeri Sembilan, 2024-2025	77
2.5	Purata harga item terpilih, Negeri Sembilan, 2024-2025	81
2.6	Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, Negeri Sembilan, 2024-2025	82
2.7	Inflasi tahunan subkumpulan Makanan dan Minuman, Negeri Sembilan, 2024-2025	82
3.1	Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Negeri Sembilan, 2021-2025	103
3.2	Struktur umur penduduk, Negeri Sembilan, 2024-2025	103
3.3	Nisbah tanggungan, Negeri Sembilan, 2024-2025	104
3.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Negeri Sembilan, 2024-2025	104
3.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)	106
3.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap perempuan berumur 15-49 tahun)	108
3.7	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)	109
3.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)	110
3.9	Tiga negeri destinasi oleh migran keluar dari Negeri Sembilan dan negeri asal oleh migran masuk ke Negeri Sembilan, 2024	115
3.10	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Negeri Sembilan, 2021-2025	117
3.11	Penduduk bekerja mengikut sektor, Negeri Sembilan, 2021-2025	118
3.12	Gaji & upah bulanan, Negeri Sembilan, 2019-2024	122
3.13	Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Negeri Sembilan, 2023-2024	125
4.1	Statistik utama pelancongan domestik, 2024-2025	137
4.2	Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2024-2025	138
4.3	Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke Negeri Sembilan, 2024-2025	139
5.1	Eksport barangan mengikut komoditi utama Negeri Sembilan, 2020-2025	148
5.2	Import barangan mengikut komoditi utama Negeri Sembilan, 2020-2025	149
5.3	Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Negeri Sembilan, 2025	150
6.1	Hasil Kerajaan Persekutuan, 2023-2024	153
6.2	Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2023-2024	154
6.3	Penyumbang utama bagi kategori hasil Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024	159
6.4	Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024	160
6.5	Surplus/defisit Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024	160

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
A1	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025	167
A2	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan	170
A3	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK	173
A4	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025	176
A5	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan	178
A6	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK	180
A7	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2023-2025	185
A8	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan kepada KDNK	185
A9	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2023-2025 - Perubahan sumbangan kepada KDNK	186
A10	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023	187
A11	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Perubahan peratusan tahunan	187
A12	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	188
A13	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2023 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	188
A14	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024	189
A15	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Perubahan peratusan tahunan	189
A16	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	190
A17	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2024 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	190
A18	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2025	191
A19	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2025 - Perubahan peratusan tahunan	191
A20	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	192
A21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	192
A22	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2023-2025	193
A23	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2023-2025	193
A24	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Negeri Sembilan, 2023-2025	194
A25	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Negeri Sembilan 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	195
A26	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, 2021-2025	199
A27	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, 2024	200
A28	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2021-2025	201
A29	Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2021-2025	202
A30	Inflasi tahunan mengikut negeri, 2021-2025	202
A31	Indeks Harga Pengguna, Negeri Sembilan, 2021-2025	203
A32	Inflasi tahunan, Negeri Sembilan, 2021-2025	203
A33	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut negeri dan strata, 2024	204
A34	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut daerah pentadbiran dan strata, Negeri Sembilan, 2024	204




SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
A35	Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bulanan dan purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut negeri dan strata, 2024	205
A36	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) makanan dan bukan makanan bulanan isi rumah mengikut negeri, 2024	206
A37	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah mengikut saiz isi rumah, negeri dan strata, 2024	206
A38	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bulanan isi rumah per kapita mengikut negeri dan strata, 2024	208
A39	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) makanan bulanan isi rumah per kapita mengikut negeri dan strata, 2024	208
A40	Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) bukan makanan bulanan isi rumah per kapita mengikut negeri dan strata, 2024	209
A41	Indeks Kos Sara Hidup dan kadar pertumbuhan tahunan mengikut negeri, 2024	209
A42	Indeks Kos Sara Hidup dan kadar pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Negeri	210
A43	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, 2022 dan 2024	210
A44	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata kumpulan isi rumah mengikut negeri, 2024	211
A45	Agihan pendapatan kasar mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, 2024	211
A46	Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut strata, kumpulan etnik ketua isi rumah dan daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	212
A47	Peratusan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah, strata dan daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	212
A48	Peratusan isi rumah dan agihan pendapatan kasar mengikut strata dan daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	213
A49	Pekali Gini bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	213
A50	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut negeri, 2022 dan 2024	214
A51	Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan mengikut negeri, 2024	215
A52	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah, purata dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut kumpulan etnik ketua isi rumah dan strata, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	219
A53	Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan penengah dan purata mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2024	219
A54	Purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengikut negeri dan strata, 2022 dan 2024	220
A55	Insiden kemiskinan tegar mengikut negeri dan strata, 2022 dan 2024	220
A56	Insiden kemiskinan mutlak mengikut negeri dan strata, 2022 dan 2024	221
A57	Insiden kemiskinan mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024	221
A58	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, 2025	222
A59	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, 2025	223
A60	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, 2025	224
A61	Kadar pengangguran mengikut negeri, 2021-2025	227
A62	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, 2020-2024	228
A63	Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri dan jantina, 2020-2024	229
A64	Statistik utama siswazah, Negeri Sembilan, 2020-2024	231
A65	Purata gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, 2020-2024	232
A66	Penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja mengikut negeri, 2020-2024	232
A67	Kadar migrasi mengikut negeri destinasi dan taraf migrasi, 2022 dan 2024	233

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
A68	Migrasi mengikut negeri destinasi dan taraf migrasi, 2022 dan 2024	233
A69	Bilangan pelawat domestik mengikut negeri dikunjungi, 2021-2025	234
A70	Bilangan pelancong mengikut negeri dikunjungi, 2025	235
A71	Perdagangan luar negeri mengikut lokasi - eksport dan import, 2021-2025	236
A72	Eksport dan import barangan mengikut pintu keluar dan masuk, Negeri Sembilan, 2021-2025	236
A73	Statistik utama Banci Ekonomi mengikut negeri, 2015 dan 2022	237
A74	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pertanian mengikut negeri, 2015 dan 2022	238
A75	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor perlombongan & pengkuarian mengikut negeri,	239
A76	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pembuatan mengikut negeri, 2015 dan 2022	240
A77	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor pembinaan mengikut negeri, 2015 dan 2022	241
A78	Statistik utama Banci Ekonomi bagi sektor perkhidmatan mengikut negeri, 2015 dan 2022	242
A79	Pegangan pertanian mengikut negeri, Malaysia, 2023	243
A80	Pegangan pertanian bagi subsektor tanaman mengikut negeri, Malaysia, 2023	243
A81	Pegangan pertanian bagi subsektor ternakan mengikut negeri, Malaysia, 2023	244
A82	Pegangan pertanian bagi subsektor perikanan tangkapan mengikut negeri, Malaysia, 2023	244
A83	Pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur mengikut negeri, Malaysia, 2023	245
A84	Pegangan pertanian bagi subsektor perhutanan & pembalakan mengikut negeri, Malaysia, 2023	245
A85	Bilangan pertubuhan/syarikat perniagaan mengikut sektor dan negeri, 2025	246
A86	Kapasiti penggunaan industri pembuatan mengikut negeri, 2021-2025	246
A87	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri, 2020-2022	247
A88	Perbelanjaan perlindungan alam sekitar mengikut negeri dan jenis perbelanjaan, Malaysia, 2022	247
A89	Perbelanjaan modal perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, Negeri Sembilan, 2020-2022	248
A90	Perbelanjaan operasi perlindungan alam sekitar mengikut jenis perbelanjaan, Negeri Sembilan, 2020-2022	248
A91	Pengeluaran estet getah mengikut negeri, 2021-2025	248
A92	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut komponen dan negeri, 2024	249
A93	Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia mengikut negeri dan strata, 2024	250
A94	Tempat kediaman, isi rumah dan purata saiz isi rumah mengikut negeri, 2022-2024	250
A95	Peratusan isi rumah mengikut jenis bekalan air, negeri dan strata, 2024	251
A96	Peratusan isi rumah mengikut bekalan elektrik, negeri dan strata, 2024	251
A97	Peratusan isi rumah mengikut kemudahan kutipan sampah, negeri dan strata, 2024	252
A98	Peratusan capaian isi rumah terhadap peralatan dan perkhidmatan dan ICT mengikut negeri, 2025	253
A99	Peratusan capaian internet oleh isi rumah mengikut negeri, jenis perkhidmatan dan strata, 2025	253
A100	Nilai kerugian banjir mengikut negeri, 2025	254

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
B1	Pengeluaran kelapa sawit bagi buah tandan segar yang diterima oleh kilang mengikut negeri, 2021-2025	257
B2	Pengeluaran minyak sawit mentah mengikut negeri, 2021-2025	257
B3	Pengeluaran isirong sawit mengikut negeri, 2021-2025	258
B4	Keluasan luas bertanam kelapa sawit mengikut negeri, 2021-2025	258
B5	Jumlah panjang jalan mengikut permukaan dan negeri, 2024	259
B6	Bilangan hotel mengikut lokasi, Negeri Sembilan, 2025	260
B7	Ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2021-2025	260
B8	Ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut penarafan bintang, Negeri Sembilan, 2021-2025	260
B9	Bilangan tetamu hotel mengikut negeri, 2021-2025	261
B10	Bilangan tetamu hotel domestik dan antarabangsa mengikut negeri, 2025	261
B11	Bilangan kluster <i>homestay</i> yang berdaftar mengikut negeri, 2021-2024	262
B12	Kadar purata penginapan mengikut negeri, 2021-2025	262
B13	Jumlah luas kompleks perniagaan mengikut negeri, 2021-2025	263
B14	Jumlah luas pejabat binaan khas mengikut negeri, 2021-2025	263
B15	Penghunian kompleks perniagaan mengikut negeri, 2024-2025	264
B16	Penghunian pejabat binaan khas mengikut negeri, 2024-2025	264
B17	Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, Negeri Sembilan, 2025	265
B18	Ringkasan nilai transaksi hartanah mengikut kategori pemberi pindah milik dan penerima pindah milik, Negeri Sembilan, 2021-2025	265
B19	Harga purata rumah mengikut jenis dan negeri, 2023-2025	266
B20	Mata indeks harga rumah Malaysia (2010=100) mengikut jenis dan negeri, 2023-2025	267
B21	Bilangan taman awam mengikut kategori dan negeri, 2024	268
B22	Statistik terpilih pendidikan mengikut negeri, 2024-2025	269
B23	Bilangan kes penyakit berjangkit, Negeri Sembilan, 2021-2024	270
B24	Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, Negeri Sembilan, 2024	270
B25	Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, Negeri Sembilan, 2024	271
B26	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam, 2021-2024	271
B27	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor swasta, 2021-2024	272
B28	Pendaftaran baharu kenderaan bermotor mengikut jenis dan negeri, 2024	272
B29	Bilangan kumulatif kenderaan bermotor mengikut jenis dan negeri, 2024	273
B30	Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2021-2025	273
B31	Statistik utama kemalangan pekerjaan, Negeri Sembilan, 2021-2023	274
B32	Statistik jenayah, Negeri Sembilan, 2022-2024	276
B33	Aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengikut rantau dan ekonomi, 2021-2025	276
B34	Jumlah pelaburan domestik swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	277
B35	Jumlah pelaburan asing swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	277
B36	Jumlah pelaburan swasta yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	278
B37	Jumlah pelaburan domestik projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	278
B38	Jumlah pelaburan asing projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	279
B39	Jumlah pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut negeri, 2023-2025	279

SENARAI JADUAL		MUKA SURAT
B40	Pemberian Sebenar Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sembilan, 2024	280
B41	Bilangan penerima bantuan mengikut negeri dan jenis bantuan, 2024	281
B42	Statistik terpilih internet dan media sosial mengikut negeri, 2021-2024	282
B43	Kadar penembusan jalur lebar mengikut negeri, 2024-2025	283
B44	Bilangan langganan jalur lebar mengikut negeri, 2024-2025	283
B45	Bilangan langganan selular mudah alih mengikut negeri, 2021-2024	284


KDNK GLOBAL, 2025




UNJURAN 2026

Ekonomi dunia dijangka berkembang kepada **3.0%**

NEGARA MAJU



NEGARA EMDE



Sumber: IMF, World Economic Outlook, July 2026

PERTUMBUHAN EKONOMI GLOBAL KEKAL STABIL

Ekonomi global berkembang sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti tahun sebelumnya.



PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA

Pertumbuhan ekonomi dunia dipacu oleh kemajuan kecerdasan buatan (AI), permintaan domestik yang teguh dengan sokongan fiskal di beberapa negara dan peralihan kepada sumber tenaga boleh diperbaharui.




RISIKO GEOPOLITIK MASIH TINGGI

Namun begitu, konflik di Timur Tengah berpotensi berlarutan, menyebabkan ketidaktentuan harga komoditi, gangguan rantaian bekalan, peningkatan inflasi serta keadaan kewangan global yang terhad.




Sumber: IMF, World Economic Outlook, July 2026

PERUBAHAN PERATUSAN TAHUNAN KDNK BAGI NEGARA TERPILIH (%), 2024 & 2025



INDIKATOR TERPILIH GLOBAL, 2025







Sumber:

¹ United Nation Population Division, 2026

² ILO, Employment and Social Trends, 2026

EKSPORT & IMPORT GLOBAL, 2025





Volum Dagangan Barangan & Perkhidmatan



Sumber: IMF, World Economic Outlook, April 2026

INFLASI GLOBAL, 2025

Kadar Inflasi Global



Sumber: IMF, World Economic Outlook, April 2026

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA, 2025

	KDNK Harga Malar	RM1,737.0 billion (2024: RM1,651.9 billion)	5.2% 
	KDNK Harga Semasa	RM2,025.4 billion (2024: RM1,933.2 billion)	4.8% 
	KDNK Per Kapita	RM59,167 (2024: RM56,772)	4.2% 
	PNK Harga Semasa	RM1,958.1 billion (2024: RM1,868.5 billion)	4.8% 
	PNK Per Kapita	RM57,200 (2024: RM54,870)	4.2% 

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 2015–2025

PERUBAHAN PERATUSAN TAHUNAN KDNK (%)

	 Pertanian	 Perlombongan & pengkuarian	 Pembinaan	 Pembuatan	 Perkhidmatan
2024	 3.4%	1.2%	17.6%	4.2%	5.4%
2025	 2.2%	0.6%	12.2%	4.5%	5.4%
Unjuran 2026	Ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.0% hingga 5.0%				

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar, Malaysia, 2015–2025
Bank Negara Malaysia, 2026

STATISTIK PERDAGANGAN, 2025

JUMLAH PERDAGANGAN	EKSPORT & IMPORT, 2024	
 RM3.1 trilion (2024: RM2.9 trilion)	EKSPORT RM1.6 trilion (2024: RM1.5 trilion)	IMPORT RM1.5 trilion (2024: RM1.4 trilion)

3 DESTINASI EKSPORT UTAMA MALAYSIA, 2025

 Singapura RM249.5 billion	 Amerika Syarikat RM232.9 billion	 China RM188.9 billion
--	--	---

Sumber: Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri, 2026

3 KOMODITI EKSPORT UTAMA

	Litar elektronik bersepadu RM389.1 billion (2024: RM313.1 billion)
	Barangian elektrik & elektronik lain RM144.9 billion (2024: RM132.2 billion)
	Keluaran petroleum bertapis RM95.1 billion (2024: RM117.6 billion)

3 KOMODITI IMPORT UTAMA

	Litar elektronik bersepadu RM233.0 billion (2024: RM202.5 billion)
	Barangian elektrik & elektronik lain RM134.0 billion (2024: RM98.1 billion)
	Keluaran petroleum bertapis RM92.1 billion (2024: RM121.4 billion)

STATISTIK PELANCONGAN, 2025

	Jumlah Ketibaan Pelancong²	26.6 juta orang (2024: 25.0 juta orang)
	Pelawat Domestik¹	290.1 juta orang (2024: 260.1 juta orang)

Ketibaan Pelancong Tertinggi Mengikut Negara ke Malaysia²

 Singapura 9.34 juta orang	 China 3.97 juta orang	 Indonesia 3.76 juta orang
--	--	--

Sumber: ¹Survei Pelancongan Domestik, 2025
²Tourism Malaysia

PENDAPATAN & PERBELANJAAN ISI RUMAH, 2024

Pendapatan Kasar Bulanan	Perbelanjaan Penggunaan	Pekali Gini
Penengah RM7,017 (2022: RM6,338)	Penengah RM4,758 (2022: RM4,282)	0.390 (2022: 0.404)
Purata RM9,155 (2022: RM8,479)	Purata RM5,566 (2022: RM5,150)	

PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR, 2024

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar Bulanan Isi Rumah

 Makanan RM1,737	 Bukan Makanan RM3,110	 Per Kapita RM1,393
---	---	--

Indeks Kos Sara Hidup 105.0

Sumber:
Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah, 2024
Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah, 2024
Kemiskinan di Malaysia, 2024
Indikator Kos Sara Hidup, 2024

INDIKATOR TERPILIH, 2025

 Bilangan Penduduk¹ 34.2 juta orang (2024: 34.1 juta orang)	 Kepadatan Penduduk¹ 104 km persegi (2024: 103 km persegi)	 Bilangan Tenaga Buruh² 17.1 juta orang (2024: 16.9 juta orang)	 Bilangan Penduduk Bekerja¹ 16.6 juta orang (2024: 16.4 juta orang)
 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh² 70.8% (2024: 70.6%)	 Nisbah Guna Tenaga Penduduk² 68.7% (2024: 68.4%)	 Kadar Pengangguran² 3.0% (2024: 3.2%)	 Kadar Inflasi³ 1.4% (2024: 1.8%)

Sumber:
¹Anggaran Penduduk Semasa Malaysia, 2025
²Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia, 2025
³Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan, 2025

BAB 1

SENARIO EKONOMI GLOBAL DAN MALAYSIA

2025 SENARIO EKONOMI GLOBAL

Ekonomi global pada tahun 2025 terus beroperasi dalam persekitaran yang kompleks dan mencabar terutamanya kesan daripada krisis geopolitik dan kenaikan tarif yang tinggi. Mendepani cabaran tersebut, pelbagai dasar dan langkah perdagangan terkini telah diperkenalkan termasuk rundingan dan penstrukturan semula perjanjian perdagangan, sekali gus membentuk landskap ekonomi global yang baharu.

Menurut laporan terkini *World Economic Outlook* (WEO) July 2026, pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2025 kekal stabil pada kadar 3.5 peratus sama seperti dicatatkan pada tahun sebelumnya. Prestasi ekonomi yang stabil ini disokong oleh pertumbuhan ekonomi negara maju 1.9 peratus dengan Amerika Syarikat mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.1 peratus dan United Kingdom 1.4 peratus. Selain itu, ekonomi *Emerging Market and Developing Economies* (EMDE) pula berkembang pada kadar 4.5 peratus. Prestasi ekonomi global masih dipengaruhi oleh ketidakpastian yang berterusan akibat perbezaan momentum pertumbuhan antara negara dan sektor. Namun begitu, ia masih dapat diimbangi oleh peningkatan pelaburan yang berkaitan dengan teknologi, khususnya Kecerdasan Buatan (AI).

Pada tahun 2025, prestasi perdagangan global terus mengukuh dengan peningkatan volum perdagangan global sebanyak 5.1 peratus (2024: 3.7%). Momentum ini didorong oleh peningkatan volum perdagangan barangan kepada 5.4 peratus pada tahun 2025 (2024: 2.8%) (WEO, April 2026).

Inflasi global menunjukkan pemulihan secara berperingkat dengan kadar inflasi yang lebih stabil iaitu daripada 5.8 peratus pada tahun 2024 kepada 4.1 peratus pada tahun 2025. Pemulihan ini didorong oleh kadar inflasi yang lebih terkawal pada paras 2.5 peratus (2024: 2.6%) bagi negara maju. Walaupun inflasi di negara EMDE masih tinggi, ia menunjukkan perkembangan positif iaitu menyederhana daripada 8.0 peratus (2024) kepada 5.2 peratus (2025) (WEO, July 2026).

Beralih kepada pasaran buruh global, jumlah tenaga buruh meningkat daripada 3.7 bilion orang pada tahun 2024 kepada 3.9 bilion orang pada tahun 2025 dengan kadar pengangguran kekal iaitu 4.9 peratus. Walau bagaimanapun, menurut laporan ILO dalam penerbitan *Employment and Social Trends 2026*, golongan muda terus bergelut dalam menghadapi risiko gangguan kerjaya akibat daripada kepesatan AI.



Amerika Syarikat

Berdasarkan laporan *World Economic Outlook* (WEO), July 2026, ekonomi Amerika Syarikat bertumbuh sederhana pada kadar 2.1 peratus pada tahun 2025 berbanding tahun 2024 (2.8%). Ia disokong oleh pertumbuhan dalam Perbelanjaan penggunaan persendirian sebanyak 2.6 peratus (2024: 2.9%), disumbang oleh peningkatan perbelanjaan barangan dan perkhidmatan yang masing-masing mencatatkan 3.2 peratus dan 2.3 peratus. Prestasi ini turut disumbangkan oleh Pelaburan tetap swasta dengan pertumbuhan sebanyak 2.0 peratus (2024: 3.0%), disokong oleh

pelaburan bukan kediaman sebanyak 4.1 peratus. Sementara itu, pertumbuhan dalam perdagangan luar didorong oleh eksport yang meningkat secara perlahan sebanyak 1.6 peratus (2024: 3.6%) serta import 2.7 peratus (2024: 5.8%). Selain itu, Perbelanjaan dan pelaburan kerajaan turut berkembang 1.1 peratus berbanding 3.8 peratus pada tahun sebelumnya. Perkembangan positif tersebut disebabkan oleh Perbelanjaan Kerajaan Negeri dan Tempatan yang bertambah 2.5 peratus (2024: 3.8%) (*Bureau of Economic Analysis* (BEA), 2026). Dari perspektif penawaran, ekonomi Amerika Syarikat berkembang sebanyak 2.1 peratus pada tahun 2025, disokong oleh

Jadual 1.1 Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2015 – 2025

											(%)
Negara	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Ekonomi Dunia	3.4	3.3	3.8	3.6	3.0	-2.7	6.7	3.8	3.3	3.5	3.5
Negara Maju	2.3	1.8	2.6	2.3	1.9	-3.9	6.1	3.1	1.7	1.9	1.9
Amerika Syarikat	2.7	1.8	2.5	3.0	2.6	-2.1	6.2	2.5	2.9	2.8	2.1
Kawasan Euro	2.0	1.9	2.6	1.8	1.6	-6.0	6.4	3.6	0.4	1.0	1.4
Jerman	1.5	2.2	2.7	1.1	1.0	-4.1	3.9	1.8	-0.9	-0.5	0.2
Perancis	1.1	1.1	2.3	1.6	2.1	-7.6	6.8	2.8	1.6	1.4	0.9
Itali	0.8	1.3	1.7	0.8	0.4	-8.9	8.9	4.8	0.9	0.8	0.5
Spanyol	3.8	3.0	3.0	2.4	2.0	-10.9	6.7	6.4	2.5	3.5	2.8
Jepun	1.6	0.8	1.7	0.8	-0.3	-4.3	3.6	1.3	0.7	-0.2	1.1
United Kingdom	2.4	1.9	2.7	1.6	1.3	-10.0	8.5	5.1	0.3	1.0	1.4
Negara EMDE*	4.4	4.4	4.8	4.6	3.8	-1.8	7.0	4.3	4.4	4.5	4.5
China	7.0	6.9	6.9	6.8	6.1	2.3	8.6	3.1	5.4	5.0	5.0
Republik Korea	2.8	2.9	3.2	3.2	2.3	-0.7	4.6	2.7	1.6	2.2	1.1
Taiwan**	1.5	2.2	3.3	2.9	3.1	3.4	6.7	2.7	1.1	5.3	8.7
Singapura**	3.0	3.6	4.5	3.2	1.2	-3.6	10.1	4.0	1.5	5.3	5.0
Thailand	3.1	3.4	4.2	4.2	2.1	-6.1	1.6	2.7	2.2	2.9	2.4
Filipina	6.3	7.1	6.9	6.3	6.1	-9.5	5.7	7.6	5.5	5.7	4.4
Indonesia	4.9	5.0	5.1	5.2	5.0	-2.1	3.7	5.3	5.0	5.0	5.1
Malaysia	5.0	4.4	5.8	4.8	4.4	-5.5	3.3	9.0	3.5	5.2	5.2

Sumber: IMF, *World Economic Outlook*, July 2026 dan National Statistics Office (NSO)

*Emerging Market Developing Economies

**IMF, *World Economic Outlook*, April 2026

pertumbuhan industri Pengeluar perkhidmatan swasta 2.7 peratus dan 1.2 peratus bagi industri Pengeluar barangan swasta. Dilihat dari sudut prestasi sektoral, ekonomi Amerika Syarikat terus dipacu oleh sektor Kewangan & insurans serta Hartanah, sewaan & pajakan yang terus bertumbuh 3.1 peratus (2024: 1.3%). Sektor Pembuatan turut meningkat 1.5 peratus (2024: 3.0%) didorong oleh peningkatan pengeluaran barangan tahan lama yang meningkat sebanyak 2.8 peratus (2024: -0.3%). Sektor Perkhidmatan profesional dan perniagaan juga berkembang 2.9 peratus (2024: 2.0%) disokong oleh Perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal.



2.1%
Ekonomi
Amerika Syarikat
pada tahun 2025



Beralih kepada aspek dagangan antarabangsa, BEA 2026 melaporkan perdagangan antarabangsa Amerika Syarikat merekodkan nilai eksport dan nilai import barangan dan perkhidmatan masing-masing sebanyak USD3.4 trilion dan USD4.4 trilion pada tahun 2025, sekali gus menyebabkan defisit dagangan sebanyak USD0.9 trilion pada tempoh tersebut. Defisit dicatatkan oleh dagangan dalam barangan iaitu sebanyak USD1.3 trilion. Sebaliknya bagi dagangan dalam Perkhidmatan, terdapat lebih dagangan bernilai USD327.7 bilion. Eksport perkhidmatan negara ini didominasi oleh perkhidmatan perniagaan lain, perkhidmatan perjalanan dan perkhidmatan kewangan. Sementara itu, import perkhidmatan pula merangkumi perkhidmatan perjalanan, perkhidmatan perniagaan lain serta perkhidmatan pengangkutan.

Menurut laporan *U.S. Bureau of Labor Statistics* (BLS) 2026, KPTB di Amerika Syarikat merekodkan 62.4 peratus pada Disember 2025, sedikit menurun berbanding 62.5 peratus pada Disember 2024. Beberapa sektor pekerjaan merekodkan pertambahan peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor penjagaan kesihatan (21,000 pekerjaan) dan Kerajaan (2,000 pekerjaan). Peningkatan ini telah mendorong pertambahan jumlah penduduk bekerja kepada 163,992 ribu orang (Disember 2024: 161,586 ribu orang). Walau bagaimanapun, bilangan penganggur terus meningkat kepada 7,503 ribu orang (Disember 2024: 6,920 ribu orang), menjadikan kadar pengangguran sebanyak 4.4 peratus (Disember 2024: 4.1%).

Sementara itu, kadar inflasi di Amerika Syarikat mencatatkan 2.7 peratus pada Disember 2025 berbanding 2.9 peratus yang direkodkan pada Disember 2024. Ia dipengaruhi oleh harga dalam kategori Makanan yang meningkat 3.1 peratus (Disember 2024: 2.5%), terutamanya Makanan di luar rumah 4.1 peratus (2024: 3.6%). Di samping itu, inflasi dalam kategori Tenaga juga meningkat 2.3 peratus (Disember 2024: -0.5%) terutama harga untuk perkhidmatan gas utiliti (paip) (10.8%), minyak bahan api (7.4%) dan elektrik (6.7%).

Kawasan Euro¹

Prestasi ekonomi Kawasan Euro menunjukkan kadar pertumbuhan yang baik iaitu 1.4 peratus pada tahun 2025 berbanding pertumbuhan 1.0 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh Sepanyol, Perancis, Itali dan Jerman. Jerman menunjukkan pemulihan ekonomi apabila prestasi pertumbuhan kembali positif kepada marginal 0.2 peratus pada tahun 2025 berbanding penyusutan 0.5 peratus pada tahun 2024.

¹ Kawasan Euro: Negara Jerman, Perancis, Ireland, Sepanyol, Itali, Greece, Belgium, Luxembourg, Belanda, Austria, Portugal, Finland, Slovenia, Cyprus, Malta, Slovakia, Estonia, Latvia dan Lithuania.

Ekonomi Sepanyol menyederhana kepada 2.8 peratus berbanding 3.5 peratus yang direkodkan pada tahun 2024. Ekonomi Perancis dan Itali turut bertumbuh secara marginal namun lebih perlahan, masing-masing 0.9 peratus (2024: 1.1%) dan 0.5 peratus (2024: 0.8%) (WEO, April 2026).

Eksport barangan Kawasan Euro memulih 2.3 peratus dengan mencatatkan €2,938.7 bilion berbanding 0.6 peratus yang direkodkan pada tahun 2024. Begitu juga import yang pulih sebanyak 2.8 peratus bernilai €2,788.8 bilion, menyumbang kepada peningkatan lebihan dagangan sebanyak €149.9 bilion (2024: €159.0 bilion). Antara penyumbang terbesar serta rakan dagangan utama bagi aktiviti import dan eksport barangan ialah negara-negara Eropah di luar kawasan Euro, China dan Amerika Syarikat (Eurostat, 2026).

KPTB di Kawasan Euro kekal pada 75.7 peratus. Bilangan tenaga buruh meningkat kepada 170.7 juta orang (2024: 169.6 juta orang). Penduduk bekerja meningkat iaitu kepada 159.6 juta orang pada 2025 (2024: 158.7 juta orang). Namun begitu, kadar pengangguran kekal pada 6.3 peratus. Walau bagaimanapun, jurang jantina masih ketara dengan kadar pengangguran perempuan lebih tinggi iaitu 6.6 peratus berbanding 6.2 peratus bagi lelaki (Eurostat, 2026).

“

75.7%

**KPTB
Kawasan Euro
pada tahun 2025**

”

Inflasi Kawasan Euro mereda kepada 2.1 peratus, berbanding 2.4 peratus pada tahun 2024. Penurunan ini didorong terutamanya oleh

perkembangan inflasi di negara-negara utama kawasan tersebut dengan Perancis mencatat kadar inflasi terendah iaitu 0.9 peratus (2024: 2.3%). Inflasi di negara lain turut menyederhana seperti Jerman dan Sepanyol masing-masing 2.3 peratus (2024: 2.5%) dan 2.7 peratus (2024: 2.9%). Namun, Itali mencatat sedikit kenaikan inflasi kepada 1.7 peratus berbanding 1.1 peratus pada 2024 (Eurostat, 2026).

China

Sebagai ekonomi kedua terbesar di dunia, China mencatatkan nilai KDNK berjumlah RMB140.2 trilion (USD20.6 trilion) pada tahun 2025 berbanding RMB134.8 trilion (USD19.8 trilion) pada tahun 2024. Ekonomi negara ini mencatatkan kadar pertumbuhan 5.0 peratus, setara dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Menurut *National Bureau of Statistics of China* (NBSC) 2026, prestasi ekonomi negara ini disokong oleh sektor Pembuatan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.4 peratus (2024: 6.0%), didorong oleh subsektor peralatan yang meningkat sebanyak 9.2 peratus dan pembuatan teknologi tinggi 9.4 peratus. Sektor Perkhidmatan pula berkembang 5.4 peratus (2024: 5.0%), disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor perkhidmatan teknologi maklumat (11.1%) dan perkhidmatan pajakan & perniagaan (10.3%).

Menurut *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC), aktiviti perdagangan luar China berkembang 3.2 peratus pada tahun 2025, namun lebih perlahan berbanding 3.8 peratus pada tahun 2024. Eksport China bernilai USD3.77 trilion mencatat pertumbuhan 5.5 peratus (2024: 5.8%), didominasi oleh barangan jentera dan peralatan pengangkutan yang berkembang 9.5 peratus (2024: 8.5%). Prestasi ini disokong terutamanya oleh peningkatan eksport jentera, peralatan dan perkakasan

elektrik (13.8%). Dalam masa sama, nilai aktiviti import menurun kepada USD2.58 trilion yang menjadikan lebih dagangan meningkat kepada USD1.19 trilion pada tahun 2025 berbanding USD0.99 trilion pada tahun 2024.

Menurut NBSC 2026, bilangan penduduk bekerja di China adalah seramai 725.04 juta orang pada 2025 dengan 475.4 juta orang daripadanya tertumpu di kawasan bandar yang menyumbang 65.6 peratus kepada keseluruhan tenaga kerja. Kadar pengangguran di kawasan bandar kekal pada paras 5.1 peratus pada Disember 2025 (Disember 2024: 5.1%).

IHP China kekal pada kadar 0.2 peratus, dengan IHP Teras mencatatkan pemulihan sederhana. Ia disumbangkan oleh kategori makanan, tembakau dan alkohol yang menyusut sebanyak 0.7 peratus, didorong terutamanya oleh penurunan harga daging khinzir sebanyak 6.1 peratus, sayur-sayuran segar (-3.9%) dan bijirin (-1.0%). Penurunan harga dalam beberapa kategori utama ini telah menyumbang kepada inflasi yang kekal rendah di China pada tahun 2025 (NBSC, 2026).

Jepun

Menurut *Economic and Social Research Institute (ESRI) Cabinet Office, Government of Japan*, 2026, ekonomi Jepun berkembang sebanyak 1.2 peratus pada tahun 2025, setelah mengalami penguncupan marginal 0.2 peratus pada tahun sebelumnya. Pemulihan ini dicerminkan oleh peningkatan penggunaan swasta yang berkembang 1.5 peratus (2024: -0.6%), disokong oleh penggunaan isi rumah yang meningkat 1.5 peratus (2024: -0.5%). Selain itu eksport dan pelaburan bukan kediaman swasta turut bertumbuh masing-masing 2.9 peratus (2024: 0.9%) dan 1.9 peratus (2024: -0.2%). Penggunaan kerajaan turut meningkat 1.0 peratus, namun pada kadar perlahan berbanding 1.6 peratus (2024).

Sebaliknya, pelaburan kediaman swasta dan pelaburan awam menyusut masing-masing 2.5 peratus dan 0.4 peratus.

Menurut *Trade Statistics of Japan* terbitan *Ministry of Finance Japan* (2026), prestasi perdagangan luar Jepun masih stabil. Nilai eksport barangan terus meningkat kepada 110.4 trilion Yen dengan kadar pertumbuhan 3.1 peratus, berbanding 107.1 trilion Yen (6.2%) yang direkodkan pada tahun 2024. Peningkatan eksport ini disumbangkan oleh peralatan mesin yang bertumbuh 2.5 peratus. Selain itu, eksport mesin elektrik dan bahan kimia turut meningkat masing-masing sebanyak 3.4 peratus dan 0.1 peratus. Sementara itu, import barangan pula mencecah 113.3 trilion Yen, meningkat 0.5 peratus berbanding 112.7 trilion Yen pada tahun 2024. Peningkatan nilai import ini dipengaruhi terutamanya oleh peralatan mesin elektrik yang meningkat 6.1 peratus, peralatan mesin (12.7%), bahan kimia (2.9%) dan juga barangan makanan (3.7%). Dari sudut imbalan dagangan, walaupun Jepun telah mencatatkan defisit dagangan dalam tempoh lima (5) tahun, defisit tersebut menunjukkan trend penyusutan yang konsisten, sekali gus menunjukkan penambahbaikan beransur ansur dalam prestasi perdagangan negara. Pada tahun 2025, defisit dagangan mengecil dengan ketara kepada 2.9 trilion Yen berbanding 5.6 trilion Yen pada tahun 2024.

1.2%

**Ekonomi
Jepun pada
tahun 2025**



Berdasarkan *Statistics Bureau of Japan* (2026), bilangan tenaga buruh di Jepun pada 2025 meningkat kepada 70.0 juta orang berbanding 69.6 juta orang pada tahun 2024. Peningkatan ini mendorong kenaikan KPTB kepada 63.8 peratus (2024: 63.3%). Dalam tempoh yang sama, peratusan penduduk bekerja turut naik kepada 62.2 peratus (2024: 61.7%) dengan kadar penduduk lelaki bekerja 69.8 peratus manakala perempuan 55.1 peratus. Kadar pengangguran di Jepun masih kekal pada kadar 2.5 peratus.

Sementara itu, kadar inflasi Jepun mencatatkan kenaikan 3.2 peratus berbanding 2.7 peratus pada tahun 2024, melebihi sasaran 2.0 peratus yang ditetapkan oleh *Bank of Japan*. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan inflasi dalam subkumpulan Makanan (6.8%, 2024: 4.3%), Perumahan (1.0%, 2024: 0.7%), Sewa (0.3%, 2024: 0.2%), Pengangkutan & komunikasi (2.7%, 2024: 1.6%) dan Caj bahan api, elektrik & air (3.6%, 2024: 4.0%). Walau bagaimanapun, inflasi mereda bagi subkumpulan Perbelanjaan rekreasi & kebudayaan (2.3%, 2024: 5.1%), Tenaga (3.6%, 2024: 3.8%), Penjagaan kesihatan (1.5%, 2024: 1.6%) dan Kelengkapan Perabot Rumah (2.7%, 2024: 4.0) (*Statistics Bureau of Japan*, 2026).

Republik Korea

Menurut *Bank of Korea*, pertumbuhan ekonomi Republik Korea menyederhana kepada 1.1 peratus pada tahun 2025 berbanding 2.2 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini sebahagiannya disokong oleh pertumbuhan sederhana dalam sektor Perkhidmatan (1.7%, 2024: 1.6%) dan sektor Pembuatan (2.0%, 2024: 4.3%). Sektor Pembinaan pula terus menguncup kepada 9.5 peratus berbanding penyusutan 3.8 peratus pada tahun 2024. Dari sudut perbelanjaan, eksport barangan dan perkhidmatan terus bertumbuh 4.2 peratus pada tahun 2025 berbanding pertumbuhan

6.8 peratus pada tahun 2024, disokong oleh eksport dalam perkhidmatan. Pada masa sama, Perbelanjaan penggunaan akhir berkembang 1.8 peratus (2024: 1.4%) disokong oleh Perbelanjaan swasta dan Perbelanjaan kerajaan yang masing-masing meningkat 1.3 peratus dan 3.0 peratus. Sebaliknya, Pembentukan modal tetap kasar menguncup 3.2 peratus, dipengaruhi terutamanya oleh sektor Pembinaan yang terus merosot pada kadar 9.8 peratus (2024: -3.3%).

The Ministry of Trade, Industry and Resources (MOTIR), Republik Korea, 2026 melaporkan eksport negara tersebut meningkat 3.8 peratus kepada USD709.7 bilion pada tahun 2025 (2024: USD683.6 bilion), sekali gus mencatatkan prestasi tertinggi dalam sejarah serta melepasi paras USD700 bilion buat pertama kalinya. Peningkatan ini dipacu oleh lonjakan dalam eksport semikonduktor yang meningkat 22.2 peratus (USD173.4 bilion), disokong oleh permintaan kukuh oleh pusat data dan kenaikan mendadak dalam harga untuk cip memori. Eksport bagi automobil berjumlah USD72.0 bilion, turut meningkat 1.7 peratus. Walaupun eksport ke Amerika Syarikat yang merupakan pasaran terbesar eksport Korea menurun disebabkan oleh kesan tarif, namun penghantaran ke *European Union* (EU) dan *The Commonwealth of Independent States* (CIS) meningkat berikutan permintaan yang kukuh untuk kenderaan hibrid dan kereta terpakai. Pada masa sama, nilai import Republik Korea bagi 2025 kekal hampir tidak berubah pada USD631.7 bilion (2024: USD631.8 bilion), menurun

1.1%

**Ekonomi
Republik Korea
pada tahun 2025**

sebanyak 0.02 peratus. Penurunan ini dipengaruhi terutamanya oleh pengurangan import tenaga susulan penurunan harga minyak global. Keadaan ini menyumbang kepada lebih dagangan sebanyak USD78.0 bilion, tertinggi sejak 2017 (USD95.2 bilion).

Beralih kepada pasaran buruh, *Ministry of Data and Statistics* (MODS) melaporkan bahawa pada tahun 2025, KPTB republik ini meningkat kepada 64.7 peratus berbanding 64.5 peratus pada tahun 2024, menunjukkan penglibatan tenaga buruh yang semakin ramai. Jumlah penduduk bekerja pula mencapai 28.8 juta orang, terdiri daripada 15.9 juta lelaki dan 12.8 juta perempuan. Sementara itu, kadar pengangguran kekal pada 2.8 peratus.

Inflasi Republik Korea meningkat pada tahun 2025, namun lebih perlahan iaitu 2.1 peratus berbanding 2.3 peratus pada 2024. Inflasi ini merupakan yang terendah pernah dicatatkan dalam tempoh lima tahun (2021: 2.5%). Penurunan kadar inflasi ini sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga yang perlahan bagi kumpulan asas seperti Makanan & minuman bukan alkohol (3.2%, 2024: 3.9%), Pakaian & kasut (2.0%, 2024: 3.3%) serta Perumahan, air, elektrik & bahan api lain (1.6%, 2024: 1.7%). Sementara itu, penurunan mendadak kumpulan Komunikasi kepada negatif 1.0 peratus (2024: 0.3%) menunjukkan kesan teknologi dan persaingan pasaran terhadap harga perkhidmatan (MODS, 2026).

Taiwan

Ekonomi Taiwan bertumbuh 8.7 peratus pada tahun 2025 berbanding 5.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2024. Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 3.6 peratus (2024: 4.4%). Pertumbuhan sektor ini didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang terus berkembang daripada 2.8 peratus kepada 6.8 peratus pada

tahun 2025. Subsektor Kewangan dan Insurans turut berkembang 5.6 peratus (2024: 15.4%), namun subsektor Hartanah dan Pemilikan Kediaman menguncup sebanyak 1.0 peratus (2024: 4.3%). Sektor Pembuatan berkembang dengan pertumbuhan dua digit iaitu 16.5 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 10.4 peratus pada tahun 2024. Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus menyusut 1.7 peratus (2024: -1.0%). Dari sudut permintaan pula, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Perbelanjaan akhir kerajaan masing-masing bertumbuh 1.5 peratus dan 1.2 peratus pada tahun 2025, namun sedikit perlahan berbanding tahun sebelumnya. Manakala Pembentukan modal tetap kasar bertumbuh dua digit iaitu 10.5 peratus berbanding 7.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2024 (National Statistics Republic of China (Taiwan), (NSRC), 2026).

8.7%

**Ekonomi
Taiwan pada
tahun 2025**

Eksport Taiwan bernilai USD640.7 bilion pada tahun 2025 (2024: USD474.9 bilion) dengan pertumbuhan sebanyak 34.9 peratus, sekali gus mencatatkan kadar tertinggi dalam tempoh 15 tahun. Peningkatan eksport ini didorong terutamanya oleh produk maklumat, komunikasi dan audio-video yang bertumbuh kukuh iaitu 89.5 peratus (2024: 59.0%). Eksport produk elektronik memulih dengan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 25.8 peratus selepas menyusut 0.9 peratus pada tahun 2024. Sementara itu, import Taiwan mencecah USD483.6 bilion, terus meningkat 22.6 peratus berbanding 12.2 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan import ini didominasi



oleh produk jentera & peralatan elektrik yang bertumbuh dua digit iaitu 49.0 peratus, disokong oleh produk maklumat, komunikasi dan audio-video yang mencatat pertumbuhan memberangsangkan iaitu sebanyak 105.1 peratus serta produk elektronik 37.8 peratus. Walaupun nilai import meningkat, prestasi eksport yang lebih kukuh membolehkan Taiwan mengekalkan lebih dagangan sebanyak USD157.1 bilion pada tahun 2025 berbanding USD80.6 bilion pada tahun 2024 (*Ministry of Finance, R.O.C, Taiwan, 2026*).

Bilangan tenaga buruh di Taiwan kekal pada 12.0 juta orang pada tahun 2025. KPTB meningkat 0.1 mata peratus, iaitu daripada 59.3 peratus pada tahun 2024 kepada 59.4 peratus pada tahun 2025. Pada tempoh sama, bilangan penganggur menurun kepada 403 ribu orang (2024: 406 ribu orang). Namun demikian, kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.4 peratus (NSRC 2026).

Kadar inflasi di Taiwan turun 0.5 mata peratus kepada 1.7 peratus pada 2025, mencerminkan perubahan harga yang lebih stabil berbanding 2.2 peratus pada tahun sebelumnya. Penyederhanaan inflasi ini dipengaruhi oleh semua kumpulan asas, iaitu Makanan (3.0%, 2024: 3.7%), Pakaian (-0.4%, 2024: 0.3%), Perumahan (1.9%, 2024: 2.2%), Pengangkutan & komunikasi (-1.0%, 2024: 0.4%), Kesihatan (1.9%, 2024: 3.1%) dan Pendidikan & hiburan (1.2%, 2024: 1.6%). Di samping itu, harga komoditi dan perkhidmatan turut meningkat perlahan, masing-masing 1.2 peratus dan 2.1 peratus (NSRC, 2026).



1.7%
Inflasi
Taiwan pada
tahun 2025



ASEAN-5

Rantau ASEAN-5 terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Menurut WEO, *July 2026*, prestasi ekonomi rantau ini berkembang 4.5 peratus pada tahun 2025 berbanding 4.8 peratus pada tahun 2024.

Indonesia

Ekonomi Indonesia berkembang 5.1 peratus pada tahun 2025 berbanding 5.0 peratus pada tahun 2024 seperti yang dilaporkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS, 2026). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh Aktiviti perkhidmatan lain yang merekodkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 9.9 peratus (2024: 9.8%). Ini diikuti oleh Aktiviti perniagaan yang berkembang 9.1 peratus (2024: 8.4%) serta Pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 8.8 peratus (2024: 8.7%). Selain itu, sektor Pembuatan serta Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal turut menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Indonesia dengan masing-masing berkembang 5.3 peratus dan 5.5 peratus. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan pengkuarian menyusut 0.7 peratus berbanding pertumbuhan 4.9 peratus pada tahun sebelumnya. Dari sudut komponen perbelanjaan, Eksport barangan dan perkhidmatan bertumbuh 7.0 peratus (2024: 6.5%). Sementara itu, Perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah berkembang pada kadar 5.0 peratus (2024: 4.9%), manakala Pembentukan Modal Tetap Kasar (GFCF) mengukuh kepada 5.1 peratus (2024 : 4.6%).

Eksport Indonesia meningkat 6.2 peratus pada tahun 2025 iaitu lebih tinggi berbanding pertumbuhan 2.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2024 bernilai USD282.9 bilion (2024: USD266.5 bilion). Prestasi eksport yang memberangsangkan ini disokong oleh peningkatan eksport bukan minyak & gas yang berkembang 7.7 peratus (2024: 2.5%).

Pencapaian tersebut didorong terutamanya oleh kumpulan lemak & minyak haiwan atau sayuran yang melonjak 27.9 peratus selepas menguncup 5.7 peratus pada 2024. Sementara itu, bahan api mineral yang merupakan penyumbang komoditi eksport kedua terbesar Indonesia, terus merosot 19.2 peratus (2024: -9.0%). Kumpulan Besi dan keluli menunjukkan pemulihan dengan pertumbuhan 8.4 peratus berbanding penguncupan 3.4 peratus pada 2024. Pada masa sama, eksport minyak & gas merosot 17.7 peratus dipengaruhi oleh minyak mentah yang menyusut 30.2 peratus.

Seterusnya, import Indonesia yang bernilai berjumlah USD241.9 bilion juga meningkat pada kadar 2.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 5.3%). Prestasi ini disokong oleh kenaikan import bukan minyak & gas sebanyak 5.1 peratus (USD209.1 bilion). Sebaliknya import minyak & gas menguncup sebanyak 9.7 peratus (USD32.8 bilion) (BPS, 2026).

Jumlah penduduk Indonesia pada tahun 2025 meningkat kepada 284.4 juta orang berbanding 281.6 juta orang pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut, seramai 146.5 juta orang merupakan penduduk bekerja. Sementara itu, KPTB kekal pada 70.6 peratus berbanding tahun 2024. KPTB bagi lelaki sebanyak 84.4 peratus, manakala bagi perempuan adalah 56.6 peratus. Kadar pengangguran pula mencatatkan pertumbuhan 4.9 peratus pada tahun 2025 (2024: 4.9%) (BPS, 2026).

Kadar inflasi di Indonesia pada Disember 2025 meningkat 2.9 peratus berbanding 1.6 peratus pada tempoh sama tahun 2024 (BPS, 2026). Kenaikan inflasi ini didorong oleh peningkatan indeks harga dalam pelbagai kumpulan perbelanjaan, antaranya adalah Makanan, minuman & tembakau (4.6%), Perumahan, air, elektrik & bahan api

isi rumah (1.6%) serta Pengangkutan (1.2%). Sebaliknya, kumpulan Maklumat, komunikasi & perkhidmatan kewangan mencatatkan penguncupan sebanyak 0.3 peratus.

Thailand

Ekonomi Thailand berkembang sebanyak 2.4 peratus pada tahun 2025 berbanding 2.9 peratus pada tahun 2024 seperti yang dilaporkan oleh *Office of the National Economic and Social Development Council* (NESDC, 2026). Dari sudut perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih sederhana iaitu 2.7 peratus (2024: 4.4%) manakala Perbelanjaan penggunaan kerajaan menunjukkan pertumbuhan marginal 0.6 peratus berbanding 2.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sementara itu, jumlah Pelaburan meningkat kepada 4.9 peratus (2024: -0.3%) disokong oleh Pelaburan awam yang mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 8.9 peratus (2024: 4.5%). Pelaburan swasta juga menunjukkan pemulihan dengan berkembang 3.5 peratus (2024: -1.9%). Dari sudut pengeluaran, sektor Perdagangan borong dan runcit, Pertanian serta Pembinaan masing-masing berkembang 6.1 peratus (2024: 3.2%), 3.6 peratus (2024: 1.9%) dan 6.6 peratus (2024: 1.7%). Sektor Pembuatan pula pulih marginal 0.4 peratus (2024: -0.3%). Manakala sektor Penginapan dan perkhidmatan makanan serta sektor Pengangkutan dan penyimpanan masing-masing tumbuh perlahan pada 2.5 peratus (2024: 12.0%) dan 4.0 peratus (2024: 10.1%).

Nilai dagangan Thailand mencatat peningkatan ketara sebanyak 12.9 peratus pada 2025 (2024: 5.7%), dengan jumlah dagangan bernilai USD684.6 bilion berbanding USD606.3 bilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport dan import negara ini masing-masing meningkat kepada USD339.6 bilion (2024: USD300.7 bilion) dan USD344.9 bilion



(2024: USD305.5 bilion). Namun, peningkatan import yang lebih tinggi berbanding eksport telah mendorong defisit dalam dagangan Thailand sebanyak USD5.3 bilion. Antara rakan dagang utama adalah China (USD147.3 bilion), Amerika Syarikat (USD93.7 bilion), Jepun (USD53.2 bilion), Taiwan (USD30.8 bilion) dan Malaysia (USD28.3 bilion) (*Ministry of Commerce Thailand, 2026*).

Menurut NESDC 2026, bilangan tenaga buruh di Thailand berjumlah 40.2 juta orang, menyusut 0.3 peratus pada 2025 (2024: -0.2%). Dalam masa sama, bilangan penduduk bekerja menurun 0.5 peratus kepada 39.6 juta orang, berbanding 39.8 juta orang pada 2024. Kadar pengangguran Thailand semakin rendah iaitu daripada 1.0 peratus kepada 0.8 peratus pada 2025. Keadaan ini mendorong kerajaan Thailand untuk memperkukuh peluang pekerjaan berkualiti melalui pemerkasaan hubungan antara Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan perniagaan tempatan dalam peningkatan pekerjaan berkemahiran tinggi, serta menangani gangguan pekerjaan kesan daripada perkembangan AI.

Inflasi di Thailand mereda sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2025 berbanding 0.4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Keadaan ini disumbangkan oleh penurunan harga tenaga, termasuk bahan bakar dan elektrik, selaras dengan trend harga tenaga global serta langkah kerajaan untuk meringankan kos sara hidup. Pada masa sama, harga sayur-sayuran dan buah-buahan segar turun akibat bekalan pasaran yang lebih banyak, manakala harga barangan penjagaan peribadi turun kesan daripada aktiviti promosi oleh pengusaha. Walau bagaimanapun, harga beberapa barangan penting meningkat, termasuk makanan siap, ikan dan hasil akuatik, serta bahan-bahan memasak (*Ministry of Commerce Thailand, 2026*).

0.1%**Kadar inflasi
Thailand
pada tahun 2025**

Singapura

Ekonomi Singapura mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus pada tahun 2025 berbanding 5.3 peratus pada tahun 2024. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh sektor Pembuatan yang berkembang kepada 8.7 peratus, lebih tinggi daripada 3.8 peratus yang dicatatkan pada tahun 2024. Pencapaian ini disokong oleh peningkatan ketara dalam output kluster elektronik berikutan permintaan berkaitan AI yang melebihi jangkaan, khususnya bagi semikonduktor, pelayan (server) dan produk berkaitan. Sementara itu, sektor Perdagangan borong meningkat sebanyak 6.1 peratus (2024: 5.6%), manakala sektor Kewangan dan insurans berkembang 4.3 peratus, menyederhana berbanding 7.3 peratus pada tahun sebelumnya (*Ministry of Trade and Industry Singapore (MTI) 2026*). Dari sudut perbelanjaan, permintaan domestik berkembang sebanyak 3.6 peratus, lebih perlahan berbanding 9.0 peratus pada tahun 2024. Perkembangan ini didorong oleh peningkatan dalam Perbelanjaan penggunaan sebanyak 3.4 peratus (2024: 6.3%) disokong peningkatan dalam penggunaan swasta. Penggunaan swasta bertumbuh 3.9 peratus disumbangkan terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan bagi pengangkutan serta rekreasi dan kebudayaan. Manakala penggunaan awam meningkat 1.7 peratus, namun lebih perlahan berbanding 7.9 peratus pada tahun 2024, sejajar dengan perbelanjaan kerajaan yang lebih sederhana. Sementara itu,



Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) turut berkembang kukuh 6.1 peratus, namun perlahan berbanding 6.3 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh PMTK swasta yang meningkat 5.9 peratus (2024: 4.7%), berikutan peningkatan pelaburan dalam pembinaan bangunan, jentera dan peralatan, peralatan pengangkutan serta produk harta intelek. Pada masa sama, PMTK awam turut meningkat 7.1 peratus (2024: 12.8%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan pelaburan merentas semua komponen utama.

Dari sudut perdagangan antarabangsa, jumlah dagangan barangan Singapura pada tahun 2025 meningkat sebanyak 8.7 peratus berbanding 6.6 peratus tahun 2024 dengan nilai USD1.4 trilion. Prestasi positif ini dipengaruhi oleh peningkatan dalam eksport barangan sebanyak 9.6 peratus berbanding 5.7 peratus yang direkodkan pada tahun 2024. Pertumbuhan positif ini didorong oleh eksport bukan minyak 4.8 peratus (2024: 0.2%), disumbangkan oleh pertambahan penghantaran bagi kedua-dua kategori, iaitu barangan elektronik (12.7%) dan bukan elektronik (2.5%). Sebaliknya, eksport minyak menguncup sebanyak 9.2 peratus (2024: 1.0%) disebabkan oleh pengurangan eksport ke Indonesia, Hong Kong dan Malaysia. Kejatuhan ini juga sebahagiannya mencerminkan harga minyak yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, import barangan turut bertumbuh 7.7 peratus (2024: 7.8%), dipengaruhi oleh import bukan minyak yang meningkat 12.7 peratus (2024: 9.9%). Walau bagaimanapun, import minyak masih merekodkan penurunan pada kadar 13.3 peratus (2024: -0.3%). Selain itu, jumlah perdagangan perkhidmatan berkembang 3.3 peratus (2024: 13.0%) disokong oleh pertumbuhan eksport perkhidmatan sebanyak 3.5 peratus (MTI, 2026).

Dari sudut pasaran buruh Singapura, *Ministry of Manpower of Singapore* melaporkan bahawa bilangan tenaga buruh di negara tersebut terus meningkat kepada 4.1 juta orang berbanding 4.0 juta orang pada tahun 2024. Pada masa sama, bilangan bekerja meningkat kepada 4.0 juta orang (2024: 3.9 juta orang) manakala bilangan penganggur juga meningkat kepada 98.8 ribu orang (2024: 95.9 ribu orang). KPTB menurun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 67.9 peratus berbanding 68.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran meningkat kepada 2.0 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2024.

Inflasi di Singapura menurun 1.5 mata peratus kepada 0.9 peratus pada tahun 2025 berbanding 2.4 peratus pada tahun 2024. Walaupun inflasi keseluruhan lebih rendah, kenaikan harga masih direkodkan bagi beberapa kumpulan utama termasuk Penjagaan kesihatan sebanyak 2.7 peratus berikutan kenaikan kos insurans kesihatan. Selain itu, ia turut dipengaruhi oleh peningkatan harga dalam Pengangkutan (2.5%), Makanan (1.2%), Perumahan & utiliti (0.7%) dan Pendidikan (0.7%). Sebaliknya, inflasi Pakaian & kasut merosot 0.9 peratus, disumbangkan oleh harga pakaian siap (*ready-made garments*) dan kasut yang lebih murah. Inflasi bagi Rekreasi, sukan & budaya dan Maklumat & komunikasi masing-masing menurun 1.1 peratus dan 1.9 peratus disebabkan oleh kos perjalanan percutian dan perkhidmatan maklumat & komunikasi yang lebih rendah (MTI, 2026).

0.9%

**Kadar inflasi
Singapura pada
tahun 2025**



Filipina

Menurut *Philippine Statistics Authority* (PSA) 2026, ekonomi Filipina berkembang 4.4 peratus pada tahun 2025 berbanding 5.7 peratus pada tahun 2024, disokong oleh sektor Perkhidmatan. Sektor ini berkembang 5.9 peratus berbanding 6.7 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit serta pembaikan kenderaan bermotor & motosikal (5.2%), Aktiviti kewangan & insurans (5.8%), Perkhidmatan profesional & perniagaan (4.8%) dan Hartanah & pemilikan kediaman (4.5%). Di samping itu, sektor Industri turut berkembang iaitu 1.5 peratus, didorong oleh industri Pembuatan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.5 peratus, sebaliknya sektor Pembinaan menguncup 0.2 peratus (2024: 10.2%). Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan kembali mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.1 peratus selepas menguncup 1.5 peratus pada tahun 2024. Dari sudut permintaan, Perbelanjaan akhir penggunaan isi rumah kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi, namun menyederhana kepada 4.6 peratus pada tahun 2025 (2024: 4.9%). Pada masa sama, eksport dan import barangan dan perkhidmatan turut meningkat masing-masing 8.1 peratus (2024: 3.3%) dan 5.1 peratus (2024: 4.2%). Selain itu, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan turut berkembang 9.1 peratus berbanding 7.3 peratus pada tahun 2024.

Jumlah dagangan barangan Filipina berkembang kukuh 8.6 peratus pada tahun 2025 (2024: 0.5%) dengan nilai USD218.0 bilion (USD200.9 bilion). Eksport barangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih pesat iaitu 15.2 peratus (2024: -0.5%), meningkat kepada USD84.4 bilion berbanding USD73.3 bilion pada tahun 2024. Prestasi eksport yang memulih ini disokong oleh produk elektronik berjumlah USD46.0 bilion yang

15.2%**Eksport barangan
Filipina pada
tahun 2025**

merangkumi 54.4 peratus daripada keseluruhan eksport. Ini juga disokong oleh sebahagian besar kumpulan komoditi eksport utama yang mencatatkan pertumbuhan dua digit, antaranya emas (75.9%), pisang segar (36.1%) serta jentera dan kelengkapan pengangkutan (34.3%). Sebaliknya, bahan kimia menguncup sebanyak 8.3 peratus. Sementara itu, import barangan meningkat 4.7 peratus (2024: 1.1%) kepada USD133.6 bilion, didorong terutamanya oleh produk elektronik yang berkembang 16.7 peratus kepada USD31.9 bilion, sekali gus menyumbang 23.9 peratus kepada jumlah keseluruhan import. Produk logam (25.3%), peralatan telekomunikasi & mesin elektrik (23.7%), serta peralatan pengangkutan (10.5%) turut mencatat pertumbuhan dua digit, sekali gus menyokong perkembangan import barangan negara ini. Peningkatan nilai eksport telah menyumbang kepada pengurangan defisit dagangan kepada USD49.2 bilion berbanding USD54.3 bilion pada 2024 (PSA, 2026).

Beralih kepada senario pasaran buruh, menurut laporan PSA 2026, KPTB di Filipina mencatat 64.1 peratus pada 2025, menurun 0.3 mata peratus berbanding 64.4 peratus pada 2024. Sementara itu, kadar bekerja turut turun kepada 95.8 peratus berbanding 96.2 peratus pada tahun sebelumnya, menunjukkan kelembapan sederhana dalam pasaran buruh. Keadaan ini menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran kepada 4.2 peratus berbanding 3.8 peratus pada 2024.

Kadar inflasi Filipina terus mereda kepada 1.7 peratus pada 2025 berbanding 3.2 peratus pada 2024. Penurunan ini didorong oleh kadar inflasi bagi indeks Makanan dan minuman bukan alkohol iaitu 1.2 peratus pada 2025, lebih rendah berbanding 4.4 peratus pada 2024. Kadar inflasi bagi Restoran dan perkhidmatan penginapan turut menurun kepada 2.4 peratus berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya. Kadar inflasi yang lebih rendah turut dicatatkan dalam kumpulan Minuman beralkohol dan tembakau (3.8%), Pakaian dan kasut (1.8%), Perabot, peralatan rumah dan penyelenggaraan rutin rumah (2.2%), Kesihatan (2.6%), Rekreasi, sukan dan budaya (2.1%), Perkhidmatan pendidikan (3.8%) serta Penjagaan peribadi dan barangan serta perkhidmatan pelbagai (2.5%). Sementara itu, bagi indeks pengangkutan, merosot 0.4 peratus berbanding 0.9 peratus pada tahun 2024.

Viet Nam

Ekonomi Viet Nam terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.0 peratus berbanding 7.0 peratus pada tahun 2024. Pertumbuhan positif ketiga-tiga sektor utama menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Viet Nam yang teguh pada 2025. Sektor Perkhidmatan serta sektor Perindustrian dan Pembinaan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Viet Nam dengan hasil jumlah sumbangan sebanyak 80.4 peratus. Kedua-dua sektor ini terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 8.6 peratus (2024: 7.4%), manakala sektor Perindustrian dan Pembinaan bertumbuh kepada 9.0 peratus (2024: 8.2%). Pertumbuhan sektor Perkhidmatan didorong oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (8.5%; 2024: 8.0%), Pengangkutan & penyimpanan (11.0%; 2024: 10.8%), Kewangan, perbankan & insurans (7.8%; 2024: 7.1%) dan Penginapan &

perkhidmatan makanan (10.0%; 2024: 9.8%). Sementara itu, sektor Perindustrian dan Pembinaan disokong oleh peningkatan dalam industri pembuatan (10.0%; 2024: 9.8%) dan bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan (7.8%; 2024: 9.4%). Manakala sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan terus berkembang sebanyak 3.8 peratus (2024: 3.3%) walaupun berdepan dengan kesan buruk akibat ribut dan banjir di negara tersebut. Dari sudut perbelanjaan, Penggunaan akhir berkembang kukuh 8.0 peratus berbanding 6.6 peratus tahun 2024, diikuti peningkatan dalam pembentukan modal (8.7%), eksport barangan dan perkhidmatan (16.3%) serta import barangan dan perkhidmatan (17.1%) (*General Statistics Office (GSO) of Viet Nam*).

Bagi prestasi perdagangan antarabangsa, nilai dagangan keseluruhan Viet Nam meningkat 18.2 peratus (2024: 15.4%), bernilai USD930.1 bilion berbanding USD786.3 bilion pada tahun sebelumnya. Perkembangan ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti eksport barangan sebanyak 17.0 peratus dengan nilai USD475.0 bilion dan import barangan sebanyak 19.4 peratus kepada USD455.0 bilion. Walaupun import mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi, Viet Nam kekal merekodkan lebihan dagangan sebanyak USD20.0 bilion (2024: USD24.8 bilion). Dari segi komposisi eksport, barangan elektronik dan komputer kekal sebagai penyumbang utama dengan pertumbuhan sebanyak 48.4 peratus, diikuti oleh mesin, peralatan dan aksesori (13.2%) serta pelbagai jenis telefon (5.2%) (*GSO, 2026*).

17.0%

**Eksport barangan
Viet Nam pada
tahun 2025**



Dari sudut pasaran buruh di Viet Nam, bilangan tenaga buruh mencapai 53.5 juta orang pada tahun 2025, meningkat 589.5 ribu orang berbanding tahun sebelumnya (53.0 juta orang). KPTB kekal pada 68.6 peratus (2024: 68.9%). Sementara itu, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 52.4 juta orang pada tahun 2025 berbanding 51.9 juta orang pada tahun 2024. Daripada jumlah tersebut 38.9 peratus bekerja di kawasan bandar manakala selebihnya 60.1 peratus bekerja di kawasan luar bandar. Kadar pengangguran di Viet Nam kekal 2.2 peratus (GSO, 2026).

Kadar inflasi pada tahun 2025 adalah 3.3 peratus (2024: 3.6%). Keadaan ini dipengaruhi oleh kenaikan harga dalam kumpulan Perumahan, elektrik, air, bahan api & bahan binaan (6.1%), Makanan & perkhidmatan catering (3.3%), Ubat-ubatan & perkhidmatan kesihatan (13.1%), Barangan dan perkhidmatan lain (4.8%) serta Pendidikan (2.2%). Sementara itu, kumpulan Pengangkutan

dan Maklumat serta komunikasi masing-masing meningkat 2.1 peratus dan 0.5 peratus.

Rumusan

Secara keseluruhan, ekonomi global pada tahun 2025 menunjukkan pertumbuhan yang stabil dan berdaya tahan di sebalik ketidaktentuan persekitaran global. Impak terhadap perdagangan antarabangsa mula dirasai berikutan pelaksanaan tarif dagangan baharu oleh Amerika Syarikat. Inflasi di kebanyakan negara menunjukkan trend penurunan. Menurut WEO July 2026, pertumbuhan ekonomi global dijangka terus berdaya tahan sekitar 3.0 peratus pada tahun 2026. Prestasi ini didorong oleh keseimbangan antara tekanan perubahan dasar perdagangan dan pemangkin seperti peningkatan pelaburan teknologi termasuk AI, sokongan dasar fiskal dan monetari, keadaan kewangan yang akomodatif serta keupayaan sektor swasta untuk menyesuaikan diri.



KEDUDUKAN MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL

DAYA SAING DUNIA (WORLD COMPETITIVENESS RANKING) 2026

Daya Saing Dunia dinilai berdasarkan gabungan 262 kriteria yang merangkumi data kuantitatif dan kaji selidik persepsi eksekutif dengan penilaian utama tertumpu kepada empat faktor teras iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

Merujuk laporan *World Competitiveness 2026* yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development*, Singapura menduduki tangga pertama dalam Daya Saing

Dunia 2026, naik satu anak tangga (2025: ke-2). Hong Kong berada di kedudukan kedua (2024: ke-3), manakala Switzerland turun dua anak tangga, menduduki tempat ketiga pada tahun 2026 (2025: pertama).

Malaysia mencatatkan peningkatan lapan anak tangga ke kedudukan ke-15 daripada 70 negara (2025: ke-23), sekali gus merekodkan pencapaian terbaik negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam kalangan negara Asia Pasifik, Malaysia menduduki kedudukan kelima selepas Singapura (pertama), Hong Kong (ke-2), Taiwan (ke-3), China (ke-4). (**Jadual 1.2**)

Jadual 1.2 Kedudukan Daya Saing Dunia (*World Competitiveness Ranking*) negara terpilih, 2025 – 2026

Negara	2025		2026	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	2	99.44	1	100.00
Hong Kong	3	99.22	2	95.55
Switzerland	1	100.00	3	95.31
Taiwan	6	93.71	4	94.33
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	5	96.09	5	94.09
Denmark	4	97.51	6	94.08
Ireland	7	91.31	7	94.06
Belanda	10	89.75	8	90.13
Sweden	8	90.20	9	88.52
Amerika Syarikat	13	84.27	10	86.82
Qatar	9	89.93	11	85.93
China	16	82.13	12	84.43
Arab Saudi	17	82.09	13	84.02
Luxembourg	20	78.17	14	82.08
Malaysia	23	74.81	15	81.91

Sumber: IMD World Competitiveness Booklet, 2026



INDEKS PERDAGANGAN MAMPAN (SUSTAINABLE TRADE INDEX) 2025

Penilaian dalam Indeks Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development* menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-12 dalam Indeks Perdagangan Mampan, meningkat tiga anak tangga berbanding tempat ke-15 yang direkodkan pada tahun 2024 dengan pencapaian nilai skor 64.25 (2024: 52.70).

Indeks Perdagangan Mampan (STI) memberi tumpuan kepada tahap kesiapsiagaan ekonomi dalam menyertai perdagangan global secara mampan dengan mengambil kira keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kemajuan masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar. Indeks ini sekali gus menjadi penanda

aras penting serta panduan strategik kepada kerajaan serta sektor perniagaan dalam mengurus cabaran perdagangan antarabangsa.

Berdasarkan **Jadual 1.3**, United Kingdom mencatat peningkatan satu anak tangga pada tahun 2025, sekali gus mendahului New Zealand, yang menurun satu anak tangga ke kedudukan ke-2. Manakala Australia di tangga ketiga, kekal dalam kedudukan yang sama seperti tahun 2024.

Dalam kalangan negara Asia terpilih, Singapura masih mendahului di kedudukan keempat dengan skor 90.01, diikuti Republik Korea yang berada di kedudukan kelima selepas meningkat satu anak tangga (2024: ke-6), manakala Jepun menurun dua anak tangga ke kedudukan ketujuh dengan skor 83.48.

Jadual 1.3 Kedudukan Indeks Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) negara terpilih, 2024 – 2025

Negara	2024		2025	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
United Kingdom	2	97.70	1	100.00
New Zealand	1	100.00	2	97.01
Australia	3	87.40	3	93.26
Singapura	4	85.70	4	90.01
Korea Selatan	6	81.40	5	87.22
Hong Kong	7	81.40	6	83.79
Jepun	5	81.50	7	83.48
Kanada	8	80.00	8	80.45
Amerika Syarikat	10	72.20	9	79.54
Taiwan	9	72.30	10	77.90
Chile	11	63.90	11	67.66
Malaysia	15	52.70	12	64.25
Filipina	13	54.80	13	61.68
Viet Nam	14	54.10	14	58.43
Thailand	12	55.40	15	58.17
China	16	50.90	16	57.51
Indonesia	18	45.30	17	56.32
Mexico	17	48.90	18	52.90
Kemboja	19	42.40	19	50.75
Sri Lanka	26	16.80	20	41.09

Sumber: *Sustainable Trade Index 2025, International Institute for Management Development*

INDEKS KEAMANAN GLOBAL (GLOBAL PEACE INDEX) 2025

Dalam penerbitan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index 2025*) oleh *Institute for Economics & Peace*, kedudukan Malaysia menurun tiga anak tangga kepada tangga ke-13 berbanding tangga ke-10 pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, skor yang diperoleh meningkat kepada 1.469 (2024: 1.427) dan Malaysia masih berada dalam kelompok 20 negara paling aman di dunia.

Penilaian dalam *Global Peace Index 2025* dibuat berdasarkan beberapa aspek utama, antaranya tahap konflik antarabangsa dan domestik yang sedang berlaku, tahap keselamatan dan kawalan sosial serta tahap ketenteraan. Bagi aspek konflik antarabangsa

dan domestik yang sedang berlaku, Malaysia mencatatkan skor 1.008.

Dalam aspek ketenteraan, Malaysia masih mengekalkan kedudukan ketiga dengan skor 1.202 selepas Iceland dan Portugal. Sementara itu, bagi aspek keselamatan dan kawalan sosial, Malaysia merekodkan skor 1.974.

Berdasarkan **Jadual 1.4**, Iceland kekal menduduki kedudukan pertama negara paling aman, diikuti Ireland di kedudukan kedua dan New Zealand menduduki tempat ketiga dengan kenaikan satu anak tangga (2024: ke-4) seterusnya diikuti Austria dan Switzerland.

Dilihat dari perspektif rantau Asia Pasifik, Malaysia berada di tangga keempat negara paling aman selepas New Zealand, Singapura dan Jepun, sekali gus mengatasi negara Australia yang berada di kedudukan ke-5.

Jadual 1.4 Kedudukan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index*) negara terpilih, 2024 – 2025

Negara	2024		2025	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Iceland	1	1.112	1	1.095
Ireland	2	1.303	2	1.260
New Zealand	4	1.323	3	1.282
Austria	3	1.313	4	1.294
Switzerland	6	1.350	5	1.294
Singapura	5	1.339	6	1.357
Portugal	7	1.372	7	1.371
Denmark	8	1.382	8	1.393
Slovenia	9	1.395	9	1.409
Finland	13	1.474	10	1.420
Czechia	12	1.459	11	1.435
Jepun	17	1.525	12	1.440
Malaysia	10	1.427	13	1.469
Belanda	18	1.527	14	1.491
Kanada	11	1.449	14	1.491
Belgium	16	1.510	16	1.492
Hungary	14	1.502	17	1.500
Australia	19	1.536	18	1.505
Croatia	15	1.504	19	1.519
Jerman	20	1.542	20	1.533

Sumber: *Global Peace Index 2025*, *Institute for Economics & Peace*



INDEKS KETERANGKUMAN KEWANGAN GLOBAL (GLOBAL FINANCIAL INCLUSION INDEX) 2025

Indeks Keterangkuman Kewangan Global menilai sejauh mana pasaran di peringkat global mampu menyediakan akses kewangan yang diperlukan dengan tumpuan kepada tiga faktor utama iaitu sokongan kerajaan, majikan dan sistem kewangan. Laporan Indeks Keterangkuman Kewangan yang diterbitkan oleh *Principal Financial Services* menunjukkan bahawa Malaysia tersenarai dalam kalangan 25 negara teratas daripada 42 negara yang dianalisis secara global.

Pada tahun 2025, Malaysia menduduki kedudukan ke-21, turun satu anak tangga berbanding ke-20 pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, skor keterangkuman

kewangan negara meningkat kepada 53.1 (2024: 52.9). Prestasi kedudukan Malaysia dipengaruhi oleh sokongan majikan yang meningkat ke tangga ke-7 berbanding ke-13 pada 2024 serta sistem kewangan yang menduduki tangga ke-25 (2024: ke-24). Walaupun kedudukan sistem kewangan menurun satu anak tangga, skor bagi indikator ini meningkat daripada 51.0 pada 2024 kepada 51.5 pada 2025.

Di samping itu, Singapura terus mengekalkan kedudukan pertama selama empat tahun berturut-turut dengan pencapaian nilai skor 81.1 pada tahun 2025. Seterusnya, Hong Kong mengekalkan kedudukannya di tangga kedua manakala Switzerland meningkat 1 anak tangga dan mencapai tempat ketiga dalam Indeks Keterangkuman Kewangan (**Jadual 1.5**).

Jadual 1.5 Kedudukan Indeks Keterangkuman Kewangan Global (*Global Financial Inclusion Index*) negara terpilih, 2024 – 2025

Negara	2024		2025	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	1	78.8	1	81.1
Hong Kong	2	75.3	2	71.7
Switzerland	4	71.3	3	71.1
Korea Selatan	3	72.0	4	70.8
Sweden	5	70.7	5	68.8
Denmark	6	68.4	6	68.4
Amerika Syarikat	7	66.2	7	65.9
Thailand	8	65.1	8	64.3
Australia	9	63.6	9	62.5
United Kingdom	11	61.6	10	61.8
Norway	10	62.7	11	61.6
Belanda	12	60.7	12	60.8
New Zealand	13	58.9	13	58.3
Finland	15	57.5	14	58.1
Viet Nam	14	57.7	15	57.2
Kanada	17	55.7	16	56.2
Israel	-	-	17	56.2
Taiwan	16	55.8	18	55.4
Ireland	18	54.6	19	53.5
Jerman	19	53.2	20	53.3
Malaysia	20	52.9	21	53.1

Sumber: *Global Financial Inclusion Index 2025*, *Principle Financial Group* dan *World Bank*



INDEKS PERSEPSI RASUAH (CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX) 2025

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) diterbitkan setiap tahun oleh *Transparency International* bagi mengukur tahap persepsi rasuah dalam sektor awam di peringkat global. Indeks ini menilai sebanyak 182 negara dan wilayah menggunakan skala antara 0 hingga 100, di mana skor 0 melambangkan tahap rasuah yang paling tinggi, manakala skor 100 menandakan tahap rasuah yang paling rendah atau keadaan sesebuah negara yang dianggap bebas daripada rasuah.

Denmark, Finland dan Singapura merupakan tiga negara teratas dilihat sebagai negara yang paling bersih daripada rasuah.

Pada tahun 2025, Denmark dan Finland terus mengekalkan kedudukan masing-masing di tangga pertama (skor 89) dan kedua (skor 88). Sementara itu, Singapura berada di kedudukan ketiga dengan skor 84, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.7**.

Menurut *Transparency International Malaysia*, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2025 telah meningkat ke tangga ke-54 berbanding tangga ke-57 pada tahun 2024. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia berada pada kedudukan kedua terbaik dengan skor 52 mata selepas Singapura yang mencatatkan skor 84 mata diikuti oleh Viet Nam, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Jadual 1.7 Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index*) negara terpilih, 2024 – 2025

Negara	2024		2025	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Denmark	1	90	1	89
Finland	2	88	2	88
Singapura	3	84	3	84
New Zealand	4	83	4	81
Norway	5	81	4	81
Sweden	8	80	6	80
Switzerland	5	81	6	80
Luxembourg	5	81	8	78
Belanda	9	78	8	78
Jerman	15	75	10	77
Iceland	10	77	10	77
Malaysia	57	50	54	52
Oman	50	55	54	52
Bahrain	53	53	56	50

Sumber: Corruption Perceptions Index 2025, Transparency International



PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2026

Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2026 dijangka kekal berdaya tahan. Walaupun momentum sektor teknologi tinggi (*high-tech*) sedikit perlahan, sektor ini masih mampu mengimbangi kelembapan sektor lain, manakala impak daripada tekanan tarif perdagangan serta ketidaktentuan global terhadap pertumbuhan secara keseluruhan dijangka masih terkawal. Menurut WEO July 2026, pertumbuhan KDNK dunia diunjurkan sebanyak 3.0 peratus berbanding 3.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2025. Ekonomi negara maju diunjurkan berkembang pada kadar 1.7 peratus (2025: 1.9%) manakala EMDE dijangka bertumbuh pada kadar 3.8 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2025.

Selain itu, IMF melalui laporan WEO July 2026 mengunjurkan pertumbuhan volum perdagangan dunia yang lebih perlahan kepada 3.5 peratus pada tahun 2026 (2025: 5.0%). Penyederhanaan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan eksport yang lebih perlahan di negara maju dan EMDE masing-masing pada kadar 2.5 peratus dan 3.5 peratus. Pertumbuhan volum import turut dijangka sederhana iaitu 2.6 peratus bagi negara maju dan 2.7 peratus bagi EMDE. Selain itu, aktiviti perdagangan barangan pula diunjurkan berkembang lebih perlahan kepada 2.8 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun 2025.

Inflasi global pada tahun 2026 diramal mereda kepada 4.7 peratus (2025: 4.1%) dengan trend menyeluruh seperti permintaan dilihat semakin lemah serta harga tenaga yang lebih rendah dijangka kekal berterusan. Bagi negara maju, inflasi dijangka mereda pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.0 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun 2025. Trend yang sama turut diperhatikan dalam EMDE dengan inflasi diunjurkan sederhana kepada 5.8 peratus berbanding 5.2 peratus tahun sebelumnya (WEO, July 2026).

Pada masa sama, pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat terus berkembang positif 2.3 peratus (2025: 2.1%) disokong oleh dasar fiskal yang mengembang dan kadar dasar yang lebih rendah serta pengurangan kesan sekatan perdagangan. Bagi Kawasan Euro, ekonominya diunjurkan bertumbuh 0.9 peratus berbanding 1.4 peratus yang direkodkan pada tahun 2025. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan perbelanjaan awam, khususnya di Jerman serta prestasi kukuh berterusan di Ireland dan Sepanyol. Ekonomi Jerman dijangka bertumbuh marginal 0.7 peratus berbanding marginal 0.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, Perancis, Itali dan Sepanyol masing-masing diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 0.6 peratus, 0.5 peratus dan 2.1 peratus pada tahun 2026. Pertumbuhan ekonomi Jepun diramalkan bertumbuh secara marginal 0.6 peratus pada tahun 2026 berbanding 1.1 peratus yang direkodkan pada tahun 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh pakej rangsangan fiskal yang diumumkan oleh kerajaan. Manakala ekonomi China dijangka berkembang 4.6 peratus (2025: 5.0%) disokong oleh kadar tarif Amerika Syarikat yang lebih rendah ke atas barangan China hasil gencatan perdagangan selama setahun seperti yang telah dipersetujui, di samping langkah rangsangan yang dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun (**Jadual 1.8**).

Ekonomi rantau ASEAN-5 yang merangkumi Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand dijangka berkembang pada kadar 4.1 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2025 (WEO, July 2026). Sementara itu, kadar inflasi di rantau ini diunjurkan meningkat kepada 2.6 peratus, berbanding 1.1 peratus yang dicatatkan pada tahun 2025 (WEO, April 2026).

**Jadual 1.8** Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2025 dan unjuran 2026

(%)

Negara	2025	Unjuran 2026
Ekonomi Dunia	3.5	3.0
Negara Maju	1.9	1.7
Amerika Syarikat	2.1	2.3
Kawasan Euro	1.4	0.9
Jerman	0.2	0.7
Perancis	0.9	0.6
Itali	0.5	0.5
Sepanyol	2.8	2.1
Jepun	1.1	0.6
United Kingdom	1.4	1.0
Negara EMDE	4.5	3.8
China	5.0	4.6
Republik Korea	1.1	2.6
Taiwan***	8.7	5.2
ASEAN-5**	4.5	4.1
Singapura***	5.0	3.5
Thailand	2.4	1.9
Filipina	4.4	3.9
Indonesia	5.1	5.0
Viet Nam***	8.0	7.1
Malaysia	5.2	4.7

Sumber: IMF, *World Economic Outlook*, July 2026 dan National Statistics Office (NSO)

* EMDE : Emerging Market and Developing Economies

** ASEAN-5 (Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand)

***IMF, *World Economic Outlook*, April 2026

Nota:

Rujukan yang diambil telah diolah bersesuaian dengan laporan ini.



2025 SENARIO EKONOMI MALAYSIA

EKONOMI MALAYSIA KEKAL BERDAYA SAING MESKIPUN BERDEPAN KETIDAKTENTUAN GLOBAL

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan terus menunjukkan prestasi ekonomi yang stabil meskipun berdepan dengan ketidaktentuan global. Ini disokong oleh peningkatan permintaan domestik, transformasi digital, serta usaha kerajaan memperkukuh daya saing industri tempatan. Menurut Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar 2025, ekonomi Malaysia pada tahun 2025 mengekalkan momentum sebanyak 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah RM1.74 trilion (2024: RM1.65 trilion). Permintaan domestik kekal menjadi peneraju pertumbuhan dengan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Perbelanjaan kerajaan masing-masing berkembang 5.3 peratus, lebih tinggi dari tahun sebelumnya. Ia turut disokong oleh peningkatan dalam Pembentukan modal tetap kasar sebanyak 9.6 peratus.

Seterusnya, peningkatan permintaan domestik turut disokong oleh industri pelancongan yang semakin rancak. Pada tahun 2025, bilangan pelawat domestik meningkat 11.5 peratus dengan mencatatkan 290.1 juta pelawat berbanding 260.1 juta pelawat pada tahun 2024. Seiring dengan peningkatan ini, jumlah perbelanjaan pelawat domestik turut berkembang sebanyak 13.6 peratus kepada RM121.3 bilion berbanding RM106.7 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan perbelanjaan oleh pelancong dan pelawat harian, masing-masing meningkat 14.6 peratus dan 12.2 peratus.

Dalam usaha membina momentum menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026, kerajaan komited menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di Asia Tenggara. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, termasuk menganjurkan program *Visit Malaysia Travel Meet 2025* (VMTM 2025) iaitu satu inisiatif promosi berskala besar bagi memperkasakan pelancongan domestik. Kerajaan melalui *Tourism Malaysia* turut menganjurkan *Global Travel Meet 2025*, yang disifatkan sebagai platform penting dalam memperkukuh pelancongan, perdagangan serta pertukaran budaya di rantau ini. Usaha ini terbukti apabila Malaysia berjaya muncul sebagai negara paling ramai dikunjungi di Asia Tenggara bagi tahun 2025 selepas merekodkan kehadiran 42.2 juta pelancong asing (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2026). Malaysia juga terus mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelancongan utama mesra Muslim apabila sekali lagi dinobatkan sebagai Destinasi Mesra Muslim Terbaik dalam Indeks Pelancongan Muslim Global (GMTI) 2025, menandakan penguasaan selama sedekad sejak pengenalan indeks berkenaan pada tahun 2015 (Laporan Indeks Pelancongan Muslim Global 2025).

5.2%

**Pertumbuhan
ekonomi Malaysia
pada tahun 2025**



Pasaran buruh Malaysia menunjukkan momentum positif sepanjang tahun 2025 dan kekal berdaya tahan seiring dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Trend positif ini dapat diperhatikan melalui peningkatan bilangan guna tenaga yang berterusan serta penurunan kadar pengangguran. Menurut Laporan Survei Tenaga Buruh 2025, tenaga buruh meningkat sebanyak 184.6 ribu orang kepada 17.1 juta orang pada tahun 2025 (2024: 16.9 juta orang). Sehubungan itu, KPTB meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 70.8 peratus, berbanding 70.6 peratus pada tahun 2024. Ini mencerminkan keadaan pasaran kerja yang stabil dan peningkatan peluang pekerjaan. Bilangan penganggur turut berkurang kepada 507.2 ribu orang, menjadikan kadar pengangguran turun kepada 3.0 peratus, penurunan 0.2 mata peratus berbanding tahun sebelumnya. Senario ini disokong oleh permintaan guna tenaga dalam sektor perkhidmatan, pelancongan dan pembuatan.



3.0%
**Kadar
pengangguran
pada tahun 2025**



Melihat kepada perspektif permintaan luaran, Malaysia mencatatkan peningkatan ketara dalam jumlah perdagangan negara selaras dengan peningkatan permintaan global. Perkembangan ini turut diperkukuh oleh dasar perdagangan negara, kestabilan nilai mata wang serta pengembangan industri berteknologi tinggi. Menurut Statistik Perdagangan Malaysia mengikut Negeri, 2026, jumlah perdagangan negara bernilai RM3.1 trilion, bertumbuh sebanyak 6.2 peratus pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya (2024: RM2.9 trilion). Daripada jumlah tersebut, RM1.6 trilion adalah nilai eksport

barangan, meningkat 6.4 peratus disokong terutamanya oleh permintaan tinggi terhadap barangan elektrik dan elektronik, minyak sawit serta produk perkilangan. Import barangan pula bernilai RM1.5 trilion, meningkat 6.0 peratus pada tahun 2025. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan dalam barangan modal dan perantaraan. Lebihan dagangan turut bertambah kukuh, meningkat 11.2 peratus kepada RM154.6 bilion berbanding tempoh sama tahun 2024 (RM139.1 bilion).

Malaysia turut muncul sebagai destinasi pelaburan pilihan, disokong ekosistem perindustrian yang mantap, infrastruktur yang strategik dan ketersambungan rantai bekalan bersepadu. Menurut Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), Malaysia meraih pelaburan diluluskan sebanyak RM431.1 bilion pada 2025, peningkatan 12.1 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu RM384.4 bilion, sekali gus menjadi angka tertinggi dalam sejarah negara iaitu sejak tahun 1957. Pada tahun 2025, prestasi FDI meningkat kepada RM65.9 bilion, iaitu sebanyak 41.2 peratus berbanding RM46.7 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada aliran FDI pada 2025, dengan mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM59.5 bilion berbanding RM35.6 bilion pada tahun 2024. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, bernilai RM12.4 bilion pada 2025 (2024: RM35.5 bilion). Pertumbuhan pelaburan yang diluluskan ini menunjukkan kepercayaan berterusan pelabur asing dan domestik terhadap dasar Malaysia yang jelas dan agenda pembaharuan industri jangka panjang.

Belanjawan 2025 yang bertemakan 'Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat' telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Salah satunya adalah penyasaran semula



subsidi petrol RON95. Ini bertujuan membantu meringankan beban rakyat selain meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan agihan sumber kewangan negara. Selain penyasaran semula subsidi petrol RON95, kerajaan turut memperkukuhkan pelaksanaan Sumbangan Tunai Rahmah dan Sumbangan Asas Rahmah sebagai satu bentuk bantuan tambahan kepada rakyat. Kerajaan juga mengambil langkah menaikkan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700, peningkatan sebanyak RM200, yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2025. Langkah ini dilihat sebagai usaha penting dalam meningkatkan pendapatan golongan pekerja berpendapatan rendah, sekali gus membantu mereka menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Dalam konteks pengiktirafan antarabangsa, Malaysia berjaya melonjak 11 anak tangga dalam kedudukan Daya Saing Dunia 2025 ke kedudukan ke-23, sekali gus mencerminkan momentum progresif dalam agenda pemulihan dan pembaharuan ekonomi negara. Peningkatan kedudukan ini turut mengukuhkan hala tuju negara untuk berada dalam kelompok 12 ekonomi paling berdaya saing sebelum 2033, seperti yang disasarkan oleh Kerajaan. Kedudukan Daya Saing Dunia ini diiktiraf berdasarkan empat kriteria: prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan, dan infrastruktur. Dari segi prestasi ekonomi, Malaysia menduduki tempat keempat di dunia, peningkatan sebanyak empat mata daripada kedudukan kelapan tahun lepas. Dari segi kecekapan kerajaan dan perniagaan pula, masing-masing meningkat 8 anak tangga. Walau bagaimanapun, dari aspek infrastruktur, Malaysia mengekalkan kedudukannya pada tangga ke-35 tiga tahun berturut-turut. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua selepas Singapura mengatasi Filipina, Thailand dan Indonesia (Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, 2025).

Menurut Indeks Pasport Arton Capital 2025, Malaysia turut berjaya menduduki tangga ketiga dunia dalam *Ranking Passport Index 2025*, selepas negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang menduduki tangga pertama. Selain itu, dua negara yang berkongsi tangga kedua iaitu Sepanyol dan Singapura. Indeks ini merupakan satu penanda aras global yang mencerminkan kepercayaan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap keselamatan dokumen perjalanan Malaysia yang diyakini di mata dunia. Dalam konteks Malaysia, pemegang pasport warganegara Malaysia dapat menikmati kemudahan perjalanan tanpa visa ke 174 buah negara di seluruh dunia. Jika dibandingkan dengan negara di tangga pertama dan kedua, perbezaannya adalah pada bilangan negara yang boleh dimasuki tanpa memerlukan visa terlebih dahulu, termasuk *visa-free* dan *visa-on-arrival*. Pemegang pasport negara Sepanyol dan Singapura boleh menikmati kemudahan perjalanan tanpa visa ke 175 buah negara manakala pemegang pasport negara Emiriah Arab Bersatu boleh menikmati kemudahan perjalanan tanpa visa ke 179 buah negara.

Ringgit Malaysia juga mencatatkan prestasi kukuh sepanjang tahun 2025 dengan pengukuhan sebanyak 10.1 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat. Ini menjadikan mata wang negara ini menunjukkan prestasi terbaik di Asia. Trend positif ini dipacu oleh gabungan faktor luaran dan domestik, termasuk pelaksanaan dasar monetari global susulan penurunan kadar faedah di Amerika Syarikat, aliran masuk modal asing yang meningkat, serta keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia yang kukuh. Di samping itu, langkah berterusan kerajaan dalam memperkukuh asas ekonomi, melaksanakan reformasi struktur dan meningkatkan daya saing negara turut menyumbang kepada pengukuhan ringgit sepanjang tahun tersebut.



PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2025

Ekonomi Malaysia berkembang 5.2 peratus pada tahun 2025, meneruskan momentum pertumbuhan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan tersebut disokong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang sebanyak 82.5 peratus kepada keseluruhan KDNK. Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai penyumbang utama dengan mencatatkan 60.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2025 (**Carta 1.2**). KDNK Malaysia pada tahun 2025 berjumlah RM2.03 trilion pada harga semasa dan RM1.74 trilion pada harga malar. Sejajar dengan itu, Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat kepada RM57,200 berbanding RM54,870 pada tahun 2024.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.4 peratus pada tahun 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan yang sama seperti tahun 2024 (**Carta 1.3**). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan positif dalam semua subsektor utama. Subsektor Perdagangan borong & runcit meningkat 4.9 peratus (2024: 4.3%), diikuti oleh Maklumat & komunikasi sebanyak 7.4 peratus (2024: 3.5%). Subsektor Pengangkutan & penyimpanan terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.0 peratus (2024: 10.9%).

Pembuatan

Sektor Pembuatan meningkat 4.5 peratus (2024: 4.2%) pada tahun 2025 seperti di **Carta 1.4**. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor utama, terutamanya Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang meningkat 9.9 peratus (2024: 4.0%). Selain itu, Prosesan makanan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 9.1 peratus (2024: 4.7%), manakala Minyak dan lemak

daripada sayuran & haiwan berkembang 9.9 peratus (2024: 5.3%).

Pertanian

Sektor Pertanian bertumbuh 2.2 peratus pada tahun 2025 berbanding 3.4 peratus pada tahun 2024 (**Carta 1.5**). Prestasi ini disokong terutamanya oleh subsektor Kelapa sawit yang meningkat kepada 4.7 peratus (2024: 5.1%). Subsektor Pertanian lain dan Ternakan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.7 peratus (2024: 2.6%) dan 2.2 peratus (2024: 5.4%). Sebaliknya, subsektor Getah, Perikanan serta Perhutanan & pembalakan menunjukkan penyusutan pada tahun 2025.

Pembinaan

Sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.2 peratus pada tahun 2025 berbanding 17.6 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.6**). Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua segmen, terutamanya Bangunan bukan kediaman yang berkembang 16.6 peratus (2024: 13.9%), dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas meningkat 12.8 peratus (2024: 21.6%).

Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat secara marginal sebanyak 0.6 peratus berbanding 1.2 peratus pada tahun 2024 (**Carta 1.7**). Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Gas asli yang berkembang 0.5 peratus (2024: 2.3%). Ini diikuti oleh subsektor Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 2.4 peratus (2024: 4.4%), manakala subsektor Minyak mentah & kondensat merekodkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.2 peratus (2024: -1.3%) pada tahun 2025.



Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Penggunaan akhir swasta berkembang kepada 5.3 peratus berbanding 4.8 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.8**). Pengembangan ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Restoran & hotel dan Makanan & minuman bukan alkohol. Sumbangan perbelanjaan bagi barangan berkurang daripada 57.5 peratus kepada 56.6 peratus pada tahun 2025 dipengaruhi oleh barangan tidak tahan lama (71.6%) diikuti oleh barangan tahan lama (18.1%). Sebaliknya, sumbangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan kepada jumlah perbelanjaan penggunaan swasta meningkat kepada 43.4 peratus (2024: 42.5%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan menokok kepada 5.3 peratus daripada pertumbuhan 4.6 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.9**). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh perbelanjaan ke atas pendidikan dan perkhidmatan ekonomi yang telah merangsang keseluruhan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2025.

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang kepada 9.6 peratus (2024: 12.1%) seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 1.10**. Pertumbuhan ini dipengaruhi terutamanya oleh Struktur dan Jentera & peralatan yang masing-masing bertumbuh 11.1 peratus (2024: 15.5%) dan 8.9 peratus (2024: 9.1%). Selain itu, Aset lain menyederhana kepada


3.3 peratus (2024: 6.5%) pada tahun 2025. Dari segi sektor, pertumbuhan PMTK sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor Swasta (sumbangan: 77.3%) dengan pertumbuhan 9.4 peratus berbanding 12.4 peratus pada tahun 2024. Selain itu, sektor Awam meningkat kepada 10.3 peratus daripada 11.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Eksport dan import



Eksport bertumbuh sederhana kepada 4.9 peratus (2024: 8.6%) seperti yang digambarkan dalam **Carta 1.11**. Prestasi yang lebih perlahan ini dipengaruhi oleh penyederhanaan dalam Eksport barangan dan perkhidmatan yang masing-masing mencatatkan peningkatan 2.9 peratus (2024: 5.9%) dan 15.2 peratus (2024: 24.2%). Sumbangan Eksport barangan berjumlah 81.5 peratus daripada jumlah keseluruhan Eksport. Import berkembang sebanyak 6.3 peratus berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.12**). Prestasi ini disokong oleh Import barangan yang meningkat 6.6 peratus (2024: 9.6%) dan menyumbang 81.6 peratus daripada jumlah keseluruhan Import. Sementara itu, Import perkhidmatan kekal pada 5.0 peratus pada tahun 2025.




6.3%

**Pertumbuhan
import pada
tahun 2025**


**CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2025****Carta 1.1** KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar**Carta 1.2** KDNK - Sumbangan peratusan pada harga malar

KDNK pada harga malar: RM1,737.0 bilion


**Carta 1.3** Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan


Carta 1.4 Prestasi sektor Pembuatan, tahunan

Carta 1.5 Prestasi sektor Pertanian, tahunan

Carta 1.6 Prestasi sektor Pembinaan, tahunan



Carta 1.7




Carta 1.8




Carta 1.9




Carta 1.10 Prestasi Pembentukan modal tetap kasar, tahunan



Carta 1.11 Prestasi Eksport, tahunan



Carta 1.12 Prestasi Import, tahunan



Inflasi

Pada tahun 2025, inflasi Malaysia mereda kepada 1.4 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun 2024 dengan IHP mencatat 134.6 mata (2024: 132.8 mata). Ini disokong oleh pengukuhan mata wang Ringgit Malaysia, perbelanjaan isi rumah yang memberangsangkan serta inisiatif kerajaan untuk menyalurkan subsidi petrol RON95 kepada rakyat Malaysia, sedikit sebanyak mengekang inflasi Malaysia daripada terus meningkat tinggi. Melalui inisiatif ini, Malaysia telah beralih kepada sistem subsidi bersasar petrol RON95 atau BUDI MADANI RON95 (BUDI95), yang memberi manfaat kepada 16 juta rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas yang memiliki MyKad dan lesen memandu aktif. Mereka ini layak menikmati subsidi petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter berbanding harga pasaran semasa. Pada tempoh yang sama, inflasi bagi kumpulan utama menunjukkan peningkatan kecuali kumpulan Pakaian & Kasut (-0.2%) dan Maklumat dan Komunikasi (-4.3%). Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.4%); diikuti oleh Insurans & Perkhidmatan Kewangan (3.4%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%); Pendidikan (2.3%); Makanan & Minuman (2.1%); dan Minuman Alkohol & Tembakau (0.9%). Manakala, peningkatan sederhana direkodkan oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.6%); Kesihatan (1.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.1%); Pengangkutan (0.4%); dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.2%).

Kumpulan Kumpulan Makanan & minuman merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan isi rumah di Malaysia yang menyumbang 29.8 peratus daripada wajaran IHP menunjukkan peningkatan 2.1 peratus pada tahun 2025 berbanding 2.0 peratus tahun

sebelumnya. Peningkatan inflasi bagi kumpulan ini didorong oleh subkumpulan Makanan di luar rumah yang meningkat 4.0 peratus (2024: 3.6%) serta subkumpulan Makanan di rumah yang menyederhana kepada 0.1 peratus (2024:0.6%).

Bagi prestasi inflasi di peringkat negeri tahun 2025, semua negeri menunjukkan peningkatan perlahan dengan empat negeri merekodkan inflasi melepasi paras nasional 1.4 peratus iaitu Johor (2.0%), Selangor (1.7%), Negeri Sembilan (1.7%) dan Melaka (1.5%). Sementara itu, negeri-negeri lain yang merekodkan inflasi di bawah paras nasional antaranya ialah W.P. Kuala Lumpur (1.3%), Sabah (1.1%), Sarawak dan Perak masing-masing mencatatkan 0.9 peratus, manakala Kelantan mencatatkan inflasi paling rendah iaitu 0.3 peratus.

Sementara itu, kadar inflasi di negara-negara ASEAN pada tahun 2025 berada antara negatif 0.3 peratus hingga 7.7 peratus dengan Lao P.D.R mencatatkan inflasi tertinggi iaitu 7.7 peratus. Pada masa yang sama, empat negara lain mencatatkan kadar inflasi yang lebih tinggi daripada Malaysia iaitu Viet Nam (3.3%), Cambodia (2.5%), Indonesia (1.9%) dan Filipina (1.7%). Sementara itu, Singapura mencatatkan kadar inflasi 0.9 peratus lebih rendah berbanding Malaysia (1.4 %), diikuti Timor-Leste 0.5 peratus serta Thailand dan Brunei Darussalam masing-masing merekodkan negatif 0.1 peratus dan negatif 0.3 peratus.

Paparan 1.1 Purata harga item terpilih, Malaysia, 2024 – 2025

		
Ayam (kg)	Ikan kembung (kg)	Bayam (kg)
RM10.43	RM16.94	RM5.84
(2024: RM10.36)	(2024: RM16.33)	(2023: RM5.81)



Pasaran tenaga buruh

Ekonomi Malaysia pada tahun 2025 terus mencatatkan pertumbuhan mampan, disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, pelaburan strategik dalam industri berimpak tinggi, serta prestasi perdagangan luar negeri yang semakin baik.

Pasaran buruh Malaysia merekodkan perkembangan yang memberangsangkan, didorong oleh pelaburan strategik dalam industri semikonduktor dan teknologi tinggi. Kepakaran negara yang semakin kukuh dalam seni bina cip semikonduktor telah menarik minat pelabur asing, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantai bekalan global. Hasil daripada itu, pelaburan ini bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi, malah turut mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan berkemahiran tinggi, sekali gus memperkukuh daya tahan pasaran buruh (Pasaran Survei Tenaga Buruh, 2025).

Ini diperlihatkan menerusi peningkatan tenaga buruh sebanyak 1.1 peratus atau 184.6 ribu orang kepada 17.09 juta orang berbanding 16.90 juta orang pada tahun 2024. Pada masa sama, bilangan penduduk bekerja turut berkembang 1.3 peratus dengan mencatatkan seramai 16.58 juta orang (2024: 16.37 juta orang) merangkumi 10.39 juta orang lelaki dan 6.19 juta orang perempuan. KPTB turut meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 70.8 peratus, berbanding 70.6 peratus pada tahun sebelumnya, sekali gus mencatat paras tertinggi yang pernah direkodkan semenjak empat (4) dekad lepas.

Pada tempoh sama, bilangan penganggur menyusut sebanyak 5.0 peratus kepada 507.2 ribu orang berbanding 534.1 ribu orang pada tahun sebelumnya. Ini mendorong kepada penurunan kadar pengangguran sebanyak 0.2 mata peratus kepada 3.0 peratus

(2024: 3.2%). Kadar ini juga lebih rendah berbanding kadar semasa pra-pandemik iaitu 3.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2019 dan merupakan paras terendah yang pernah direkodkan dalam tempoh sedekad. Sementara itu, kadar pengangguran lelaki menurun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 2.9 peratus berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelum manakala kadar pengangguran perempuan berkurang sebanyak 0.3 mata peratus kepada 3.0 peratus (2024: 3.3%). Seiring dengan bilangan penganggur yang berkurang, penganggur lelaki turut mencatatkan penurunan 3.5 peratus kepada 315.6 ribu orang (2024: 327.1 ribu orang). Seterusnya, penganggur perempuan turut berkurang 7.5 peratus kepada 191.6 ribu orang (2024: 207.0 ribu orang). Daripada jumlah keseluruhan penganggur, kategori penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan menyumbang 79.2 peratus serta merekodkan penurunan sebanyak 1.8 peratus kepada 401.6 ribu orang (2024: 408.8 ribu orang). Sementara itu, penganggur tidak aktif atau mereka yang beranggapan bahawa tiada pekerjaan tersedia merekodkan seramai 105.6 ribu orang (2024: 125.3 orang) berkurang sebanyak 15.8 peratus.

Dalam pada masa sama, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menjadi petunjuk keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan meningkat sebanyak 0.3 mata peratus kepada 68.7 peratus berbanding 68.4 peratus pada tahun 2024. Dari segi pecahan mengikut sektor, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah guna tenaga, mewakili 66.0 peratus.

70.8%

KPTB merekodkan peningkatan pada tahun 2025

Ini diikuti oleh, sektor Pembuatan sebanyak 16.3 peratus, Pertanian (8.9%), dan Pembinaan (8.2%). Manakala selainnya disumbang oleh sektor Perlombongan & pengkuarian. Pada masa yang sama, guna tenaga mengikut tahap kemahiran kekal tertumpu dalam kategori pekerjaan separa mahir yang merangkumi 57.0 peratus diikuti oleh pekerjaan mahir 30.1 peratus dan pekerjaan berkemahiran rendah 12.9 peratus. Berdasarkan taraf pekerjaan, kategori pekerja merupakan kumpulan terbesar daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2025 iaitu 78.4 peratus, seterusnya diikuti penduduk bekerja sendiri (15.7%), majikan (3.8 %) dan pekerja keluarga tanpa gaji (2.1%).

Beralih kepada indikator utama tenaga buruh mengikut negeri, semua negeri mencatatkan KPTB yang lebih tinggi berbanding tahun 2024. W.P. Putrajaya mencatatkan kadar tertinggi iaitu 79.0 peratus diikuti Selangor (78.4%), W.P. Kuala Lumpur (75.8%), Pulau Pinang (72.2%), dan Johor (72.0%). Selain itu, lima (5) negeri mencatatkan KPTB terendah, iaitu Kedah (66.0%), Pahang (65.4%), Perlis (62.3%), Terengganu (60.8%) dan Kelantan (58.1%).

Bagi kadar pengangguran, W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pengangguran terendah pada 1.1 peratus, diikuti Melaka (1.6%) dan Pahang (1.8%). Manakala, lima (5) negeri mencatat kadar pengangguran melebihi paras nasional 3.0 peratus, iaitu Sabah (7.2%), W.P. Labuan (6.3%), Perlis (3.9%) serta Kelantan dan Perak masing-masing mencatatkan 3.5 peratus.



79.0%
KPTB W.P. Putrajaya
tertinggi pada
tahun 2025



Luar tenaga buruh

Pada tahun 2025, bilangan penduduk luar tenaga buruh bertambah sebanyak 11.1 ribu orang dengan peningkatan 0.2 peratus iaitu meningkat kepada 7.03 juta orang berbanding 7.02 juta orang pada tahun sebelumnya. Bilangan tenaga buruh perempuan yang merangkumi 69.5 peratus meningkat sebanyak 0.7 peratus kepada 4.89 juta orang (2024: 4.86 juta orang). Sebaliknya, bilangan tenaga buruh lelaki menyusut 1.0 peratus, mencatatkan 2.14 juta orang berbanding 2.16 juta orang pada tahun 2024.

Penduduk luar tenaga buruh di bandar menyumbang 72.7 peratus dari jumlah keseluruhan (5.1 juta orang) berbanding di kawasan luar bandar sebanyak 27.3 peratus (1.9 juta orang). Berdasarkan komposisi mengikut umur, individu berumur 15 hingga 24 tahun terus mencatatkan komposisi tertinggi dalam kalangan mereka yang berada di luar tenaga buruh, iaitu sebanyak 43.3 peratus. Dalam kumpulan umur ini, perempuan menyumbang 54.8 peratus, manakala lelaki merangkumi 45.2 peratus.

Faktor utama yang menyebabkan penduduk di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, dengan sumbangan sebanyak 42.7 peratus. Ini diikuti individu yang terlibat dalam kategori bersekolah/ latihan (42.2%), bersara/lanjut usia (9.4%), hilang upaya (3.6%), akan melanjutkan pelajaran (1.3%) dan tidak berminat (0.8%).

Produktiviti buruh

Peningkatan inovasi dan produktiviti merupakan elemen penting dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia daripada model berintensifkan input kepada berintensifkan ekonomi pengetahuan. Produktiviti buruh yang lebih tinggi berupaya memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan, inklusif dan berdaya saing. Pengukuran produktiviti buruh

adalah berdasarkan jumlah output yang dikeluarkan oleh setiap pekerja atau bagi setiap jam bekerja.

Secara keseluruhan, tahun 2025 menyaksikan prestasi produktiviti buruh per pekerja merekodkan peningkatan sebanyak 3.4 peratus berbanding 2.4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Nilai ditambah per pekerja meningkat kepada RM102,672 (2024: RM99,265 per pekerja). Di samping itu, prestasi produktiviti buruh per jam bekerja juga bertumbuh 3.7 peratus (2024: 2.1%) dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM44.5 (2024: RM42.9 per jam).

Jadual 1.9 menunjukkan sektor Pembinaan kekal mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2025 dengan pertumbuhan dua digit bagi kedua-dua produktiviti buruh iaitu berdasarkan nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja. Produktiviti buruh per pekerja mencatatkan peningkatan sebanyak 11.2 peratus (2024: 16.4%) dengan nilai RM52,514 per pekerja

(2024: RM47,223 per pekerja). Sementara itu, produktiviti buruh per jam bekerja juga meningkat 10.2 peratus (2024: 17.6%) dengan nilai RM22 per jam bekerja (2024: RM19.9 per jam bekerja).

Seterusnya, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pembuatan pada tahun 2025 merekodkan peningkatan 3.7 peratus dengan nilai RM 139,454 per pekerja berbanding tahun 2024 dengan pertumbuhan dan produktiviti masing-masing 2.6 peratus dan RM 134,532 per pekerja. Pada tempoh sama, produktiviti buruh per jam bekerja berkembang 4.6 peratus dengan nilai RM59 per jam berbanding peningkatan 2.1 peratus dengan nilai RM 56.5 per jam.

Bagi sektor Pertanian, produktiviti buruh per pekerja pada tahun 2025 kekal sama pada kadar 2.2 peratus seperti yang direkodkan pada tahun sebelumnya dengan nilai RM55,961 per pekerja (2024: RM54,762 per pekerja). Produktiviti buruh per jam bekerja juga berkembang 2.7 peratus (2024: 2.3 %) dengan

Jadual 1.9 Produktiviti buruh tahunan, nilai ditambah per pekerja dan per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, 2024 – 2025

Aktiviti ekonomi	Produktiviti nilai ditambah per pekerja		Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja		
	Nilai (RM)	2024	2025	2024	2025
Pertanian		54,762	55,961	25.2	25.9
Perlombongan dan pengkuarian		1,287,906	1,289,415	524.6	535.1
Pembuatan		134,532	139,454	56.5	59 .0
Pembinaan		47,223	52,514	19.9	22.0
Perkhidmatan		94,152	97,072	40.7	42.0
Produktiviti buruh		99,265	102,672	42.9	44.5
Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	2024	2025	2024	2025	
Pertanian	2.2	2.2	2.3	2.7	
Perlombongan dan pengkuarian	0.7	0.1	-0.5	2.0	
Pembuatan	2.6	3.7	2.1	4.6	
Pembinaan	16.4	11.2	17.6	10.2	
Perkhidmatan	1.8	3.1	1.3	3.3	
Produktiviti buruh	2.4	3.4	2.1	3.7	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

nilai RM25.9 per jam bekerja berbanding RM25.2 per jam bekerja pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Perkhidmatan pada tahun 2025 meningkat 3.1 peratus (2024: 1.8%) dengan nilai RM97,072 per pekerja (2024: RM94,152 per pekerja). Manakala produktiviti buruh per jam bekerja turut bertumbuh 3.3 peratus (2024: 1.3%) dengan nilai RM42 per jam bekerja berbanding RM40.7 per jam bekerja pada tahun 2024.

Sektor Perlombongan dan pengkuarian pula mencatatkan peningkatan marginal 0.1 peratus bagi segmen produktiviti buruh per pekerja pada tahun 2025 berbanding 0.7 peratus tahun sebelumnya dengan nilai RM1,289,415 per pekerja (2024: RM1,287,906). Pada masa sama, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat positif 2.0 peratus berbanding penyusutan 0.5 peratus yang direkodkan pada tahun 2024 dengan nilai RM535.1 per jam bekerja (2024: RM524.6 per jam bekerja).

PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2026

Dalam keadaan landskap global yang mencabar dan tidak menentu, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4 peratus hingga 5 peratus pada tahun 2026. Dengan pemacu pertumbuhan yang pelbagai, permintaan dalam negeri yang berdaya tahan serta kedudukan yang selamat dalam kitaran teknologi, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mendepani cabaran dan risiko pada masa hadapan (BNM, 2026). Pada masa yang sama, Bank Dunia menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2026 kepada

4.4 peratus daripada 4.1 peratus sebelum ini berdasarkan permintaan domestik yang berdaya tahan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula menaikkan unjuran pertumbuhan KDNK sebenar Malaysia kepada 4.7 peratus pada tahun 2026.

4.7%
**Unjuran pertumbuhan
KDNK Malaysia
pada tahun 2026**

Pencapaian ekonomi Malaysia pada tahun 2026 dapat dilihat melalui pertumbuhan nilai KDNK pada suku pertama tahun tersebut iaitu sebanyak 5.4 peratus, meningkat daripada 4.4 peratus pada suku pertama tahun 2025. Ini mencerminkan bahawa ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan di sebalik ketidaktentuan geopolitik global. Prestasi ini disokong oleh perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan dan swasta masing-masing 4.1 peratus (ST1 2025: 2.7%) dan 4.7 peratus (ST1 2025: 4.8%). Komponen PMTK pula berkembang 7.3 peratus berbanding 9.6 peratus tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh Struktur dan Jentera & peralatan yang masing-masing meningkat 7.0 peratus (ST1 2025: 13.3%) dan 8.7 peratus (ST1 2025: 5.4%). Sementara itu, Aset lain meningkat kepada 1.3 peratus daripada 6.9 peratus pada suku sama tahun sebelumnya. Bagi prestasi PMTK mengikut sektor, sektor Swasta (sumbangan: 80.3%) meningkat 7.8 peratus (ST1 2025: 9.1%) manakala sektor Awam bertumbuh sebanyak 5.3 peratus berbanding 11.6 peratus pada suku pertama tahun 2025 (KDNK Suku Pertama 2026).

Melihat dari sudut penawaran, sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun ini dengan sektor-sektor lain turut merekodkan pertumbuhan positif kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian. Ini dapat dilihat melalui Indeks Volum Perdagangan borong & runcit yang mencatatkan peningkatan tahunan sebanyak 4.9 peratus, mencapai 167.2 mata. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh Perdagangan borong yang merekodkan peningkatan 6.1 peratus, diikuti Perdagangan runcit dan Kenderaan bermotor, masing-masing bertumbuh sebanyak 4.8 peratus dan 1.0 peratus. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mengekalkan pertumbuhan positif pada Mei 2026 dengan catatan 8.4 peratus (Mei 2025: 0.04%). Pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama, dengan peningkatan sebanyak 6.6 peratus (Mei 2025: 2.8%). Nilai kerja dalam sektor Pembinaan turut berkembang kukuh pada suku pertama 2026 iaitu sebanyak 8.5 peratus kepada RM46.5 bilion berbanding RM42.9 bilion suku sama tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong terutamanya pengembangan berterusan dalam subsektor utama seperti Aktiviti pertukangan khas (24.6%), Bangunan bukan kediaman (12.7%), Bangunan kediaman (6.1%) dan Kejuruteraan awam (1.5%).



17.2 juta orang
Bilangan tenaga buruh
Malaysia pada suku
tahun pertama 2026



Beralih ke perdagangan antarabangsa, Malaysia merekodkan nilai perdagangan berjumlah RM1.8 trilion, menunjukkan peningkatan memberangsangkan iaitu 22.4 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2026 berbanding tempoh yang sama tahun 2025 (RM1.5 trilion). Nilai eksport mencecah RM971.6 bilion meningkat 27.5 peratus berbanding RM761.8 bilion pada Januari hingga Jun 2025. Pada tempoh sama, import negara bernilai RM824.4 bilion, berkembang 16.9 peratus (Januari–Jun 2025: RM705.1 bilion). Seterusnya, lebih dagangan melonjak 159.8 peratus kepada RM147.1 bilion, berbanding RM56.6 bilion pada tempoh sama tahun sebelumnya (Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia, Jun 2026).

Pasaran buruh Malaysia terus mencatatkan prestasi memberangsangkan pada suku pertama 2026 dengan pertambahan bilangan tenaga buruh sebanyak 145.4 ribu orang atau 0.9 peratus kepada 17.2 juta orang berbanding suku sama tahun sebelumnya (17.1 juta orang). Sementara itu, KPTB bertumbuh 70.9 peratus berbanding 70.8 peratus pada tempoh sama tahun 2025. Nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 68.8 peratus (ST1 2025: 68.6%). Ini sekali gus menggambarkan keadaan pasaran pekerjaan yang kukuh dan terkawal. Pada tempoh sama, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada 16.7 juta orang (ST1 2025: 16.6 juta orang). Bilangan penganggur pula menurun 3.1 peratus kepada 506.5 ribu orang (ST1 2025: 522.5 ribu orang).

Kadar pengangguran juga berkurang kepada 2.9 peratus berbanding 3.1 peratus suku pertama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan guna tenaga dalam semua sektor utama iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Pertanian serta Perlombongan & Pengkuarian (Sorotan Pasaran Buruh (LMR), Suku Pertama 2026).

Dari aspek pelaburan pula, Malaysia meraih pelaburan diluluskan berjumlah RM92.8 bilion bagi suku pertama 2026, dengan Jepun menjadi pelabur asing terbesar. Pelaburan asing menyumbang 60.5 peratus atau RM56.2 bilion kepada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala pelaburan domestik meningkat 13.0 peratus tahun ke tahun kepada RM36.7 bilion, mewakili 39.5 peratus daripada jumlah kelulusan. Pelaburan ini melibatkan 1,249 projek merentas sektor perkhidmatan, pembuatan dan utama. Walaupun nilai pelaburan mencatatkan penurunan kecil sebanyak 0.2 peratus (ST1 2025: RM93.0 bilion), namun projek yang diluluskan dijangka mewujudkan 50,226 pekerjaan baharu, iaitu peningkatan sebanyak 46.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas (34,240 pekerjaan baharu) (MIDA).

Selain itu, Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang menggambarkan hala tuju atau trend ekonomi negara pada masa hadapan meningkat 0.8 peratus tahun ke tahun pada Mei 2026, mencatatkan 114.4 mata berbanding 113.5 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh prestasi positif beberapa komponen terutamanya Penawaran Wang Benar, M1 (9.2%) dan Import Benar Semi Konduktor (2.7%), selaras dengan kecairan ekonomi yang stabil serta pengembangan aktiviti pengeluaran berkaitan komponen elektronik.

Perjalanan ekonomi negara pada tahun 2026 menyaksikan titik perubahan penting apabila dasar pembangunan kerajaan kini mula dilaksanakan secara menyeluruh menerusi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bagi tempoh 2026–2030. RMK-13 memberi fokus kepada masa depan yang lebih berdaya tahan, bernilai tinggi dan inklusif. Seiring dengan pelaksanaan ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM470 bilion untuk Belanjawan 2026, dengan peruntukan RM338.2 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM81 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Belanjawan 2026 yang membawa tema 'Belanjawan MADANI Keempat: Belanjawan Rakyat' telah mengetengahkan sembilan (9) tekad utama sebagai tunjang kepada agenda pembangunan negara. Tekad Satu menekankan keluhuran tatakelola terbaik dan tanggungjawab fiskal bagi menutup ruang ketirisan, manakala Tekad Dua memberi tumpuan kepada pemenuhan keutamaan rakyat, termasuk melalui penyasaran subsidi yang lebih saksama. Bagi memperkukuh sektor ekonomi, Tekad Tiga menyasarkan penerajuan ekonomi bernilai tinggi, disokong oleh Tekad Empat yang memacu produk ciptaan tempatan, serta Tekad Lima yang bertujuan meningkatkan ketahanan negara dalam menghadapi cabaran global dan perubahan iklim. Dalam memastikan keseimbangan pembangunan, Tekad Enam berfokus kepada usaha merapatkan jurang wilayah dan mencipta peluang baharu, sementara Tekad Tujuh dan Tekad Lapan masing-masing menjamin kelangsungan hidup rakyat melalui perlindungan sosial dan memperkasa kualiti perkhidmatan awam seperti kesihatan dan pendidikan. Tekad Sembilan melengkapkan kesemua matlamat ini dengan usaha membina jati diri dan memupuk nilai insani demi kesejahteraan rohani dan jasmani masyarakat.



Selain dasar dalam negeri, hala tuju ekonomi Malaysia turut dibentuk oleh perkembangan ekonomi dan geopolitik antarabangsa, yang membawa peluang untuk diraih. Antara peluang utama yang berpotensi diterokai oleh Malaysia adalah melalui pengukuhan hubungan ekonomi dengan blok-blok ekonomi dan rakan dagang strategik antarabangsa. Pengukuhan hubungan Malaysia dengan blok ekonomi baharu seperti BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) berpotensi meningkatkan peluang perdagangan, pelaburan serta kerjasama strategik antara negara anggota. Selain itu, usaha kerajaan memperkukuh hubungan ekonomi dengan negara maju juga berpeluang menarik lebih banyak pelaburan berkualiti tinggi serta memperkukuh kerjasama dalam bidang teknologi, inovasi dan pembangunan modal insan. Kerajaan juga turut komited untuk terus memperkukuh keselamatan dalam talian, meningkatkan literasi digital serta melabur dalam keupayaan AI negara bagi memastikan kepentingan Malaysia terus terpelihara.

Walau bagaimanapun, konflik geopolitik yang melibatkan kuasa besar dunia sejak penghujung Februari 2022 telah mewujudkan ketidaktentuan dalam ekonomi global sehingga memberi kesan kepada rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia. Gangguan di Selat Hormuz, laluan perdagangan strategik dunia telah melonjakkan harga minyak mentah dan kos perdagangan antarabangsa. Walaupun keadaan ini memberi kelebihan kepada Malaysia sebagai negara pengeluar minyak,

situasi tersebut turut meningkatkan tekanan inflasi akibat kenaikan kos bahan api, pengangkutan dan logistik. Susulan konflik tersebut, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah strategik bagi memperkukuh daya tahan industri utama terhadap kejutan luaran dan ketidaktentuan geopolitik. Antaranya adalah usaha memperluas pencarian sumber bahan api dari pelbagai negara, bagi memastikan jaminan bekalan tenaga negara. Inisiatif oleh Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) itu bertujuan memastikan bekalan bahan api negara terus mencukupi. Pada masa sama, kerajaan turut komited untuk mengekalkan harga minyak RON95 bersubsidi pada RM1.99 seliter bagi lebih 14 juta penerima yang layak, sekali gus membantu mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat. Langkah-langkah ini berupaya memperkukuh daya tahan ekonomi negara dalam berdepan cabaran global serta menyediakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Berlandaskan daya tahan tersebut, prospek ekonomi Malaysia terus menunjukkan perkembangan yang kukuh, didorong oleh peningkatan pelaburan tempatan dan luar negara serta lonjakan permintaan terhadap semikonduktor, pusat data dan teknologi AI. Pertumbuhan ini turut disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan, di samping pelaburan dan aktiviti eksport yang berterusan.

**Rencana 1:****Umur Persaraan dan Pengangguran di Malaysia: Satu Analisis Empirikal²**

Nursakinah binti Mazlan & Mohammad Luqman bin Humaidi

Bahagian Perangkaan Akaun Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini meneliti hubungan antara pertambahan bilangan pesara dan kadar pengangguran di Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2024. Isu ini timbul daripada andaian bahawa persaraan membuka peluang pekerjaan kepada golongan muda, namun realiti pasaran buruh menunjukkan keadaan yang lebih kompleks. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan data siri masa tahunan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Analisis dijalankan menggunakan kaedah deskriptif, ujian *Augmented Dickey-Fuller* (ADF), regresi *first difference*, ujian *Durbin-Watson* dan ujian *Granger causality*. Hasil kajian mendapati bahawa peningkatan bilangan pesara tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan perubahan bilangan penganggur. Ujian *Granger causality* juga menunjukkan tiada hubungan sebab-akibat jangka pendek antara kedua-dua pemboleh ubah. Kesimpulannya, kadar pengangguran lebih dipengaruhi oleh faktor struktur ekonomi dan dinamika pasaran buruh berbanding persaraan semata-mata. Dapatan ini mencadangkan bahawa dasar pengurangan pengangguran perlu memberi fokus kepada penciptaan pekerjaan dan pengukuhan ekonomi secara menyeluruh.

1.0 Pendahuluan

Malaysia sedang mengalami perubahan struktur demografi kesan daripada peningkatan jangka hayat penduduk serta penurunan kadar kelahiran. Keadaan ini menjadi semakin ketara sehingga mendorong kerajaan memperkenalkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang menetapkan persaraan wajib pada umur 60 tahun dan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2013 (Malaysia, 2012). Dalam konteks ekonomi buruh, terdapat anggapan bahawa apabila individu bersara, mereka akan meninggalkan ruang pekerjaan yang boleh diisi oleh golongan muda, sekali gus membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara. Namun, tanggapan ini perlu diuji melalui analisis berasaskan data yang kukuh, kerana trend sebenar penyertaan pesara dalam pasaran kerja menunjukkan pola yang tidak konsisten dan berubah mengikut masa.

Secara teori, apabila individu bersara, mereka meninggalkan kekosongan dalam pasaran kerja, yang secara langsung dapat membuka peluang pekerjaan baharu kepada generasi muda, lantas menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran. Laporan *International Labour Organization* (2020) menjelaskan bahawa perubahan struktur umur penduduk global, termasuk peningkatan peratusan warga tua dalam tenaga buruh, memberi kesan kepada komposisi pekerjaan dan permintaan buruh. Situasi ini mewujudkan keperluan dasar yang mengambil kira keseimbangan antara peluang pekerjaan bagi belia dan keperluan tenaga kerja

²Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia



berpengalaman. Namun, dalam konteks sebenar, kesan tersebut tidak berlaku secara mutlak. Ramai pesara di Malaysia kekal aktif dalam pasaran kerja, terutamanya melalui sektor tidak formal dan pekerjaan sampingan, atas alasan keperluan kewangan, minat untuk terus bekerja, atau kekurangan perlindungan sosial selepas bersara (Godfrey et al., 2021). Kehadiran semula pesara ke pasaran buruh ini menimbulkan persaingan yang berpotensi menjejaskan peluang pekerjaan untuk tenaga kerja muda dan mungkin memberi tekanan kepada kadar pengangguran secara keseluruhan.

Tambahan pula, statistik rasmi kadar pengangguran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) tidak semestinya menangkap dinamika sebenar yang melibatkan pesara yang masih bekerja atau sedang mencari pekerjaan tidak formal. Definisi pengangguran rasmi hanya merangkumi individu berumur 15 - 64 tahun yang tidak bekerja tetapi aktif mencari pekerjaan dan sedia untuk bekerja, sedangkan ramai pesara tidak termasuk dalam kategori ini walaupun mereka kekal beraktiviti ekonomi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Maka, pemahaman terhadap hubungan antara bilangan pesara dan kadar pengangguran memerlukan analisis yang lebih mendalam dengan menggunakan pendekatan statistik yang sesuai.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti hubungan statistik antara pertambahan bilangan pesara dan kadar pengangguran di Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2024. Tempoh ini dipilih kerana ia mencerminkan pelaksanaan penuh dasar umur persaraan baharu dan meliputi perubahan ekonomi penting, termasuk impak pandemik COVID-19 terhadap pasaran buruh. Kajian ini akan menggunakan kaedah statistik seperti korelasi Pearson dan regresi linear untuk menentukan kekuatan, arah, dan kesignifikanan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan gambaran empirikal yang berguna kepada pembuat dasar dalam merangka strategi tenaga buruh yang lebih mampan serta dasar persaraan yang lebih responsif terhadap cabaran ekonomi semasa.

2.0 Objektif Kajian

- a. Menganalisis hubungan statistik antara pertambahan bilangan pesara dengan pengangguran di Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2024.
- b. Mengenal pasti pola dan trend tahunan bilangan pesara serta bilangan penganggur di Malaysia sepanjang tempoh kajian.
- c. Menilai sifat kepegungan siri masa bagi pemboleh ubah yang dikaji menggunakan ujian *Augmented Dickey-Fuller*.
- d. Membina dan mentafsir model regresi siri masa dalam bentuk *first difference* bagi menilai pengaruh bilangan pesara terhadap bilangan penganggur.
- e. Menilai kewujudan hubungan dinamik jangka pendek antara pemboleh ubah menggunakan ujian *Granger causality*.



3.0 Sorotan Literatur

Isu penuaan penduduk dan penyertaan warga emas dalam pasaran buruh semakin menjadi tumpuan, baik di peringkat global mahupun nasional. Penyertaan lebih aktif individu berumur 60 tahun ke atas sering dikaitkan dengan implikasi terhadap kadar pengangguran, terutamanya dalam kalangan belia. Oleh itu, sorotan literatur ini menumpukan kepada dapatan kajian terdahulu yang membincangkan isu tersebut daripada pelbagai perspektif dan pendekatan metodologi, bagi membentuk kerangka analisis yang lebih menyeluruh dan komprehensif.

Godfrey et al. (2021), melalui kajian kualitatif menggunakan wawancara mendalam terhadap pesara mendapati bahawa ramai individu yang telah bersara memilih untuk terus bekerja dalam sektor informal atau separuh masa. Keputusan ini didorong oleh pelbagai faktor seperti keperluan kewangan, keinginan sosial untuk kekal aktif serta terus terlibat dalam komuniti. Walaupun kajian ini tidak menggunakan analisis statistik kuantitatif, ia memberi sumbangan penting dalam membina pemahaman naratif terhadap pengalaman dan motivasi pesara dalam konteks Malaysia yang sedang menuju ke arah negara menua. Kajian oleh Suppiah et al. (2024) pula menjalankan kajian kuantitatif menggunakan soal selidik terhadap 500 responden warga emas di Semenanjung Malaysia dan menganalisis data tersebut menggunakan analisis korelasi Pearson dan regresi linear berganda. Kajian ini menilai hubungan antara faktor modal insan seperti pendidikan, kemahiran dan pengalaman kerja dengan kecenderungan untuk bekerja semula selepas persaraan. Dapatan tersebut memperlihatkan hubungan positif yang signifikan antara tahap pendidikan dan kecenderungan untuk kekal dalam pasaran buruh, sekali gus menunjukkan bahawa penyertaan tenaga kerja warga emas berpendidikan tidak semestinya mengurangkan peluang pekerjaan bagi generasi muda.

Abdullah (2020) dalam analisis deskriptifnya menggunakan data sekunder daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan PERKESO untuk menilai trend kadar pengangguran belia serta perubahan dasar umur persaraan. Meskipun tidak menggunakan kaedah inferens statistik, kajian ini secara signifikan menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya pertindihan antara kumpulan umur dalam pasaran buruh, khususnya apabila dasar umur persaraan dinaikkan tanpa pertimbangan menyeluruh terhadap kapasiti pasaran kerja.

Minhat & Suwanmanee (2023) pula mengambil pendekatan tinjauan literatur sistematik berdasarkan protokol PRISMA. Kajian mereka meneliti lebih 30 artikel yang berkaitan dengan pekerjaan pasca-persaraan dan menekankan bahawa faktor kesihatan, sokongan keluarga serta fleksibiliti kerja sering menjadi faktor penentu kepada keputusan warga emas untuk terus bekerja. Walaupun tidak menggunakan pendekatan kuantitatif, ulasan ini memberikan asas penting dalam memahami konteks sosial dan peribadi yang mempengaruhi tingkah laku tenaga buruh warga emas.

Dalam kajian oleh Mansor et al. (2015), data soal selidik dikumpul daripada kalangan penjawat awam yang menghampiri umur persaraan bagi menilai tahap persediaan bersara. Kajian ini menggunakan regresi logistik dan ANOVA untuk menguji hubungan antara faktor demografi seperti umur, tahap pendidikan dan pendapatan dengan kesediaan untuk bersara. Hasilnya menunjukkan bahawa ramai individu tidak bersedia dari segi kewangan dan psikologi untuk bersara sepenuhnya, dan hal ini mendorong mereka untuk terus bekerja dalam sektor tidak formal, yang memberi implikasi tidak langsung terhadap statistik pengangguran rasmi.



Cui (2025) dalam kajian doktoralnya di Kanada dan Amerika Syarikat menggunakan analisis regresi *Ordinary Least Squares* (OLS) dan *probit regression* untuk menilai kesan penyertaan warga emas terhadap kadar pengangguran belia. Kajian beliau mendapati bahawa tiada korelasi negatif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Malah, dalam ekonomi yang berkembang, warga emas dan belia cenderung beroperasi dalam segmen pasaran kerja yang berbeza, menjadikan isu persaingan antara generasi tidak begitu ketara.

Bertoni dan Brunello (2021) juga menggunakan kaedah *difference-in-differences* (DiD) dalam kajian ke atas data panel serantau di Itali bagi menilai impak peningkatan umur persaraan yang diperkenalkan melalui dasar fiskal. Dapatan mereka menunjukkan bahawa peningkatan umur persaraan tidak secara langsung mengurangkan kadar pekerjaan dalam kalangan belia, malah kesannya sangat bergantung kepada keadaan pasaran buruh tempatan. Dalam kawasan yang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat, tiada bukti persaingan ketara antara generasi dalam pasaran kerja. Ini menyokong hujah bahawa dasar umur persaraan perlu disesuaikan dengan kapasiti guna tenaga serantau.

Kajian oleh Jousten et al. (2010) di Belgium pula menggunakan pendekatan simulasi dasar dan analisis regresi untuk menilai kesan persaraan awal terhadap peluang pekerjaan belia. Kajian ini mencadangkan bahawa walaupun terdapat sedikit ruang yang terbuka untuk belia apabila warga emas bersara awal, kesan tersebut bersifat sementara dan tidak berpanjangan tanpa rangsangan dalam penciptaan pekerjaan baharu.

Ji (2017) menggunakan data rentas negara daripada 20 negara OECD dan menjalankan analisis korelasi serta model regresi berganda untuk menilai hubungan antara penyertaan warga emas dan kadar pekerjaan belia. Beliau mendapati tiada corak konsisten yang menyokong tanggapan bahawa peningkatan dalam pekerjaan warga emas menjejaskan peluang pekerjaan untuk belia, sebaliknya mencadangkan bahawa kesan sebenar bergantung kepada struktur pasaran kerja dan sektor ekonomi yang terlibat.

Selain itu, Rozen-Bakher (2018) menjalankan analisis terhadap 30 negara maju untuk menilai kesan peningkatan normal *retirement age* (NRA) terhadap kadar pengangguran mengikut kumpulan umur. Kajian tersebut mendapati bahawa peningkatan NRA dalam pasaran buruh yang mengalami kekurangan peluang pekerjaan boleh meningkatkan pengangguran belia dan dewasa walaupun dalam masa yang sama membantu mengurangkan pengangguran warga emas. Kajian ini menunjukkan bahawa kesan dasar umur persaraan sangat bergantung kepada keadaan struktur pasaran buruh dan tahap kestabilan ekonomi sesebuah negara.

Dari sudut teori ekonomi buruh, Lefèbvre (2012) membangunkan sebuah model keseimbangan pengangguran berasaskan model *Diamond-Mortensen-Pissarides* yang menggabungkan heterogeniti umur dan kebarangkalian persaraan. Model ini menunjukkan bahawa kesan perubahan umur persaraan terhadap pengangguran belia tidak bersifat automatik sebaliknya bergantung kepada produktiviti relatif antara pekerja muda dan tua serta keputusan sebuah syarikat dalam membuka kekosongan jawatan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa "*lump of labor*" tidak semestinya sah dalam konteks pasaran buruh moden.



Kajian terbaru oleh Rabaté, Jongen, & Atav (2024) yang menggunakan pendekatan *Regression Discontinuity Design* (RDD) berdasarkan variasi kohort kelahiran di Belanda bagi menilai kesan peningkatan *statutory retirement age* (SRA). Kajian tersebut mendapati bahawa peningkatan SRA menaikkan kadar pekerjaan dalam tempoh antara umur persaraan lama dan baharu dengan menggunakan data pentadbiran menyeluruh. Namun begitu, sebahagian besar kesan tersebut didapati bersifat mekanikal iaitu individu hanya kekal lebih lama dalam status pasaran buruh sedia ada tanpa bukti bahawa penyertaan warga emas menyebabkan persaingan langsung yang menjejaskan peluang pekerjaan belia.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu memberikan gambaran bercampur tentang hubungan antara penyertaan warga emas dalam pasaran buruh dan kadar pengangguran. Walaupun sesetengah dapatan menunjukkan kemungkinan wujudnya tekanan terhadap pasaran kerja, kebanyakan bukti empirikal menolak andaian bahawa warga emas secara automatik menghalang peluang pekerjaan untuk generasi muda. Dalam konteks Malaysia, kekurangan kajian statistik empirikal berkaitan hubungan ini menunjukkan wujudnya jurang yang masih belum diterokai. Maka, kajian ini dirancang untuk menilai kekuatan dan arah hubungan tersebut dengan menggunakan kaedah korelasi Pearson dan model regresi linear berdasarkan data siri masa dari tahun 2015 hingga 2024.

4.0 Metodologi Kajian

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan analisis siri masa tahunan bagi menilai hubungan antara dua pemboleh ubah utama, iaitu bilangan pesara, tenaga buruh dan bilangan penganggur di Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2024. Reka bentuk kajian berbentuk korelasi dan analisis trend masa digunakan untuk melihat pola perubahan dan hubungan statistik yang wujud. Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data sekunder, iaitu maklumat sedia ada yang diperoleh daripada sumber rasmi kerajaan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

4.2 Sumber Data

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), merangkumi dua indikator ekonomi utama iaitu bilangan penganggur dan tenaga buruh manakala bilangan pesara pula diperoleh daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dalam kajian ini, jumlah bilangan pesara dikira sebagai hasil tambah pesara daripada kedua-dua sumber tersebut, iaitu pesara JPA dan pesara KWSP bagi umur pengeluaran 50, 55 dan 60 tahun. Bagi data pesara JPA sebelum tahun 2018, nilai yang digunakan adalah berdasarkan anggaran purata tahunan sebanyak 23,000 orang seperti yang dinyatakan dalam penerbitan rasmi JPA. Oleh itu, jumlah bilangan pesara yang digunakan dalam kajian ini mewakili anggaran keseluruhan pesara sektor awam dan swasta di Malaysia bagi tempoh kajian. Kajian ini menggunakan data bersiri tahunan yang meliputi tempoh dari tahun 2015 hingga 2024. Data ini digunakan bagi menilai perubahan dari semasa ke semasa serta menganalisis hubungan antara bilangan pesara dan tenaga buruh dengan penganggur dalam pasaran buruh Malaysia.



4.3 Pemboleh Ubah Kajian

Jadual 1(a) Jenis dan pemboleh ubah dalam kajian

Jenis	Pemboleh Ubah	Keterangan
Bebas	Bilangan pesara ('000) orang	Jumlah tenaga buruh yang telah bersara daripada pekerjaan
	Tenaga buruh ('000) orang	Jumlah tenaga buruh yang bekerja atau aktif mencari pekerjaan
Bersandar	Bilangan penganggur ('000) orang	Jumlah tenaga buruh yang tidak bekerja tetapi aktif mencari pekerjaan

4.4 Metodologi

Terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan bagi kajian ini iaitu:

4.4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi menggambarkan trend dan ciri-ciri asas data kajian sepanjang tempoh 2015 hingga 2024. Statistik seperti min, nilai maksimum dan minimum, serta sisihan piawai digunakan bagi menilai tahap variasi pemboleh ubah. Carta garis dan jadual ringkasan turut digunakan untuk menunjukkan perubahan bilangan penganggur, bilangan pesara dan tenaga buruh dari tahun ke tahun.

4.4.2 Ujian Kepegunan (*Augmented Dickey-Fuller*)

Disebabkan data yang digunakan berbentuk siri masa, ujian *Augmented Dickey-Fuller* (ADF) dijalankan untuk menentukan sama ada pemboleh ubah mengandungi *unit root* atau tidak. Ujian ini penting bagi mengelakkan masalah regresi palsu (*spurious regression*) yang boleh berlaku apabila pemboleh ubah tidak pegun dianalisis pada aras signifikan lima (5) peratus. Ujian ADF dijalankan dengan hipotesis berikut:

H_0 : Siri masa mengandungi *unit root* (tidak pegun)

H_1 : Siri masa tidak mengandungi *unit root* (pegun)

4.4.3 *First Difference Regression Model*

Sekiranya siri masa didapati tidak pegun pada aras *level*, transformasi *first difference* digunakan bagi menstabilkan data. Transformasi ini dilakukan dengan mengambil perbezaan antara nilai pemboleh ubah pada tahun semasa dan nilai pada tahun sebelumnya.

Transformasi *first difference* ditulis seperti berikut:

$$\Delta Y_t = Y_t - Y_{t-1}$$

Kaedah ini membantu menghapuskan trend dalam siri masa dan menjadikan data lebih stabil untuk analisis regresi.



4.4.4 Analisis Regresi (*Ordinary Least Squares*)

Bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah kajian, model regresi dianggarkan menggunakan kaedah *Ordinary Least Squares* (OLS). Model ini digunakan untuk menentukan sama ada perubahan dalam bilangan pesara dan tenaga buruh mempunyai kesan terhadap perubahan bilangan penganggur. Beberapa statistik penting seperti nilai R^2 , *Adjusted R*², *t-statistic* dan *p-value* turut digunakan bagi menilai signifikan statistik model dan pemboleh ubah yang terlibat.

4.4.5 Ujian Autokorelasi (*Durbin-Watson*)

Dalam analisis siri masa, penting untuk memastikan bahawa residu model regresi tidak mempunyai hubungan bersiri antara satu sama lain. Kehadiran autokorelasi boleh menyebabkan anggaran pekali regresi menjadi tidak cekap dan menjejaskan kesahihan keputusan statistik. Bagi mengesan kewujudan autokorelasi dalam model, ujian *Durbin-Watson* (DW) digunakan.

Statistik *Durbin-Watson* dikira menggunakan formula:

$$DW = \frac{\sum (e_t - e_{t-1})^2}{\sum e_t^2}$$

Nilai statistik DW berada dalam julat 0 hingga 4. Jika nilai DW menghampiri 2, ini menunjukkan bahawa residu model tidak mempunyai hubungan bersiri yang signifikan dan model regresi yang dianggarkan adalah stabil.

4.4.6 Ujian *Granger Causality*

Selain menilai hubungan statistik antara pemboleh ubah, kajian ini turut menguji kewujudan hubungan sebab-akibat jangka pendek antara bilangan pesara dan bilangan penganggur menggunakan ujian *Granger Causality*.

Hipotesis ujian *Granger* adalah seperti berikut:

H_0 : bilangan pesara tidak menyebabkan bilangan penganggur secara *Granger*

H_1 : bilangan pesara menyebabkan bilangan penganggur secara *Granger*

Jika nilai *p* lebih kecil daripada aras signifikan yang ditetapkan, hipotesis nol ditolak dan dapat disimpulkan bahawa wujud hubungan sebab-akibat jangka pendek antara pemboleh ubah tersebut.

4.5 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kekangan yang perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan kajian. Salah satu kekangan utama ialah keterbatasan data berkaitan bilangan pesara. Data bilangan pesara yang diperoleh daripada KWSP dan JPA hanya tersedia dalam bentuk agregat dan tidak menyediakan pecahan yang terperinci mengikut kumpulan umur.



Selain itu, data pesara bagi sektor awam yang diperoleh daripada JPA hanya tersedia bagi tahun-tahun tertentu. Oleh itu, bagi tempoh sebelum tahun 2018, kajian ini menggunakan anggaran purata tahunan sebanyak 23,000 orang seperti yang dinyatakan dalam penerbitan rasmi JPA. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan kesinambungan siri masa data dalam tempoh kajian.

Di samping itu, bilangan pesara yang digunakan dalam kajian ini merupakan jumlah gabungan pesara daripada sektor awam dan swasta, iaitu pesara JPA dan pesara KWSP bagi umur pengeluaran 50, 55 dan 60 tahun. Walaupun pendekatan ini memberikan gambaran umum mengenai saiz populasi pesara di Malaysia, ia tidak dapat membezakan dengan tepat taburan umur atau jenis persaraan dalam kalangan pesara.

Walaupun begitu, penggunaan data agregat bilangan pesara masih dapat memberikan gambaran umum mengenai hubungan antara persaraan dan pengangguran dalam pasaran buruh Malaysia. Kajian pada masa hadapan disarankan untuk menggunakan data yang lebih terperinci mengikut kumpulan umur sekiranya data tersebut tersedia.


5.0 Hasil dan Penemuan

Analisis ini dijalankan menggunakan beberapa kaedah ekonometrik termasuk analisis deskriptif, ujian kepegungan ADF, model regresi *first difference*, ujian DW serta ujian *Granger causality*. Analisis ini bertujuan untuk menentukan sama ada bilangan pesara mempunyai pengaruh terhadap perubahan bilangan penganggur dalam pasaran buruh Malaysia.

5.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan bagi memberikan gambaran awal mengenai corak dan variasi pemboleh ubah kajian sepanjang tempoh kajian.

Carta 1(a) Bilangan pesara, penganggur dan tenaga buruh, Malaysia, 2015–2024



**Jadual 1(b) Bilangan Pesara, Penganggur dan Tenaga buruh, Malaysia, 2015 – 2024**

Pemboleh Ubah	N	Minimum	Maksimum	2024Min	Sisihan Piawai
Pesara ('000)	10	1,424.6	2,799.0	1,867.0	480.60
Tenaga buruh ('000)	10	14,518.0	16,903.5	15,500.7	729.22
Penganggur ('000)	10	450.3	707.6	556.6	85.34

Carta 1(a) memaparkan trend peningkatan yang konsisten dan tekal bagi bilangan pesara dan saiz tenaga buruh di Malaysia sepanjang tempoh 2015 hingga 2024. Bilangan pesara mencatatkan pertumbuhan daripada tahap minimum 1,424.6 ribu orang pada tahun 2015 kepada tahap maksimum 2,799.0 ribu orang pada tahun 2024, manakala saiz tenaga buruh turut berkembang secara stabil daripada 14,518.0 ribu orang kepada 16,903.5 ribu orang dalam tempoh yang sama. Sebaliknya, trend bilangan penganggur menunjukkan pola yang lebih tidak menentu (*fluctuating*) dengan lonjakan visual yang ketara pada tahun 2021 mencecah 707.6 ribu orang akibat impak ekonomi pandemik COVID-19, sebelum menunjukkan arah aliran menurun semula.

Jadual 1(b) memaparkan statistik deskriptif bagi bilangan pesara, saiz tenaga buruh keseluruhan dan bilangan penganggur bagi tempoh 2015 hingga 2024. Keputusan menunjukkan bahawa purata bilangan pesara bagi tempoh kajian adalah sekitar 1,867.0 ribu orang dengan sisihan piawai sebanyak 480.60. Nilai minimum pesara direkodkan pada tahun 2015 iaitu 1,424.6 ribu orang manakala nilai maksimum dicatatkan pada tahun 2024 iaitu 2,799 ribu orang. Peningkatan yang konsisten ini menunjukkan bahawa jumlah individu yang mencapai umur persaraan semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Bagi tenaga buruh pula, purata jumlah tenaga buruh adalah sekitar 15,500.7 ribu orang dengan sisihan piawai sebanyak 729.22. Nilai minimum tenaga buruh direkodkan pada tahun 2015 iaitu 14,518.0 ribu orang manakala nilai maksimum pula dicatatkan sebanyak 16,903.5 ribu orang pada tahun 2024. Peningkatan tenaga buruh ini mencerminkan perkembangan pasaran buruh di Malaysia yang dipengaruhi oleh pertumbuhan populasi serta peningkatan penyertaan tenaga kerja dalam ekonomi. Secara keseluruhannya, statistik deskriptif menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah mengalami perubahan yang ketara sepanjang tempoh kajian.

5.2 Ujian Kepegunan (ADF test)

Ujian ADF dijalankan bagi menentukan sama ada siri masa bagi setiap pemboleh ubah adalah pegun atau tidak. Ujian ini penting bagi mengelakkan masalah *spurious regression* dalam analisis siri masa.

Jadual 1(c) Hasil ujian ADF bagi setiap pemboleh ubah

Pemboleh ubah	ADF	Keputusan
Pesara	1.078	Tidak pegun
Tenaga buruh	0.942	Tidak pegun
Penganggur	-1.673	Tidak pegun

Keputusan ujian ADF menunjukkan bahawa nilai ADF statistik bagi bilangan pesara ialah 1.078, tenaga buruh ialah 0.942, manakala bilangan penganggur ialah -1.673. Kesemua nilai ini adalah lebih besar daripada nilai kritikal pada aras signifikan lima peratus iaitu -3.00. Oleh itu, hipotesis nol gagal ditolak bagi semua pemboleh ubah yang diuji.

Ini menunjukkan bahawa siri masa bagi bilangan pesara, tenaga buruh dan bilangan penganggur adalah tidak pegun pada aras level. Ketidakpegunan ini menunjukkan bahawa data mempunyai trend atau variasi yang berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, transformasi *first difference* perlu dilakukan bagi menstabilkan siri masa sebelum analisis regresi dijalankan.

5.3 Analisis Regresi (*First Difference*)

Selepas data ditransformasikan kepada *first difference*, model regresi dianggarkan menggunakan kaedah OLS bagi menilai hubungan antara perubahan bilangan pesara, tenaga buruh dan bilangan penganggur.

Model regresi adalah seperti berikut:

$$\Delta UNEMP = \beta_0 + \beta_1 \Delta RET + \beta_2 \Delta LAB + \varepsilon$$

di mana:

$\Delta UNEMP$ = perubahan bilangan penganggur
 ΔRET = perubahan bilangan pesara
 ΔLAB = perubahan tenaga buruh
 β_0 = pemalar
 β_1 dan β_2 = pekali regresi
 ε = terma ralat

Keputusan regresi adalah seperti berikut:

Jadual 1(d) Hasil regresi *first difference*

Pemboleh Ubah	Pekali	t-stat	Nilai-p
Pemalar	79.57	2.86	0.029
ΔRET	-0.088	-0.68	0.520
ΔLAB	-0.214	-1.94	0.101

*pemboleh ubah bersandar: $\Delta UNEMP$

Jadual 1(e) Statistik model

Pemboleh Ubah	Nilai-p
R^2	0.649
Adjusted R^2	0.532
F-stat	5.551
Prob (F)	0.043



Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa model yang dianggarkan adalah signifikan secara keseluruhan dengan nilai bagi F-statistik sebanyak 0.043 yang lebih kecil daripada aras signifikan lima peratus. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah, perubahan bilangan pesara dan perubahan tenaga buruh mempunyai hubungan dengan perubahan bilangan penganggur dalam model yang dianggarkan.

Nilai R^2 bagi model adalah sebanyak 0.649 yang menunjukkan bahawa kira-kira 64.9 peratus variasi dalam perubahan bilangan penganggur dapat dijelaskan oleh perubahan bilangan pesara dan tenaga buruh dalam model ini. Lebih daripada itu mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti keadaan ekonomi, pertumbuhan sektor industri dan perubahan dalam permintaan buruh.

Pemboleh ubah perubahan bilangan pesara pula menunjukkan pekali negatif iaitu -0.088 dengan nilai-p sebanyak 0.520. Walau bagaimanapun, nilai-p yang melebihi aras signifikan lima peratus menunjukkan bahawa perubahan bilangan pesara tidak mempunyai kesan yang signifikan terhadap perubahan bilangan penganggur dalam tempoh kajian. Keputusan ini mungkin menunjukkan peningkatan bilangan pesara tidak semestinya membuka peluang pekerjaan baharu dalam pasaran buruh kerana pengangguran turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti pertumbuhan ekonomi dan struktur pasaran pekerjaan.

Selain itu, pemboleh ubah perubahan tenaga buruh juga menunjukkan hubungan negatif dengan perubahan bilangan penganggur sebanyak -0.214. Walaupun hubungan ini tidak signifikan, nilai-p sebanyak 0.101 menunjukkan terdapat kecenderungan hubungan songsang antara perubahan tenaga buruh dan perubahan pengangguran. Ini mungkin menunjukkan bahawa peningkatan penyertaan tenaga buruh dalam ekonomi boleh membantu mengurangkan tekanan pengangguran walaupun kesannya tidak begitu kuat dalam tempoh kajian yang agak pendek.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa perubahan dalam bilangan pesara tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap perubahan pengangguran di Malaysia. Sebaliknya, dinamika pengangguran mungkin lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor struktur pasaran buruh dan keadaan ekonomi secara keseluruhan. Ketidaksignifikanan hubungan ini menunjukkan bahawa andaian teori *Lump of Labor* yang disebut Lefèbvre (2012), yang mendakwa terdapat jumlah pekerjaan tetap dalam ekonomi, tidak terpakai dalam konteks Malaysia bagi tempoh 2015 - 2024. Sebaliknya, dinamika pengangguran lebih dipengaruhi oleh faktor struktur dan keadaan ekonomi secara menyeluruh.

5.4 Ujian Autokorelasi (Durbin-Watson)

Ujian DW dijalankan bagi mengesan kewujudan autokorelasi dalam residu model regresi. Autokorelasi merujuk kepada keadaan di mana residu dalam model regresi mempunyai hubungan antara satu sama lain, yang boleh menjejaskan ketepatan anggaran pekali regresi.



Dengan menggunakan model DW seperti berikut:

$$DW = \frac{\sum (e_t - e_{t-1})^2}{\sum e_t^2}$$

Jadual 1(f) Hasil ujian DW

Pemboleh Ubah	Nilai-p
Durbin-Watson	2.28

Keputusan ujian DW menunjukkan bahawa nilai statistik DW adalah sebanyak 2.28. Nilai ini berada hampir kepada nilai 2 yang menunjukkan bahawa tiada masalah autokorelasi yang signifikan dalam model regresi. Oleh itu, residu dalam model tidak berkorelasi secara bersiri dan model regresi yang dianggarkan adalah stabil serta memenuhi andaian asas analisis regresi. Ketidadaan masalah autokorelasi ini menunjukkan bahawa keputusan regresi yang diperoleh boleh dianggap boleh dipercayai untuk tujuan analisis dalam kajian ini.

5.5 Ujian Granger Causality

Ujian *Granger causality* dijalankan bagi menentukan sama ada perubahan bilangan pesara mempunyai kuasa ramalan terhadap perubahan bilangan penganggur dalam jangka pendek.

Jadual 1(g) Hasil ujian *Granger Causality*

Hipotesis Nol	F-statistik	Nilai-p	Keputusan
Pesara tidak menyebabkan Penganggur	0.100	0.907	Gagal tolak H_0
Penganggur tidak menyebabkan Pesara	1.241	0.365	Gagal tolak H_0

Keputusan ujian menunjukkan bahawa bagi model yang menguji sama ada bilangan pesara menyebabkan pengangguran, nilai-p yang diperoleh adalah sebanyak 0.907. Nilai ini adalah lebih besar daripada aras signifikan lima peratus, maka hipotesis nol gagal ditolak.

Bagi model yang menguji sama ada pengangguran menyebabkan perubahan bilangan pesara pula, nilai-p yang diperoleh adalah sebanyak 0.365. Nilai ini juga lebih besar daripada aras signifikan lima peratus. Oleh itu, hipotesis nol juga gagal ditolak bagi model ini.

Secara keseluruhannya, keputusan ujian *Granger causality* menunjukkan bahawa tiada hubungan sebab-akibat antara bilangan pesara dan bilangan penganggur dalam tempoh kajian. Ini bermaksud perubahan dalam bilangan pesara tidak mempunyai kuasa ramalan terhadap perubahan bilangan penganggur dalam jangka pendek, dan sebaliknya.



6.0 Rumusan

Kajian ini menyimpulkan bahawa tiada hubungan statistik yang signifikan antara pertambahan bilangan pesara dengan kadar pengangguran di Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2024. Meskipun data deskriptif menunjukkan peningkatan bilangan pesara yang sangat konsisten, iaitu daripada 1,424.6 ribu orang pada tahun 2015 kepada 2,799.0 ribu orang pada tahun 2024, analisis regresi *first difference* membuktikan bahawa perubahan bilangan pesara tersebut tidak mempunyai pengaruh nyata terhadap perubahan bilangan penganggur (nilai- $p = 0.520$). Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui ujian *Granger causality* yang mengesahkan bahawa tiada hubungan sebab-akibat jangka pendek antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut, di mana perubahan bilangan pesara tidak mempunyai kuasa ramalan terhadap trend pengangguran.

Dapatan empirikal ini secara tidak langsung menolak andaian "*lump of labor fallacy*" dalam konteks pasaran buruh Malaysia bagi tempoh kajian, yang menganggap bahawa persaraan warga emas akan secara automatik membuka ruang pekerjaan secukupnya untuk mengurangkan pengangguran golongan muda. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa dinamika pengangguran di Malaysia lebih dipengaruhi oleh faktor luaran dan struktur ekonomi, seperti yang dilihat melalui lonjakan ketara bilangan penganggur pada tahun 2021 akibat impak pandemik COVID-19, dan bukannya didorong oleh trend persaraan semata-mata. Dapatan ini juga adalah selaras dengan kajian oleh Cui (2025) yang mendapati bahawa tiada hubungan negatif yang signifikan antara penyertaan warga emas dalam pasaran buruh dan pengangguran belia, sekali gus menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan ini beroperasi dalam segmen pasaran buruh yang berbeza.

Walaupun banyak kajian telah meneliti faktor yang mempengaruhi pengangguran, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada faktor makroekonomi seperti pertumbuhan ekonomi dan KPTB. Kajian yang menilai kesan persaraan terhadap pengangguran masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia. Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan KPTB warga emas sebagai proksi bagi menggambarkan kesan persaraan terhadap pasaran buruh manakala penggunaan bilangan pesara sebenar sebagai pemboleh ubah empirikal masih jarang digunakan dalam analisis ekonometrik.

Tambahan pula, data bilangan pesara yang diperolehi daripada sumber seperti KWSP dan JPA tidak menyediakan pecahan yang terperinci mengikut kumpulan umur. Kekangan data ini menyebabkan kajian berkaitan persaraan dan pasaran buruh sering menggunakan indikator alternatif seperti KPTB warga emas. Oleh itu, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan menggunakan data bilangan pesara yang tersedia bagi menilai hubungannya dengan bilangan penganggur di Malaysia.

Namun demikian, hasil kajian ini tetap memberikan implikasi penting kepada pembuat dasar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usaha untuk mengurangkan pengangguran tidak seharusnya hanya tertumpu kepada perubahan dasar umur persaraan, sebaliknya perlu mengambil kira faktor yang lebih luas seperti penciptaan peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti tenaga kerja dan kestabilan ekonomi makro.



Selain itu, kajian masa hadapan disarankan untuk memberi tumpuan khusus kepada analisis pengangguran dalam kalangan belia, terutamanya bagi kumpulan umur 20 hingga 30 tahun, bagi memahami dengan lebih jelas dinamika pasaran buruh. Di samping itu, penggunaan data yang lebih terperinci melalui permohonan rasmi kepada agensi seperti DOSM, JPA, KWSP dan KWAP berpotensi menghasilkan analisis yang lebih mendalam dan tepat pada masa hadapan.

7.0 Rujukan

- Abdullah, Z. (2020). Higher Retirement Age? Trend and Growth Analysis of Labour Market in Malaysia. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*.
- Bertermann, A., Dauth, W., Suedekum, J., & Woessmann, L. (2025). *Training or Retiring? How Labor Markets Adjust to Trade and Technology Shocks*. Institute of Labor Economics (IZA), Bonn: IZA Discussion Papers, No. 18247.
- Bertoni, M., & Brunello, G. (2021). Does a higher retirement age reduce youth employment? *Economic Policy*.
- Cui, J. (2025). *Essays on labour economics*. Doctoral dissertation, University of Ottawa.
- Godfrey, A. S., Ibrahim, D., Kanyo, N. I., & Md Shah, J. (2021). Konseptual Kualiti Hidup Dalam Konteks Golongan Pesara di Malaysia. *PERKKS Proceedings*.
- Huuskonen, J. (2024). Sanctions for the Long-Term Unemployed: Effects on Labour Market Outcomes and Welfare Transfers in Finland. *SSRN*.
- International Labour Organization. (2020). *World Employment and Social Outlook: Trends 2020*. Geneva: ILO.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia*.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2024). *Laporan Tahunan. (2015 - 2024)*.
- Jansen, A. (2025). Some are Hit Hard, for Others It's Business as Usual: The Effects of Chronic Illnesses on Employment and Income Trajectories. *Journal of Economics and Statistics*.
- Ji, E. J. (2017). The relationship between youth employment and older persons' employment in 20 OECD countries. *International Labour Review*.
- Jousten, A., Lefèbvre, M., Perelman, S., & Pestieau, P. (2010). The effects of early retirement on youth unemployment: The case of Belgium. *National Bureau of Economic Research (NBER)*.
- Kalwij, A., Kapteyn, A., & Vos, K. D. (2010). Retirement of older workers and employment of the young. *De Economist*.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2015 - 2024). *Laporan Tahunan Bersepadu*.
- Lefèbvre, M. (2012). Unemployment and Retirement in a Model with Age-specific Heterogeneity. *LABOUR*.



Malaysia. (2012). *Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)*.

Mansor, M. F., Hong, C. C., Abu, N. H., & Shaari, M. S. (2015). Demographic Factors Associated with Retirement Planning: A Study of Employees in Malaysian Health Sectors. *Advances in Business Research International Journal*.

Minhat, H. S., & Suwanmanee, S. (2023). Working Beyond Retirement Age: A Systematic Review. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*.

Rabaté, S., Jongen, E., & Atav, T. (2024). Increasing the Retirement Age: Policy Effects and Underlying Mechanisms. *American Economic Journal: Economic Policy*.

Rozen-Bakher, Z. (2018). The raising of the normal retirement age (NRA) in the ageing era in the advanced countries: the dilemma between securing the stability of the pension system versus the risk of increasing unemployment. *Policy Studies*.

Suppiah, R., Shahiri, H. I., Khain, W. C., & Mohammad Nasir, M. (2024). Human Capital and Post-Retirement Employment: The Role of Shared Leisure and Informal Care. *Asian Journal of Business Research*.

BAB 2

PRESTASI EKONOMI NEGERI



KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2025

PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK NEGERI PADA HARGA MALAY 2015 (%)



4 negeri
bertumbuh melebihi
pertumbuhan nasional



6 negeri
menyumbang 73.2%
kepada KDNK nasional



PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN 6 NEGERI PENYUMBANG¹
TERATAS MENGIKUT SEKTOR (%)



Petunjuk: Pertumbuhan 2025 Sumbangan kepada KDNK Malaysia

¹Berdasarkan sumbangan kepada nilai ditambah nasional mengikut sektor

W.P.: Wilayah Persekutuan KL: Kuala Lumpur

Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri (Sektor Perlombongan & pengkuarian).

Sumber: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia





PRESTASI EKONOMI NEGERI 2025



Selari dengan pertumbuhan ekonomi nasional, semua negeri turut merekodkan peningkatan dengan mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2025, mencerminkan perkembangan ekonomi yang seimbang dan holistik di seluruh negara. Empat negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional sebanyak 5.2 peratus, didahului oleh Johor yang mengukuh 8.0 peratus, diikuti Pulau Pinang 7.3 peratus, Selangor 6.3 peratus dan Perak 5.7 peratus (**Jadual 2.2**).

Dari aspek komposisi ekonomi, Selangor kekal sebagai peneraju utama dengan sumbangan 26.5 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (15.3%), Johor (9.8%), Sarawak (8.8%), Pulau Pinang (7.5%) dan Perak dengan sumbangan 5.3 peratus. Negeri-negeri ini menyumbang secara kumulatif sebanyak 73.2 peratus (2024: 72.6%) kepada KDNK Malaysia.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Pada tahun 2025, ekonomi Malaysia didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 59.5 peratus, diikuti Pembuatan, 23.0 peratus. Di peringkat negeri, komposisi sama ditunjukkan oleh negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Terengganu (**Carta 2.1**).

Sementara itu, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan dengan sumbangan melebihi 80 peratus, masing-masing 91.7 peratus dan 80.2 peratus. Manakala Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang ekonominya diterajui oleh sektor Pembuatan. Kelantan, Perlis dan Pahang pula dipelopori oleh sektor Perkhidmatan diikuti oleh sektor Pertanian sebagai penyumbang kedua terbesar. Ekonomi Sabah dan Sarawak pula disumbangkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian yang masing-masing merupakan penyumbang kedua dan ketiga tertinggi di negeri berkenaan.

Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negara dengan sumbangan 59.5 peratus, berkembang 5.4 peratus pada tahun 2025, mengekalkan kadar pertumbuhan seperti tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan

**Enam negeri
menyumbang
73.2 peratus kepada
KDNK Malaysia**

positif dalam semua subsektor utama iaitu Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 5.5 peratus (2024: 4.6%) diikuti subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT 6.5 peratus (2024: 5.9%). Sementara itu, subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan menyederhana 3.8 peratus (2024: 6.6%), Perkhidmatan Kerajaan meningkat 5.5 peratus (2024: 4.7%) manakala Perkhidmatan lain berkembang 6.1 peratus (2024: 5.7%). Johor dan Selangor merupakan negeri yang mencatatkan pertumbuhan mengatasi paras nasional, masing-masing 9.9 peratus dan 6.0 peratus.

Sektor Pembuatan yang menyumbang sebanyak 23.0 peratus kepada ekonomi meningkat 4.5 peratus berbanding 4.2 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Produk elektrik, elektronik dan optikal yang mengukuh 9.1 peratus (2024: 4.1%). Ini diikuti oleh Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan, 9.4 peratus (2024: 4.9%) serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk yang direka, 4.0 peratus (2024: 7.5%). Lima (5) negeri mengatasi pertumbuhan nasional iaitu Perak (15.2%), Pulau Pinang (10.0%), Kelantan (9.3%), Kedah dan Sabah (masing-masing 5.0%).

Sektor Pertanian bertumbuh 2.2 peratus (2024: 3.4%), kekal sebagai penyumbang ketiga kepada ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 6.1 peratus. Pertumbuhan ini dirangsang oleh subsektor Tanaman (3.0%) dan Ternakan (2.2%). Sebaliknya, subsektor Perikanan serta Perhutanan dan pembalakan menyusut masing-masing 0.6 peratus dan 1.8 peratus. Antara negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan melebihi nasional ialah Sarawak (4.3%), Terengganu (4.2%), Selangor (4.0%), Kelantan (3.6%) dan Pahang, 2.7 peratus.



Sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan pertumbuhan marginal iaitu 0.6 peratus berbanding 1.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Subsektor Minyak mentah & kondensat berkembang 0.2 peratus (2024: -1.3%) disumbangkan oleh Sabah yang memulih kepada 5.0 peratus berbanding kemerosotan 7.9 peratus yang dicatatkan pada tahun 2024. Manakala subsektor Gas asli menyederhana kepada 0.5 peratus (2024: 2.3%) dipengaruhi terutamanya oleh prestasi Sarawak yang mencatatkan pertumbuhan marginal iaitu 0.7 peratus (2024: 5.4%).

Sektor Pembinaan kekal memberangsangkan dengan catatan pertumbuhan dua digit iaitu 12.2 peratus (2024: 17.6%) disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor, terutamanya subsektor Pembinaan bangunan (14.1%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (12.8%) dan Kejuruteraan awam (8.6%). Antara negeri yang menyokong prestasi kukuh sektor ini ialah Sabah (28.3%), Johor (26.7%), Selangor (16.0%) dan Pulau Pinang (13.4%).

Prestasi ekonomi mengikut negeri 2025

Beralih ke prestasi ekonomi mengikut negeri, **Johor** yang merupakan penyumbang ekonomi ketiga terbesar kepada Malaysia mengukuhkan kedudukannya dengan merekodkan peningkatan KDNK 8.0 peratus (2024: 6.5%) mencecah RM170.9 bilion berbanding RM158.3 bilion pada tahun sebelumnya, sekali gus mendahului



pertumbuhan negeri-negeri lain. Pertumbuhan memberangsangkan ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 9.9 peratus (2024: 6.0%), didorong oleh peningkatan dalam subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT serta Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pembuatan juga berkembang 4.0 peratus (2024: 4.2%) didorong oleh peningkatan Produk elektrik, elektronik dan optikal serta Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan. Sektor Pembinaan merekodkan pertumbuhan 26.7 peratus (2024: 42.4%) disokong oleh pertumbuhan semua subsektor terutamanya subsektor Pembinaan bangunan. Pada masa sama, sektor Pertanian berkembang perlahan 1.1 peratus berbanding 5.2 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh subsektor Tanaman, terutamanya kelapa sawit.

Kedah mencatatkan peningkatan KDNK 4.1 peratus (2024: 4.2%), menjana RM56.3 bilion berbanding RM54.1 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan ekonomi Kedah dipelopori oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 3.9 peratus (2024: 3.7%) dipacu oleh peningkatan dalam subsektor Perkhidmatan Kerajaan dan subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pembuatan yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini berkembang 5.0 peratus (2024: 6.6%) didorong oleh peningkatan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Sementara itu, sektor Pertanian meningkat 2.1 peratus, disokong peningkatan dalam subsektor Tanaman (kelapa sawit dan sayur-sayuran) serta Perikanan (perikanan laut). Namun begitu, sektor Pembinaan merekodkan penyusutan 0.6 peratus (2024: -11.7%) dipengaruhi oleh penguncupan subsektor Pembinaan bangunan iaitu sebanyak

12.2 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas masing-masing berkembang 3.5 peratus dan 13.0 peratus, sekali gus mengimbangi kejatuhan sektor ini.

Ekonomi negeri **Kelantan** bernilai RM29.8 bilion berbanding RM28.6 bilion pada tahun sebelum, meningkat 4.1 peratus berbanding 3.3 peratus pada tempoh sama. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi 71.8 peratus ekonomi Kelantan bertumbuh 4.0 peratus (2024: 3.5%) didorong oleh subsektor Perkhidmatan Kerajaan serta subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sektor Pertanian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini meningkat 3.6 peratus berbanding 1.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2024 disokong oleh prestasi baik subsektor Tanaman (kelapa sawit dan sayur-sayuran). Manakala sektor Pembinaan meningkat 8.3 peratus (2024: 18.5%) dipacu pertumbuhan subsektor Pembinaan bangunan dan Kejuruteraan awam.

Melaka merekodkan nilai KDNK berjumlah RM50.3 bilion (2024: RM48.8 bilion) dengan peningkatan 3.0 peratus (2024: 4.2%). Sektor Perkhidmatan yang menyumbang 52.4 peratus kepada ekonomi Melaka bertumbuh 4.8 peratus (2024: 4.7%) disokong oleh pengembangan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Perkhidmatan Kerajaan. Pada masa sama,



sektor Pembuatan berkembang 1.1 peratus (2024: 3.8%) didorong oleh Produk elektrik, elektronik dan optikal serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan. Manakala, sektor Pertanian memulih 1.8 peratus (2024: -2.3%) disokong oleh peningkatan dalam subsektor Ternakan. Sebaliknya, sektor Pembinaan negeri ini menyusut 4.9 peratus (2024: 27.9%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam semua subsektor terutamanya Kejuruteraan awam.

Nilai ekonomi **Negeri Sembilan** mencecah RM55.8 bilion (2024: RM54.3 bilion) dengan merekodkan kadar pertumbuhan 2.6 peratus (2024: 4.6%). Sektor Perkhidmatan berkembang 3.0 peratus (2024: 4.6%) dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Perkhidmatan Kerajaan. Pada masa sama, sektor Pembuatan meningkat perlahan 1.9 peratus (2024: 3.9%) disebabkan oleh penguncupan Produk petroleum, kimia, getah & plastik sebanyak 3.9 peratus (2024: 1.4%). Sektor Pertanian turut menyederhana kepada 1.2 peratus (2024: 8.5%) didorong oleh subsektor Tanaman yang menyusut 0.3 peratus (2024: 11.1%) terutamanya kelapa sawit. Begitu juga sektor Pembinaan yang berkembang perlahan 1.2 peratus (2024: 7.5%) disumbangkan oleh subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Pembinaan bangunan.

Prestasi ekonomi **Pahang** meningkat 3.2 peratus (2024: 5.8%) dengan nilai KDNK berjumlah RM71.0 bilion (2024: RM68.8 bilion). Sektor Perkhidmatan berkembang 5.0 peratus (2024: 5.0%) didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Perkhidmatan Kerajaan. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan perlahan 1.4 peratus (2024: 3.5%) didorong oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor ini bertumbuh sederhana 1.1 peratus

(2024: 2.7%). Sektor Pertanian juga menyederhana 2.7 peratus (2024: 9.3%) disumbangkan oleh subsektor Tanaman. Pada tempoh sama, sektor Pembinaan menguncup 5.3 peratus (2024: 8.6%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor Kejuruteraan awam sebanyak 28.3 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Pembinaan bangunan dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas mencatatkan pertumbuhan dua digit, seterusnya mengurangkan impak kejatuhan sektor ini.

Landskap ekonomi **Pulau Pinang** terus menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan mencatatkan nilai KDNK berjumlah RM130.3 bilion (2024: RM121.4 bilion), merekodkan peningkatan 7.3 peratus (2024: 4.7%), melepasi pertumbuhan nasional (5.2%). Ekonominya yang diterajui oleh sektor Pembuatan melonjak 10.0 peratus (2024: 4.0%) dipacu oleh Produk elektrik, elektronik & optikal, seiring dengan perkembangan kukuh pasaran semikonduktor global serta perkakasan pusat data. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi ekonomi negeri ini berkembang 4.1 peratus (2024: 4.9%) didorong oleh peningkatan subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Pada masa sama, sektor Pembinaan turut mengukuh 13.4 peratus disokong oleh semua subsektor terutamanya subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Kejuruteraan awam.

“

10.0%

Sektor Pembuatan di Pulau Pinang bertumbuh dua digit pada tahun 2025

”



Ekonomi **Perak** terus menunjukkan pertumbuhan menggalakkan dengan peningkatan 5.7 peratus (2024: 4.8%), melepasi paras nasional (5.2%) sekali gus mencatat nilai KDNK berjumlah RM91.5 bilion berbanding RM86.6 bilion yang dicatatkan tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor Pembuatan yang melonjak 15.2 peratus (2024: 5.1%) dirangsang oleh Produk peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan yang merekodkan pertumbuhan menggalakkan. Sektor Perkhidmatan turut berkembang 3.4 peratus (2024: 4.4%), dirangsang oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Perkhidmatan Kerajaan. Sektor Pertanian yang menyumbang 13.6 peratus kepada ekonomi negeri ini berkembang 1.2 peratus (2024: 5.1%) dipengaruhi peningkatan marginal dalam subsektor Tanaman dan Ternakan. Manakala sektor Pembinaan meningkat 8.1 peratus (2024: 11.5%), disokong subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Kejuruteraan awam.

KDNK **Perlis** berkembang 2.0 peratus (2024: 3.2%) dengan nilai ekonominya mencecah RM6.7 bilion (2024: RM6.5 bilion). Sektor Perkhidmatan yang menerajui ekonomi negeri ini berkembang 3.1 peratus (2024: 3.2%) didorong oleh subsektor Perkhidmatan Kerajaan dan Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini merosot 1.9 peratus (2024: 2.8%) dipengaruhi oleh subsektor Perikanan yang menguncup 7.2 peratus. Begitu juga sektor Pembinaan yang menyusut 8.2 peratus (2024: 12.0%) disebabkan oleh kejatuhan dalam semua subsektor terutamanya Pembinaan bangunan.

**6.3%**

**Pertumbuhan KDNK
Selangor pada tahun 2025
melempi pertumbuhan
peringkat nasional**



Selangor yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara berkembang 6.3 peratus (2024: 6.4%) dengan nilai KDNK berjumlah RM460.1 bilion (2024: RM432.9 bilion). Ekonomi negeri ini yang dipacu oleh sektor Perkhidmatan menyaksikan peningkatan 6.0 peratus (2024: 6.3%) didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Sementara itu, sektor Pembuatan yang menyumbang 28.5 peratus kepada ekonomi Selangor berkembang 4.1 peratus (2024: 5.1%) didorong oleh Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Sektor Pembinaan terus mengukuh dengan merekodkan pertumbuhan 16.0 peratus (2024: 15.8%) dirangsang oleh subsektor Pembinaan bangunan dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Pada masa sama, sektor Pertanian menyederhana 4.0 peratus (2024: 8.1%) dipengaruhi oleh peningkatan perlahan subsektor Ternakan dan Perikanan. Namun begitu, pertumbuhan kukuh subsektor Tanaman terutamanya kelapa sawit dan sayur-sayuran telah menyokong prestasi keseluruhan sektor ini.

KDNK **Terengganu** mencecah RM40.6 bilion (2024: RM40.0 bilion) pada tahun 2025, berkembang 1.6 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun 2024. Sektor Perkhidmatan yang memacu ekonomi negeri ini meningkat 3.6 peratus (2024: 4.1%) didorong oleh subsektor Perkhidmatan Kerajaan serta Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Manakala sektor Pertanian meningkat 4.2 peratus (2024: 3.6%) disokong oleh semua subsektor terutamanya subsektor Tanaman. Sektor Pembuatan sebaliknya merosot 1.2 peratus (2024: 3.9%) dipengaruhi oleh kejatuhan Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang menyumbang 94.5 peratus kepada sektor Pembuatan negeri ini. Sektor Pembinaan di Terengganu turut merosot 5.8 peratus (2024: 17.5%) disebabkan oleh penurunan dalam semua subsektor, terutamanya subsektor Kejuruteraan awam.

Prestasi ekonomi **Sabah** diterjemahkan menerusi nilai KDNK yang berjumlah RM88.8 bilion (2024: RM84.5 bilion), meningkat 5.1 peratus berbanding 1.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negeri ini berkembang 4.5 peratus (2024: 4.2%) dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Perkhidmatan Kerajaan. Sektor Perlombongan & pengkuarian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi Sabah melantun kepada 4.9 peratus (2024: -4.9%), berikutan peningkatan dalam pengeluaran Minyak mentah & kondensat serta Gas asli. Sektor Pertanian memulih 0.9 peratus (2024: -3.2%) disokong oleh peningkatan dalam subsektor Tanaman iaitu kelapa sawit. Sektor Pembuatan turut meningkat 5.0 peratus (2024: 1.2%) didorong oleh Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan



28.3%
**Sektor Pembinaan
di Sabah bertumbuh
dua digit
pada tahun 2025**



makanan. Manakala sektor Pembinaan di Sabah mengukuh 28.3 peratus (2024: 21.5%) didorong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor terutamanya subsektor Kejuruteraan awam.

Nilai ekonomi **Sarawak** yang mencecah RM153.5 bilion (2024: RM148.2 bilion) merekodkan peningkatan 3.6 peratus (2024: 3.8%). Sektor Perkhidmatan bertumbuh 5.4 peratus (2024: 4.8%) didorong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan ICT. Sektor Pembuatan meningkat marginal 0.1 peratus (2024: 1.3%) dipengaruhi oleh kejatuhan Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang menyumbang lebih 80 peratus kepada sektor ini. Manakala sektor Perlombongan & pengkuarian bertumbuh 2.7 peratus berbanding peningkatan 4.8 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, dipengaruhi oleh peningkatan marginal subsektor Gas asli yang menyumbang 72.2 peratus kepada sektor ini. Sektor Pertanian di negeri ini berkembang 4.3 peratus didorong oleh pertumbuhan subsektor Tanaman terutamanya kelapa sawit. Manakala sektor Pembinaan meningkat 10.9 peratus disokong oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Pembinaan bangunan.

W.P. Kuala Lumpur kekal sebagai penyumbang kedua tertinggi kepada ekonomi negara dengan nilai KDNK berjumlah RM265.1 bilion (2024: RM251.9 bilion), berkembang 5.2 peratus (2024: 6.2%). Sektor Perkhidmatan yang mengungguli ekonominya dengan sumbangan 91.7 peratus, meningkat 5.2 peratus (2024: 5.6%). Peningkatan ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan. Sementara itu, sektor Pembinaan dan sektor Pembuatan masing-masing meningkat 6.0 peratus dan 3.0 peratus.

Ekonomi **W.P. Labuan** merekodkan nilai KDNK berjumlah RM8.7 bilion (2024: RM8.6 bilion), berkembang 1.7 peratus (2024: 5.3%). Pertumbuhan ini diterajui Sektor Perkhidmatan yang berkembang 2.1 peratus (2024: 6.3%), disokong subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan. Sektor Pembinaan pula berkembang 2.2 peratus (2024: 3.1%) didorong oleh peningkatan positif subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Pembinaan bangunan. Sementara itu, sektor Pembuatan bertumbuh marginal 0.1 peratus (2024: -0.7%) dipengaruhi oleh kemerosotan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

Nilai KDNK **W.P. Putrajaya** meningkat kepada RM14.4 bilion berbanding RM13.7 bilion pada tahun sebelumnya, sekali gus merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.8 peratus (2024: 5.2%). Sektor Perkhidmatan yang

mengungguli ekonominya bertumbuh secara konsisten iaitu 5.0 peratus (2024: 5.0%). Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Perkhidmatan Kerajaan dan Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Sementara itu, sektor Pembinaan meningkat 0.9 peratus berbanding 9.3 peratus yang direkodkan tahun sebelumnya.

KDNK per kapita

Beralih kepada KDNK per kapita, nilai KDNK per kapita nasional meningkat daripada RM56,772 pada tahun 2024 kepada RM59,186. Enam (6) negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM144,827), W.P. Putrajaya (RM126,431), W.P. Labuan (RM88,779), Pulau Pinang (RM80,540), Sarawak (RM73,784) dan Selangor (RM70,345).

Jadual 2.1 KDNK per kapita mengikut negeri, 2024-2025 pada harga semasa


Negeri	RM	
	2024 ^e	2025 ^p
Johor	44,828	48,052
Kedah	27,311	28,549
Kelantan	17,422	18,093
Melaka	54,587	55,606
Negeri Sembilan	54,039	55,435
Pahang	49,685	52,055
Pulau Pinang	76,107	80,540
Perak	39,057	41,978
Perlis	24,755	25,151
Selangor	66,076	70,345
Terengganu	32,518	32,685
Sabah	30,575	31,167
Sarawak	73,253	73,784
W.P. Kuala Lumpur	137,389	144,827
W.P. Labuan	87,020	88,779
W.P. Putrajaya	119,498	126,431
MALAYSIA	56,772	59,186



Jadual 2.2 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan sektor, 2025

NEGERI	PERTANIAN	PERLOMBONGAN & PENGKUIARIAN	PEMBINAAN	PEMBUATAN	PERKHIDMATAN	DUTI IMPORT	KDNK (%)
Johor	1.1	-2.6	26.7	4.0	9.9	25.4	8.0
Kedah	2.1	-1.9	-0.6	5.0	3.9	28.2	4.1
Kelantan	3.6	-1.8	8.3	9.3	4.0	-12.8	4.1
Melaka	1.8	2.5	-4.9	1.1	4.8	30.8	3.0
Negeri Sembilan	1.2	6.9	1.2	1.9	3.0	97.5	2.6
Pahang	2.7	-4.9	-5.3	1.4	5.0	-19.4	3.2
Pulau Pinang	1.8	1.1	13.4	10.0	4.1	36.0	7.3
Perak	1.2	7.9	8.1	15.2	3.4	196.3	5.7
Perlis	-1.9	2.7	-8.2	4.2	3.1	-0.2	2.0
Selangor	4.0	6.8	16.0	4.1	6.0	14.9	6.3
Terengganu	4.2	-2.2	-5.8	-1.2	3.6	66.6	1.6
Sabah	0.9	4.9	28.3	5.0	4.5	35.2	5.1
Sarawak	4.3	2.7	10.9	0.1	5.4	14.7	3.6
W.P. Kuala Lumpur	..	2.5	6.0	3.0	5.2	6.3	5.2
W.P. Labuan	-0.4	-	2.2	0.1	2.1	-0.1	1.7
W.P. Putrajaya	..	-	0.9	..	5.0	6.4	4.8
Supra	-	-2.8	-	-	-	-	-2.8
MALAYSIA	2.2	0.6	12.2	4.5	5.4	17.6	5.2

Carta 2.1 Peratus sumbangan kepada KDNK mengikut negeri dan sektor, 2025





SOSIOEKONOMI NEGERI SEMBILAN 2025

KDNK: RM55.8 bilion
(2024: RM54.3 bilion)

2.6%
(2024: 4.6%)

PERKHIDMATAN

RM29.6 b
(2024: RM28.7 b)
3.0%
53.1%

RM20.8 b
(2024: RM20.4 b)

1.9%
37.3%

PERTANIAN

RM3.4 b
(2024: RM3.4 b)
1.2%
6.2%

RM1.5 b
(2024: RM1.5 b)

1.2%
2.7%

PERLOMBONGAN & PENGKUIARIAN

RM0.2 b
(2024: RM0.2 b)
6.9%
0.4%

PEMBUATAN

PEMBINAAN

Petunjuk : Pertumbuhan Sumbangan kepada KDNK b Bilion



SOSIO-DEMOGRAFI

LUAS KAWASAN
6,668 km²

JUMLAH PENDUDUK
1.24 juta orang

51.9% **48.1%**

KEPADATAN PENDUDUK
185 per km²

KADAR KESUBURAN JUMLAH*

1.5 Bagi setiap perempuan berumur 15 hingga 49 tahun

JANGKAAN HAYAT
Ketika lahir (tahun) **71.5** **76.7**

BILANGAN TENAGA BURUH
568.3 ribu orang

PENDUDUK BEKERJA
552.5 ribu orang

KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH
66.4%

KADAR PENGANGGURAN
2.8%

GAJI & UPAH BULANAN*
PURATA RM3,626 **PENENGAH RM2,503**



KADAR INFLASI

1.7% (2024: 1.2%)



KOS SARA HIDUP*

PURATA PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR (PAKW)

PAKW BULANAN ISI RUMAH

RM4,084

PAKW BULANAN ISI RUMAH PER KAPITA

RM1,231

RM1,583

Makanan

RM458

RM2,501

Bukan Makanan

RM773

PURATA SAIZ ISI RUMAH **3.4 orang**

PAKW BULANAN MENGIKUT SAIZ ISI RUMAH



Tinggal Bersendiria

RM1,403



Dua Orang

RM2,556



Tiga Orang

RM3,727



Empat Orang

RM4,708



Lima Orang

RM5,838



Enam Orang dan Lebih

RM7,445

INDEKS KOS SARA HIDUP **105.0** **2.1%**

INDEKS KOS SARA HIDUP **KADAR PERTUMBUHAN TAHUNAN**



STATISTIK PERDAGANGAN

JUMLAH PERDAGANGAN

RM60.1 bilion
(2024: RM68.7 bilion)



EKSPORT BARANGAN
RM22.9 bilion
(2024: RM24.3 bilion)



IMPORT BARANGAN
RM37.2 bilion
(2024: RM44.3 bilion)

EKSPORT BARANGAN UTAMA

Barangan elektrik dan elektronik yang lain
RM4.8 bilion

Litar elektronik bersepadu
RM1.8 bilion

Pesawat udara & kelengkapan dan alat ganti
RM1.4 bilion

IMPORT BARANGAN UTAMA

Petroleum mentah
RM6.8 bilion

Kristal piezo elektrik & alat ganti
RM2.5 bilion

Keluaran petroleum bertapis
RM2.1 bilion



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

BILANGAN PELAWAT DOMESTIK **19.4 juta orang**

LIMA DESTINASI TUMPUAN UTAMA



Sumber : Laporan Sosioekonomi Negeri Sembilan 2025

Nota : KDNK : Keluaran Dalam Negeri Kasar
*Data tahun 2024



PRESTASI EKONOMI NEGERI SEMBILAN

2025

Negeri Sembilan merupakan negeri yang terkenal dengan identiti budaya berteraskan Adat Perpatih dan pengaruh Minangkabau yang masih kukuh, sekaligus menyokong pembangunan ekonomi setempat melalui projek komuniti, perniagaan kecil dan pertanian. Dari sudut ekonomi, negeri ini mencatat pertumbuhan yang stabil dipacu oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian. Kedudukannya yang strategik berhampiran Lembah Klang memberi kelebihan kepada negeri ini dalam memperkukuh daya tarikan pelaburan serta pembangunan industri.

Negeri Sembilan merekodkan pelaburan diluluskan berjumlah RM19.1 bilion, merangkumi RM4.4 bilion pelaburan asing dan RM14.7 bilion pelaburan domestik, yang dijangka mewujudkan lebih 3,845 peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri membentangkan Belanjawan Berimbang dengan Anggaran Hasil

dan Belanja Mengurus masing-masing sebanyak RM590.0 juta, manakala RM135.0 juta diperuntukkan bagi Belanja Pembangunan.

Sepanjang tahun 2025, beberapa projek pembangunan ekonomi di Negeri Sembilan telah mula beroperasi dan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Antaranya ialah projek ladang tenusu bersepadu F&N AgriValley oleh Fraser and Neave Holdings yang terletak di Gemas dengan pelaburan kira-kira RM1.8 bilion bagi meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan. Selain itu, projek pembesaran kilang aeroangkasa oleh Safran Landing Systems di Sendayan melibatkan pelaburan sekitar RM860 juta untuk menghasilkan komponen sistem pendaratan pesawat bagi pasaran global. Seterusnya, projek kilang pembuatan peralatan perubatan oleh AntMed di Bandar Springhill, Port Dickson melibatkan pelaburan

“

RM55.8 bilionNilai KDNK pada
tahun 2025

”

“

2.6%Pertumbuhan
ekonomi Negeri
Sembilan

”

kira-kira RM700 juta yang bertujuan memperkukuh industri perubatan negara. Di samping itu, Loji Rawatan Air Ngoi-Ngoi Fasa 2 di Seremban yang bernilai sekitar RM228 juta juga mula beroperasi bagi meningkatkan bekalan air terawat kepada kawasan Seremban, Nilai dan Sendayan. Projek ini antara pemangkin bagi meningkatkan pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan serta merangsang pembangunan ekonomi Negeri Sembilan.


Secara keseluruhan, Negeri Sembilan mencatatkan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar sebanyak RM55.8 bilion pada tahun 2025 berbanding RM54.3 bilion pada tahun sebelumnya dengan pertumbuhan 2.6 peratus yang dipacu oleh Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan seperti di **Carta 2.2**.

Dari aspek komposisi ekonomi Negeri Sembilan, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama ekonomi dengan sumbangan 53.1 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan, 37.3 peratus seperti di **Carta 2.3**. Sektor Pertanian menyumbang 6.2 peratus manakala sektor Pembinaan menyumbang 2.7 peratus. Selainnya, disumbangkan oleh sektor Perlombongan & pengkuarian sebanyak 0.4 peratus.

Dari segi prestasi ekonomi, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing bertumbuh pada kadar 3.0 peratus dan 1.9 peratus. Selain itu, sektor Pertanian merekodkan pertumbuhan iaitu 1.2 peratus manakala sektor Pembinaan berkembang 1.2 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian pula mencatatkan peningkatan 6.9 peratus seperti pada **Carta 2.4**.

Carta 2.2

Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK Negeri Sembilan, 2015-2025




Carta 2.3

Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Negeri Sembilan, 2025



Carta 2.4

Kadar pertumbuhan nilai ditambah mengikut sektor, Negeri Sembilan, 2024-2025





PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian telah berkembang daripada amalan tradisional kepada pendekatan yang lebih moden dan berteknologi tinggi, selaras dengan aspirasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan mampan. Pada tahun 2025, sektor Pertanian di Negeri Sembilan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM3.44 bilion berbanding RM3.40 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor Pertanian Negeri Sembilan menyumbang 6.2 peratus kepada KDNK negeri pada 2025. Subsektor Tanaman mendominasi sektor Pertanian di negeri ini dengan sumbangan 70.5 peratus, diikuti subsektor Ternakan (27.6%), Perhutanan & pembalakan (1.4%) dan Perikanan (0.5%).

Pada tahun 2025, sektor pertanian di negeri ini meningkat 1.2 peratus berbanding 8.5 peratus (2024) disokong oleh subsektor Ternakan. Subsektor ini bertumbuh 5.0 peratus berbanding 2.4 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran telur ayam dan juga ternakan ayam serta itik.

Subsektor tanaman pula mengalami penyusutan 0.3 peratus berbanding pertumbuhan 11.1 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh penyusutan dalam pengeluaran buah kelapa sawit yang mana kelapa sawit merupakan aktiviti pertanian

terbesar di Negeri Sembilan. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (**Jadual 2.3**), pengeluaran buah tandan segar di Negeri Sembilan menguncup 0.3 peratus pada tahun 2025, berbanding tahun sebelumnya yang bertumbuh 20.0 peratus. Impak banjir pada 2025 turut memberi kesan dalam pengeluaran Tanaman di Negeri Sembilan.

Sementara itu, subsektor Perikanan juga mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan 6.5 peratus (2024: 3.1%). Manakala, subsektor Perhutanan & pembalakan bertumbuh 1.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 2.8%). (**Carta 2.5**)

SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUIARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Negeri Sembilan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM231.6 juta berbanding RM216.7 juta pada tahun 2024. Sektor ini menyumbang 0.4 peratus kepada KDNK Negeri Sembilan.

Pada tahun 2025, sektor ini memulih 6.9 peratus (2024: -4.2%) seperti pada **Carta 2.6**. Peningkatan ini didorong oleh aktiviti pengkuarian pasir dan perlombongan bijih besi. Selain itu, aktiviti pemecahan batu dan perlombongan feldspar juga mempengaruhi prestasi keseluruhan sektor ini.



SEKTOR PEMBINAAN

Negeri Sembilan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM1.5 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2025 dan menyumbang sebanyak 2.7 peratus kepada keseluruhan ekonomi Negeri Sembilan.

Sektor Pembinaan di Negeri Sembilan meningkat 1.2 peratus pada tahun 2025 berbanding 7.5 peratus pada tahun sebelumnya (**Paparan 2.1**). Ia dipengaruhi oleh peningkatan dalam subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas 2.9 peratus dan Pembinaan bangunan 1.7 peratus. Walau bagaimanapun subsektor Kejuruteraan awam menyusut 1.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.


Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang terdapat di Negeri Sembilan ialah:

- ◆ Pembinaan Rumah Teres 2 Tingkat (Fasa 15A & 15B, 427 Unit), Taman Irian Bayu, Seremban, Negeri Sembilan
- ◆ Pembinaan Rumah Mampu Milik (792 Unit), Negeri Sembilan untuk Multiplex Development Sdn Bhd
- ◆ Proposed Site Clearance & Earthworks (Plot B, 2,000 Acres), FN Agrivalley, Ladang Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan
- ◆ Samsung SDI Energy Malaysia (Complex-2, Phase 2) - Fire Fighting Piping & Smoke Ventilation Duct, Negeri Sembilan
- ◆ Proposed Earthworks & Retaining Wall (Plot



Paparan 2.1 Kadar pertumbuhan sektor Pembinaan, Negeri Sembilan, 2025



SEKTOR PEMBUATAN

Pada tahun 2025, sektor Pembuatan Negeri Sembilan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM20.8 bilion, meningkat RM380.5 juta berbanding RM20.4 bilion pada tahun 2024. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan yang dicatatkan pada 2025 adalah pada kadar 1.9 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 2024. Sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 37.3 peratus kepada KDNK Negeri Sembilan, menjadikannya penyumbang kedua selepas sektor Perkhidmatan.

Produk elektrik, elektronik & optikal merupakan penyumbang terbesar kepada sektor Pembuatan di Negeri Sembilan dengan nilai ditambah berjumlah RM7.8 bilion, berkembang 3.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sumbangannya kepada KDNK Pembuatan negeri adalah sebanyak 37.3 peratus (**Carta 2.7**). Prestasi Produk elektrik, elektronik & optikal disokong oleh segmen komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi & elektronik pengguna.



Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang merupakan penyumbang kedua sektor Pembuatan negeri ini (sumbangan: 30.3%) merosot 3.9 peratus berbanding tahun sebelum untuk merekodkan RM6.3 bilion (2024: RM6.6 bilion). Segmen produk petroleum bertapis menjadi faktor utama kemerosotan bagi subsektor ini.

Selain itu, Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM2.3 bilion, berkembang 3.3 peratus berbanding 8.5 peratus pada tahun 2024 dengan sumbangan 10.9 peratus. Kumpulan produk logam yang direka merupakan penyumbang utama prestasi subsektor ini.

Bagi aspek pelaburan, Negeri Sembilan menerima nilai pelaburan berjumlah RM5.3 bilion bagi sektor Pembuatan yang merangkumi pelaburan domestik sebanyak RM958.8 juta dan pelaburan asing sebanyak RM4.4 bilion. Pada tahun 2025, nilai pelaburan ini menyusut 0.3 peratus berbanding RM5.4 bilion pada tahun sebelumnya.

SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan di Negeri Sembilan terus menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negeri ini pada tahun 2025, didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan domestik yang kukuh serta perkembangan positif industri berorientasikan pelancongan. Pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan di negeri ini merekodkan nilai ditambah berjumlah RM29.6 bilion berbanding RM28.7 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan kekal menerajui ekonomi Negeri Sembilan dengan sumbangan sebanyak 53.1 peratus kepada KDNK keseluruhan. Sektor ini berkembang 3.0 peratus (2024: 4.6%) disokong oleh subsektor Perdagangan borong

Paparan 2.2

Kadar pertumbuhan subsektor Perkhidmatan, Negeri Sembilan, 2025



& runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 4.7 peratus serta Perkhidmatan Kerajaan yang berkembang 5.4 peratus. Prestasi mengikut subsektor ditunjukkan pada **Jadual 2.4**.

Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi

Subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi mencatatkan nilai ditambah RM9.1 bilion pada tahun 2025 dengan sumbangan sebanyak 30.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Negeri Sembilan. Subsektor ini merekodkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus berbanding 6.5 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi perlahan subsektor ini dipengaruhi oleh segmen utiliti khususnya dalam aktiviti bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara.



Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan

Subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan, menyumbang 28.1 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Negeri Sembilan. Subsektor ini meningkat 4.7 peratus berbanding 3.2 peratus pada 2024, didorong oleh segmen runcit.

Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan

Subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 1.5 peratus pada tahun 2025 berbanding 4.1 peratus pada tahun 2024, dengan nilai ditambah berjumlah RM3.5 bilion. Subsektor ini menyumbang 11.9 peratus kepada sektor Perkhidmatan Negeri Sembilan. Prestasi subsektor ini disokong oleh perkhidmatan kewangan & insurans dan perkhidmatan profesional, saintifik dan teknikal serta pentadbiran dan khidmat sokongan. Selain itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor ini ialah aktiviti hartanah bagi harta milikan sendiri atau pajakan terutama dalam pembelian, penjualan, penyewaan & pengendalian hartanah kediaman.

Perkhidmatan lain

Prestasi subsektor Perkhidmatan lain di negeri Negeri Sembilan mempamerkan momentum pertumbuhan pada tahun 2025. Nilai KDNK bagi subsektor ini meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada RM2.9 bilion berbanding RM2.7 bilion pada tahun sebelumnya, sekali gus menyumbang 9.7 peratus kepada keseluruhan sektor perkhidmatan negeri. Pertumbuhan ini

didorong terutamanya oleh sektor kediaman yang didiami oleh pemilik, perkhidmatan pendidikan swasta serta perkhidmatan swasta lain yang merangkumi aktiviti berkaitan dengan pelancongan seperti kebudayaan, hiburan, rekreasi, sukan dan perkhidmatan persendirian lain.

Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan diklasifikasikan sebagai pengeluar bukan pasaran, dengan nilai ditambahnya merangkumi pampasan pekerja, peruntukan pencen bagi tenaga kerja semasa, serta penggunaan modal tetap.

Nilai ditambah subsektor perkhidmatan kerajaan di negeri Negeri Sembilan berjumlah RM5.8 bilion, kenaikan RM0.3 bilion berbanding RM5.5 bilion pada tahun 2024 dengan sumbangan terhadap sektor perkhidmatan negeri sebanyak 19.5 peratus. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, pertumbuhan yang dicatatkan pada 2025 adalah pada kadar 5.4 peratus berbanding 3.9 peratus tahun 2024.

Subsektor ini merangkumi empat peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan sangat penting dalam pelaksanaan pembangunan setempat, seterusnya memberi limpahan manfaat kepada ekonomi negeri.



19.5%

Sumbangan subsektor
perkhidmatan kerajaan
Kepada sektor
Perkhidmatan Negeri
Sembilan






PRESTASI NILAI DITAMBAH MENGIKUT SEKTOR

Carta 2.5

Prestasi sektor Pertanian, Negeri Sembilan, 2024-2025




Carta 2.6

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Negeri Sembilan, 2015-2025




Carta 2.7

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Negeri Sembilan, 2025



Carta 2.8

Peratus sumbangan sektor Pembinaan, Negeri Sembilan, 2025





JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.3 Statistik industri kelapa sawit, Negeri Sembilan, 2024-2025

Negeri Sembilan	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2024	2025	2024	2025
Buah tandan segar ('000 tan)	3,795	3,784	20.0	-0.3
Minyak sawit mentah ('000 tan)	715	727	14.5	1.7
Isirong sawit ('000 tan)	178	181	10.2	1.8
Keluasan belum matang (hektar)	11,058	13,545	19.4	22.5
Keluasan matang (hektar)	168,021	168,973	-0.1	0.6

Sumber: MPOB

Jadual 2.4 Prestasi sektor Perkhidmatan, Negeri Sembilan, 2024-2025

Subsektor	2024 ^e			2025 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	9,077	31.6	6.5	9,087	30.7	0.1
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	7,939	27.6	3.2	8,313	28.1	4.7
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	3,482	12.1	4.1	3,535	11.9	1.5
Perkhidmatan lain	2,745	9.6	3.9	2,870	9.7	4.5
Perkhidmatan kerajaan	5,485	19.1	3.9	5,783	19.5	5.4
Jumlah	28,729	100.0	4.6	29,587	100.0	3.0



INISIATIF TERPILIH KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2025

SEKTOR ICT & PENDIGITALAN

- RM10 juta disediakan untuk Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) bagi meningkatkan penggunaan AI melalui kerjasama akademik dan industri.
- RM100 juta diperuntukkan untuk 5 tahun bagi memperkasa Pusat NADI sebagai platform komuniti menjana pendapatan melalui keusahawanan dalam talian.
- RM50 juta disediakan sebagai Geran Padanan Digital PKMS dan Geran Digital Penaja di bawah BSN bagi menyokong usahawan tempatan.
- Lebih RM300 juta dana SKMM disediakan bagi menambah baik capaian internet di universiti awam, sekolah, kem tentera dan institusi MARA.



BANTUAN ISI RUMAH

- RM13 bilion diperuntukkan untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memberi manfaat kepada 9 juta penerima atau 60 peratus penduduk dewasa.
- RM2.9 bilion disediakan bagi peruntukan bantuan tunai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- RM600 sebulan merupakan kadar baharu bagi Bantuan Warga Emas.
- Lebih RM10,000 setahun nilai keseluruhan bantuan disalurkan kepada warga emas miskin bagi memastikan tiada rakyat di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan.



INSENTIF PEMBELIAN KENDERAAN

- Peruntukan RM10 juta memang disediakan untuk meneruskan galakan penggunaan motosikal elektrik pemasangan tempatan (CKD) dengan tawaran sehingga RM2,400.
- Kerangka insentif cukai EV sedia ada distruktur semula agar selari dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakan peralihan kepada EV pemasangan tempatan (CKD).
- Pelepasan cukai bagi pembelian penggecas kenderaan elektrik afferuskan sehingga tahun takhsiran 2027.



SEKTOR PERTANIAN

- RM300 juta disediakan bagi menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri untuk pengeluaran bawang di Perak, temacip merah di Pahang dan peningkatan hasil padi di Negeri Sembilan.
- RM27 juta diperuntukkan sebagai insentif kepada petani dan penternak bagi meningkatkan ternakan lembu pedaging, ruminan kecil serta pengeluaran bawang tempatan.
- RM250 juta disediakan untuk Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi membantu golongan miskin tegar dan B40 menjana pendapatan secara mampan.
- RM65 juta diperuntukkan bagi membangunkan pengairan dan saliran jelapang padi serta meluaskan estet padi FELCRA.



PENGANGKUTAN AWAM

- RM216 juta disediakan untuk meneruskan subsidi Pas Bulanan My50 bagi manfaat 180,000 pengguna pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang.
- RM273 juta diperuntukkan bagi menyokong perkhidmatan bas henti-henti di bandar utama, termasuk pemberian tambang percuma BAS.MY kepada semua mahasiswa di seluruh negara.
- Lebih RM200 juta disediakan sebagai subsidi perkhidmatan pengangkutan udara bagi menghubungkan penduduk desa dan pedalaman Sabah dan Sarawak.
- 50 sen sehalwa merupakan kadar tambang kemudahan van di bawah perluasan inisiatif Transit Responsif Atas Permintaan (DRT) Prasarana bagi memudahkan anak-anak ke sekolah dari stesen tren terpilih.



SEKTOR PEMBINAAN

- RM1.3 bilion diperuntukkan bagi memperkasa kontraktor Bumiputera gred G1 hingga G4 untuk melaksanakan projek jalan raya dan pembaikan prasarana awam.
- RM9.7 bilion nilai kontrak disediakan bagi meneruskan projek mega pengangkutan Pan Borneo Sabah Fasa 1B, manakala RM7.4 bilion diperuntukkan untuk Sabah Sarawak Link-Road (SSLR) Fasa 2.
- Hampir RM2.9 bilion disediakan khusus untuk pembangunan prasarana asas di kawasan kampung, desa dan pedalaman.
- RM2.8 bilion disediakan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan manakala RM5.5 bilion peruntukan dana MARRIS untuk penyelenggaraan jalan raya di peringkat negeri.



TENAGA HIJAU

- RM1.6 bilion akan dilaburkan oleh UEM Lesira dan TNB bagi meningkatkan keupayaan rangkaian transmisi dan pengedaran serta menyatorkan kawasan perindustrian.
- Lebih RM300 juta disediakan di bawah Dana Mudah Cara Peralihan Tenaga Negara bagi menyokong usaha mencapai sasaran gas rumah hijau sifar bersih seawal tahun 2050.
- RM1 bilion disediakan bagi meneruskan pelaksanaan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTRs) sehingga tahun 2026.
- Sehingga RM70 juta e-Rebat disediakan bagi menggalakan pengguna dan industri membeli kelengkapan elektrik cekap tenaga.



PELANCONGAN

- Hampir RM550 juta disediakan bagi mempergiat promosi, penganjuran aktiviti budaya dan pelancongan sebagai persiapan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.
- RM600 juta disediakan oleh Khazanah Nasional untuk memulih dan mengangkat nilai bangunan warisan bersejarah di Kuala Lumpur.
- RM30 juta diperuntukkan sebagai Geran Sepadan Penerbangan Antarabangsa dan Charter bagi menggalakan peningkatan jumlah penerbangan asing ke Malaysia.
- RM31 juta disediakan kepada Malis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) bagi memperkasakan program pelancongan kesihatan.



HARTANAH

- Sehingga RM10 bilion disediakan sebagai jaminan pembiayaan perumahan di bawah SJKP bagi memberi manfaat kepada 20,000 pembeli rumah.
- Hampir RM200 juta diperuntukkan bagi sederhana rumah strata kos rendah dan sederhana awam termasuk menggantikan lif-lif yang usang.
- Hampir RM900 juta disediakan bagi melaksanakan 48 Program Residensi Rakyat (PRR) dan 14 projek Rumah Mesra Rakyat, di mana 30 projek PRR daripadanya dijangka siap pada penghujung 2025 untuk memantapkan 17,500 penghuni baharu.



PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

- RM300 juta diperuntukkan untuk Program Payung RAHMAH bagi memperhebat barangan keperluan asas di setiap DUN pada setiap bulan.
- RM100 juta disediakan bagi membina gerai dan membekal pulih prasana pasar awam PBT serta menyediakan ruang niaga penjaja kecil Tamu Desa di Sabah dan Sarawak.
- RM250 juta diperuntukkan bagi program pendedaran barangan keperluan asas ke kawasan pedalaman dan desa.
- RM10 juta disediakan khusus sebagai peruntukan untuk melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia.



KEWANGAN DAN INSURANS

- RM10 juta disediakan untuk Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) bagi meningkatkan penggunaan AI melalui kerjasama akademik dan industri.
- RM100 juta diperuntukkan untuk 5 tahun bagi memperkasa Pusat NADI sebagai platform komuniti menjana pendapatan melalui keusahawanan dalam talian.
- RM50 juta disediakan sebagai Geran Padanan Digital PKMS dan Geran Digital Penaja di bawah BSN bagi menyokong usahawan tempatan.
- Lebih RM300 juta dana SKMM disediakan bagi menambah baik capaian internet di universiti awam.



PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

- RM40 bilion kemudahan pinjaman serta jaminan pembiayaan perniagaan disediakan di bawah pelbagai agensi kerajaan untuk manfaat PKMS.
- Sehingga RM3.2 bilion pinjaman bersaiz mikro ditawarkan antaranya melalui TEKUN dan BSN bagi membantu penjaja kecil, komuniti OKU, masyarakat Cina serta Bumiputera.
- RM3.8 bilion dana pinjaman PKS disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menyokong usahawan beralih ke arah digital, automasi, amalan lestari dan agromakanan.
- RM650 juta alihsuaskan bagi menyokong dan menggalakan golongan wanita serta bella menceburi bidang keusahawanan.





INISIATIF TERPILIH KERAJAAN NEGERI, 2025

JOHOR • RM270 juta diperuntukkan bagi pembinaan Loji Rawatan Air di Semangar dan Sg Layang 2 sebagai pelaburan infrastruktur air utama negeri. • RM225 juta disediakan untuk pembangunan Rumah Resideni Bangsa Johor (RBJ) di Pontian dan Muar melalui Kerjasama PUH. • RM107.4 juta disalurkan kepada 13 PBT Johor untuk projek menaik taraf sistem perparitan dan longkang bagi cegah banjir kilat. • RM32 juta diperuntukkan bagi membina sekolah agama baharu di Kempas, UJM Skudai dan Larkin serta bangunan tambahan.	KEDAH • RM43.4 juta disediakan bagi memperkasakan infrastruktur bekalan air bersih termasuk kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) dan mengatasi isu gangguan air di seluruh negeri. • RM20 juta diperuntukkan bagi Tabung Pinjaman Modal • Usahawan Kedah (i-Kaunseling/ i-Niaga) untuk menyediakan pembiayaan mudah kepada usahawan PKS tempatan. • RM4.2 juta diperuntukkan bagi Program Bantuan Beras Sejahtera yang mensasarkan pemberian bantuan beras secara berkala kepada keluarga yang memerlukan di setiap kawasan DUN.	KELANTAN • RM17.75 juta disediakan untuk program Kelantan Berish, inisiatif kesihatan awam dan pembangunan kawasan luar bandar. • RM15.61 juta diperuntukkan bagi pengurusan sumber air bersepadu, termasuk pengambilan tanah untuk pembinaan empat Loji Rawatan Air (LRA) baharu. • RM8.35 juta disediakan khusus untuk projek pengurusan bencana dan penyediaan infrastruktur bagi menangani isu banjir. • Menakik tarat sistem pengatiran tali air di skim-skim pengatiran pertanian bagi meningkatkan kualiti hasil tani negeri.	MELAKA • RM16 juta disediakan untuk Bantuan MESRA Am bagi menyantuni 5,350 penerima daripada golongan miskin. • RM10.8 juta disalurkan kepada JPS Melaka bagi projek pembaikan tebing saliran dan penyelenggaraan kolam takungan banjir. • RM3 juta diperuntukkan bagi Program Melaka Rumahku untuk pembinaan rumah baharu secara percuma kepada golongan memeluk. • RM1 juta disediakan kepada Perbadanan Teknologi Hijau Melaka bagi program Skim Solar Perumahan (SolarMEU) dan Green Mobility.	NEGERI SEMBILAN • RM135 juta disediakan sebagai peruntukan Belanja Pembangunan negeri bagi merangkumi sektor sosial, infrastruktur dan pertanian. • RM29.75 juta diperuntukkan bagi Skim Sejahtera Rakyat (SSR) yang merangkumi bantuan tunai untuk untuk pelbagai kelompok masyarakat. • RM10.5 juta diperuntukkan bagi pembinaan masjid-masjid baharu. • RM5 juta disediakan untuk meneruskan Program Rumah Harapan Rakyat bagi membantu golongan B40 membina rumah di atas tanah sendiri.
PAHANG • RM91.97 juta diperuntukkan melalui PAIP bagi menaik taraf perkhidmatan bekalan air termasuk pembinaan Loji Rawatan Air Bukit Puling. • RM50.54 juta disediakan bagi Inisiatif Makmur Pahang (i.M. Pahang) yang merangkumi pelbagai kluster bantuan rakyat. • RM23.9 juta disediakan oleh Yayasan Pahang bagi pemberian biasiswa sekolah rendah dan menengah untuk pelajar kurang mampu. • RM19.89 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek tebatan banjir, kawalan hakisan pantai dan sistem saliran bandar.	PULAU PINANG • RM60 juta diperuntukkan bagi inisiatif 'Penang Silicon Design @5km+' untuk memacu industri reka bentuk cip dan lifar bersepadu (IC). • RM54.8 juta disalurkan melalui program i-Sejahtera bagi pemberian bantuan kebajikan secara berkala kepada rakyat Pulau Pinang. • RM13.6 juta disediakan sebagai subsidi sektor pengangkutan awam termasuk operasi bas percuma CAT Bridge. • RM10.5 juta diperuntukkan bagi bayaran ex-gratia dan bantuan bot/enjin kepada nelayan yang terjejas akibat projek Silcon Island.	PERAK • RM45.94 juta disediakan kepada JKM negeri bagi tujuan bantuan sosial rakyat termasuk kenaikan kadar Bantuan Am. • RM30.22 juta diperuntukkan bagi program kesejahteraan rakyat seperti Kad Perak Sejahtera dan Bantuan Kotak Makanan. • RM21.2 juta disediakan bagi tujuan pembangunan sukan negeri termasuk persiapan atlet ke arah SUKMA 2026. • RM1.5 juta diperuntukkan bagi program baik pulih serta pembinaan masjid dan surau baharu di seluruh negeri Perak.	PERLIS • Inisiatif "1 ADUN, 1 Kilang" diperkenalkan di mana setiap wakil rakyat bertanggungjawab menaik sekurang-kurangnya satu pelabur industri ke kawasan masing-masing. • RM20.71 juta disalurkan kepada JKR Perlis untuk projek penyelenggaraan infrastruktur jalan raya dan bangunan awam. • RM6.8 juta diperuntukkan kepada JPS Perlis bagi menguruskan sistem pengatiran dan saliran untuk kebajikan petani dan penduduk.	SELANGOR • RM404.17 juta diperuntukkan bagi pembangunan sektor infrastruktur yang merangkumi projek kejaminan bekalan air bersih, pengurusan sisa pepejal serta menaik taraf jalan raya negeri. • RM380.7 juta disediakan bagi pemeriksaan sektor ekonami untuk merancang pertumbuhan serta membantu meningkatkan pendapatan rakyat secara menyeluruh. • RM20 juta disediakan bagi inisiatif Demand Responsive Transit (DRT) dan Mobiliti Selangor untuk menambah baik jaringan pengangkutan awam dan kemudahan mobiliti warga kota.
TERENGGANU • RM10 bilion potensi nilai pelaburan bagi projek rintis pembangunan ladang solar terapung di Tasik Kenyir melalui kerjasama Terengganu Inc. dan TNB Genco bagi penghasilan tenaga elektrik. • RM15 juta sasaran kutipan dan pengagihan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada anak syarikat kerajaan dan badan berkanun negeri untuk bantuan sosioekonomi rakyat. • Meneruskan Program Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS) serta memperkenankan dasar pembangunan perumahan secara periswasatan bagi meningkatkan bekalan rumah mampu milik.	SABAH • RM250 juta disediakan untuk pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ) di semua 73 kawasan DUN sebagai inisiatif pembasmian kemiskinan. • RM1729.79 juta diperuntukkan kepada Jabatan Air Negeri Sabah bagi melaksanakan program penyelesaian segera dan jangka pendek untuk meningkatkan kapasiti bekalan air. • RM32.5 juta diperuntukkan bagi penubuhan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPBN) untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras negeri.	SARAWAK • RM1.42 bilion disediakan bagi pelaksanaan Projek Kuching Urban Transportation System (KUTS) yang melibatkan pembinaan rangkaian Autonomous Rapid Transit (ART). • RM450 juta diperuntukkan bagi inisiatif baharu Sumbangan Keperluan Asas Sarawak (SKAS) untuk membantu 850,000 penerima daripada golongan berpendapatan rendah. • RM397 juta disediakan bagi projek Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication (SMART) untuk pembinaan 600 menara komunikasi bagi meningkatkan capaian internet luar bandar.	W.P. KUALA LUMPUR • RM178.8 juta diperuntukkan bagi pengurusan dan penyelenggaraan 39,180 unit rumah sewa di P/PPR untuk memastikan keselesaan serta keselamatan penduduk. • RM89.1 juta disediakan bagi Program Pengurusan Mitigasi Banjir melalui penyelenggaraan sungai, sistem perparitan, kolam takungan dan pemasangan tembok penahan banjir. • RM45 juta diperuntukkan bagi pengurusan perkhidmatan bas percuma GO KL kepada warganegara Malaysia untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara.	W.P. LABUAN • RM32.9 juta disediakan bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan fizikal dan kemudahan awam di Labuan. • Pembangunan Projek Labuan Waterfront Fasa 1 bernilai kira-kira RM38 juta bertujuan meningkatkan sektor pelancongan serta merencanakan aktiviti ekonomi dan sosial di kawasan pesisir Victoria Harbour. • Usaha menaik tarat ketersambungan digital dan kemudahan pengangkutan bagi menarik lebih banyak peluang pelaburan baharu.

Sumber: Belanjawan Kerajaan Negeri Tahun 2025, Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Perbandarahan Negeri, Portal Rasmi Kerajaan Negeri, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Wilayah Persekutuan.



INDEKS HARGA PENGGUNA 2025



Secara amnya, tingkat harga bagi barang dan perkhidmatan di Malaysia berada di paras yang tinggi. Walau bagaimanapun, inflasi Malaysia pada tahun 2025 menyederhana kepada 1.4 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun 2024. Ini disokong oleh pengukuhan mata wang Ringgit Malaysia, perbelanjaan isi rumah yang kukuh serta inisiatif kerajaan untuk menyalurkan subsidi petrol RON95 kepada rakyat Malaysia, sedikit sebanyak mengekang inflasi Malaysia daripada terus meningkat tinggi. Kadar ini berada di dalam julat unjuran inflasi oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan (MOF) iaitu antara 1.0 hingga 2.0 peratus pada tahun 2025.

Mulai 30 September 2025, Malaysia telah beralih kepada sistem subsidi bersasar petrol RON95 atau BUDI MADANI RON95 (BUDI95) yang mana kira-kira 16 juta rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas, yang memiliki MyKad dan lesen memandu aktif layak menikmati subsidi petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter berbanding harga pasaran semasa.

Peningkatan yang lebih sederhana, 1.4 peratus ini disumbangkan oleh inflasi Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.6%); Kesihatan (1.2%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (1.1%); Pengangkutan (0.4%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.2%). Namun begitu, Penjagaan Diri, Perlindungan



1.7%

Inflasi Negeri Sembilan
meningkat perlahan
pada tahun 2025



Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan meningkat lebih tinggi pada 4.4 peratus (2024: 3.0%). Ini diikuti oleh Insurans & Perkhidmatan Kewangan, 3.4 peratus (2024: 0.3%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 3.2 peratus (2024: 3.1%); Pendidikan, 2.3 peratus (2024: 1.5%); Makanan & Minuman, 2.1 peratus (2024: 2.0%) dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.9 peratus (2024: 0.7%). Manakala, Maklumat & Komunikasi dan Pakaian & Kasut masing-masing merekodkan penurunan kepada negatif 4.3 peratus dan negatif 0.2 peratus pada tahun 2025.

Inflasi Negeri Sembilan meningkat perlahan kepada 1.7 peratus berbanding 1.2 peratus pada tahun 2024 dengan mata indeks mencatatkan 133.3 (2024: 131.1). Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Restoran & Perkhidmatan Penginapan (4.7%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan &



“

3.2%

Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan pada tahun 2025

”

Perkhidmatan (4.1%); Makanan & Minuman (3.2%); Pendidikan (2.3%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.1%); Pakaian & Kasut (1.4%) dan Kesihatan (1.3%) (**Jadual 2.6**).

Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan kepada 3.2 peratus berbanding tahun 2024 (1.2%). Kesemua kelas perbelanjaan subkumpulan Makanan di rumah menunjukkan peningkatan di antara 0.6 peratus hingga 4.7 peratus, kecuali bagi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran, Bijirin & produk bijirin dan Daging masing-masing mencatatkan penurunan kepada negatif 1.3 peratus, negatif 0.3 peratus dan negatif 0.1 peratus. Kelas perbelanjaan Makanan sedia dimakan & produk makanan lain tidak terkelas di tempat lain merupakan penyumbang utama kepada kenaikan inflasi

dengan peningkatan 4.7 peratus. Ini diikuti oleh Buah-buahan & kacang (3.2%); Minyak & lemak (2.8%); Ikan & makanan laut lain (2.5%) dan Gula, manisan & pencuci mulut (1.7%) (**Jadual 2.7**).

Jadual 2.5

Purata harga item terpilih, Negeri Sembilan, 2024-2025

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2024	2025
Bayam, Hijau	1 kg	4.87	6.58
Bawang Besar, India	1 kg	6.90	3.67
Pisang Berangan	1 kg	5.98	6.26
Telur Ayam Gred A	10 biji	4.41	4.52
Telur Ayam Gred B	10 biji	4.19	4.23
Telur Ayam Gred C	10 biji	3.97	3.99
Ikan Kembung	1 kg	17.76	18.32
Ikan Selayang	1 kg	11.59	12.76
Ayam Proses Standard	1 kg	9.53	9.74
Cili Merah Kulai	1 kg	15.44	16.74



CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.9 Inflasi tahunan, Negeri Sembilan, 2012-2025



Jadual 2.6 Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, Negeri Sembilan, 2024-2025

Tahun	2024	2025
Makanan & Minuman	1.2	3.2
Minuman Alkohol & Tembakau	0.6	1.2
Pakaian & Kasut	0.1	1.4
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	2.4	1.2
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	0.7	0.9
Kesihatan	0.5	1.3
Pengangkutan	0.4	0.7
Maklumat & Komunikasi	-1.6	-4.2
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	2.8	2.1
Pendidikan	1.3	2.3
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	2.9	4.7
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	0.0	0.6
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	1.9	4.1
Keseluruhan	1.2	1.7

Jadual 2.7 Inflasi tahunan subkumpulan Makanan dan Minuman, Negeri Sembilan, 2024-2025

Tahun	2024	2025
Makanan & Minuman	1.2	3.2
Makanan di rumah	-0.7	1.4
Bijirin & produk bijirin	1.0	-0.3
Daging	-0.6	-0.1
Ikan & makanan laut lain	-2.8	2.5
Susu, produk tenusu lain & telur	0.2	0.6
Minyak & lemak	0.3	2.8
Buah-buahan & kacang	1.0	3.2
Sayur-sayuran	-2.6	-1.3
Gula, manisan & pencuci mulut	1.6	1.7
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l.	1.8	4.7



Rencana 2:

Penilaian Impak Geografi Terhadap Komitmen Pelaburan Sektor Pembuatan: Prestasi Negeri Sembilan Dalam Zon Selatan¹

Wan Nurul Aida binti Wan Zainal, Luqmanul Hakim bin Ahmad Zafran
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan

Abstrak

Kajian ini bertujuan menilai prestasi pelaburan asing yang diluluskan sebagai proksi kepada komitmen pelaburan di Zon Selatan Malaysia bagi tempoh 2021 hingga 2025 dengan memberi tumpuan kepada Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Kajian ini meneliti trend pelaburan, perbandingan prestasi antara negeri serta kedudukan relatif Negeri Sembilan dalam sektor ekonomi keseluruhan dan sektor pembuatan. Kaedah analisis yang digunakan merangkumi analisis deskriptif, ujian ANOVA satu hala serta ujian post-hoc Tukey HSD bagi menentukan kewujudan perbezaan signifikan antara negeri-negeri yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Johor merupakan penerima pelaburan asing yang diluluskan terbesar di Zon Selatan bagi semua sektor ekonomi, namun mencatatkan turun naik pelaburan yang tinggi. Negeri Sembilan pula menunjukkan corak pelaburan yang lebih stabil dan konsisten, dengan prestasi keseluruhan yang hampir setanding dengan Melaka. Bagi sektor pembuatan, Negeri Sembilan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding Melaka dari segi purata pelaburan dan kestabilan aliran pelaburan. Analisis inferensi pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara negeri-negeri di Zon Selatan, khususnya antara Johor dan Negeri Sembilan bagi kedua-dua kategori pelaburan. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan signifikan dikenal pasti antara Negeri Sembilan dan Melaka, menunjukkan kedudukan yang hampir seimbang antara kedua-duanya. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa Negeri Sembilan mempunyai daya saing yang semakin kukuh, khususnya dalam sektor pembuatan, namun masih berdepan cabaran untuk menyaingi dominasi Johor sebagai pusat pelaburan utama di Zon Selatan.

1.0 Pendahuluan

Sektor pembuatan merupakan antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia kerana menyumbang kepada pembangunan industri, peningkatan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi serta pengukuhan eksport negara. Dalam usaha memperkukuh daya saing ekonomi, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan insentif pelaburan bagi menarik pelabur domestik dan asing untuk melabur di negeri-negeri tertentu, khususnya kawasan yang mempunyai kelebihan lokasi dan infrastruktur strategik. Kepentingan sektor pembuatan sebagai pemacu pelaburan negara dapat dilihat melalui prestasi pelaburan diluluskan di Malaysia. MIDA melaporkan bahawa Malaysia merekodkan RM378.5 bilion pelaburan diluluskan pada tahun 2024, iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah negara, dengan sektor pembuatan menyumbang RM120.5 bilion daripada jumlah tersebut.

Di Malaysia, Zon Selatan yang terdiri daripada Negeri Sembilan, Johor dan Melaka sering menjadi tumpuan pelaburan berikutan lokasinya yang strategik berhampiran Singapura serta mempunyai jaringan pengangkutan dan kemudahan industri yang baik. Namun

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.



demikian, prestasi komitmen pelaburan antara negeri dalam zon ini menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi jumlah pelaburan, jenis industri dan kadar pertumbuhan sektor pembuatan. Dalam konteks kajian ini, faktor geografi ditakrifkan secara lebih luas dan tidak hanya merujuk kepada kedudukan fizikal negeri semata-mata, tetapi turut merangkumi akses kepada pasaran utama, jaringan lebuh raya, hubungan dengan pelabuhan, jarak dengan pusat pertumbuhan ekonomi serta kewujudan kawasan perindustrian dan koridor pembangunan. Faktor-faktor ini merupakan antara penentu utama pemilihan lokasi oleh pelabur sektor pembuatan kerana mempengaruhi kecekapan rantai bekalan, kos logistik, akses kepada tenaga kerja dan kemudahan pengedaran produk. Bagi Negeri Sembilan, kelebihan lokasi negeri ini terletak pada kedudukannya di antara Lembah Klang dan Zon Selatan, serta pembangunan Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0) sebagai kawasan pertumbuhan baharu yang diterajui kerajaan negeri dan dipacu oleh sektor swasta. Menurut NS Corporation, MVV 2.0 dihasratkan sebagai pembangunan bertaraf dunia yang kompetitif, inklusif dan bersih, serta bertujuan menarik pelabur tempatan dan antarabangsa di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan berkualiti. Dari segi skala pembangunan, Invest NS menyatakan bahawa MVV 2.0 meliputi kawasan seluas 1,534 kilometer persegi merangkumi daerah Seremban dan Port Dickson.

Kelebihan geografi ini turut disokong oleh pembangunan kawasan perindustrian seperti Sendayan TechValley, Hamilton Nilai City dan beberapa taman perindustrian lain yang menjadi lokasi pilihan syarikat tempatan serta multinasional dalam sektor pembuatan bernilai tambah tinggi. Kedudukan yang strategik berhampiran Lembah Klang, sambungan rangkaian lebuh raya utama serta akses yang baik ke pelabuhan utama membolehkan Negeri Sembilan menawarkan ekosistem yang kondusif kepada industri pembuatan, khususnya dalam aktiviti automotif, elektrik dan elektronik, peranti perubatan, aeroangkasa serta logistik. Walau bagaimanapun, negeri ini masih berhadapan dengan persaingan daripada Johor dan Melaka yang turut menawarkan infrastruktur serta insentif pelaburan yang kompetitif. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai prestasi Negeri Sembilan dalam sektor pembuatan berbanding negeri lain di Zon Selatan serta mengenal pasti sejauh mana faktor geografi mempengaruhi komitmen pelaburan.

2.0 Objektif

- 3.1. Menganalisis trend dan taburan pelaburan di Zon Selatan bagi keseluruhan sektor dan sektor pembuatan di Negeri Sembilan bagi tempoh 2021 hingga 2025.
- 3.2. Menilai perbezaan signifikan pelaburan antara negeri di zon selatan bagi semua sektor ekonomi dan sektor pembuatan menggunakan analisis ANOVA.

3.0 Sorotan Kajian Lepas

Kajian berkaitan pelaburan dan perbezaan wilayah telah banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Ali dan Hassan (2008) dalam kajian *Investment Incentives and*



Regional Differentials in The Malaysian States meneliti peranan insentif pelaburan dalam menggalakkan pembangunan industri di kawasan kurang membangun. Kajian tersebut mendapati bahawa wujud jurang pembangunan antara negeri dan dasar pembangunan wilayah diperlukan bagi mengurangkan ketidakseimbangan tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor lokasi dan dasar kerajaan memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi pelaburan sesebuah negeri.

Selain itu, Gholipour (2013) melalui kajian *Determinants of Foreign Investments in Residential Properties: Evidence from Malaysian States* mendapati bahawa faktor pengelompokan ekonomi, kesejahteraan penduduk tempatan, pelaburan asing dalam sektor lain dan kepelbagaian sosial mempengaruhi keputusan pelaburan asing di peringkat negeri. Kajian ini memperlihatkan bahawa elemen persekitaran dan kelebihan setempat menjadi faktor penting dalam menarik pelaburan. Kajian oleh Luqman et al. (2017) pula menggunakan analisis ANOVA untuk membandingkan simpanan dana masjid antara negeri-negeri di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara negeri, termasuk negeri-negeri di zon selatan. Walaupun kajian tersebut tidak memfokuskan sektor pelaburan industri, ia membuktikan bahawa faktor wilayah dan lokasi boleh mempengaruhi prestasi ekonomi dan kewangan.

Dalam konteks pelaburan serantau, kajian oleh Nazaruddin dan Aulia (2022) mengenai kerjasama ekonomi SIJORI-GT mendapati bahawa Singapura mempunyai kelebihan pelaburan dalam sektor pembuatan berbanding Malaysia di Kepulauan Riau. Kajian tersebut menunjukkan bahawa lokasi strategik dan pengkhususan sektor memberi kesan terhadap kelebihan daya saing pelaburan sesebuah kawasan. Secara keseluruhannya, kebanyakan kajian terdahulu memberi tumpuan kepada faktor pelaburan, prestasi kewangan dan perbandingan antara wilayah atau sektor tertentu. Namun, kajian yang memfokuskan secara khusus kepada impak geografi terhadap komitmen pelaburan sektor pembuatan di Zon Selatan Malaysia, khususnya melibatkan prestasi Negeri Sembilan berbanding negeri lain, masih terhad. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan memberi penekanan kepada hubungan antara faktor geografi dan prestasi komitmen pelaburan sektor pembuatan serta keseluruhan sektor ekonomi.

4.0 Metodologi Kajian

4.1 Sumber Data

Sumber data utama yang digunakan dalam kajian ini memfokuskan kepada jumlah pelaburan asing (FDI) yang diperuntukkan bagi negeri-negeri di Zon Selatan, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor. Skop kajian ini merangkumi dua dimensi utama



pelaburan asing iaitu pelaburan dalam semua sektor ekonomi dan pelaburan khusus dalam sektor pembuatan bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2025. Data pelaburan asing bagi keseluruhan sektor ekonomi diperoleh secara rasmi daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Sementara itu, data bagi jumlah pelaburan asing projek pembuatan yang diluluskan diekstrak daripada Laporan Sosioekonomi Negeri Sembilan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Bagi tujuan kajian ini, istilah pelaburan asing merujuk kepada pelaburan asing yang diluluskan, iaitu komitmen pelaburan yang telah mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan. Data ini digunakan sebagai proksi kepada komitmen pelaburan, dan tidak semestinya menggambarkan aliran FDI sebenar yang telah direalisasikan sepenuhnya dalam tempoh kajian. Oleh itu, dapatan kajian hendaklah ditafsirkan sebagai prestasi kelulusan dan komitmen pelaburan asing antara negeri dan bukannya sebagai ukuran sebenar pelaburan di lapangan.

4.2 Metodologi

4.2.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif dilaksanakan dalam kajian ini bagi memberikan visualisasi awal dan ringkasan asas mengenai trend FDI bagi negeri-negeri di Zon Selatan. Melalui pendekatan ini, statistik utama seperti nilai purata (min), median, dan sisihan piawai dihitung bagi menggambarkan pemusatan dan serakan data. Seterusnya, plot graf siri masa (trend masa) dijana sebagai instrumen visual bagi membuat perbandingan corak pertumbuhan FDI antara ketiga-tiga negeri berkenaan dalam tempoh lima tahun tersebut.

4.2.2 Analisis Faktor Geografi Secara Deskriptif

Bagi melengkapkan analisis statistik pelaburan, kajian ini turut menilai faktor geografi secara deskriptif berdasarkan beberapa indikator strategik, iaitu kedudukan negeri, akses kepada lebuh raya utama, kedekatan dengan Lembah Klang dan Singapura, akses kepada pelabuhan, kewujudan kawasan perindustrian serta pembangunan koridor ekonomi seperti Malaysia Vision Valley 2.0. Analisis ini bertujuan menjelaskan bagaimana kelebihan lokasi dan infrastruktur dapat mempengaruhi daya tarikan pelaburan asing yang diluluskan di Negeri Sembilan berbanding Johor dan Melaka.



Jadual 2(a): Perbandingan Indikator Geografi Zon Selatan

Indikator	Negeri Sembilan	Johor	Melaka
Jarak dengan pusat ekonomi	Berhampiran Lembah Klang	Berhampiran Singapura	Berhampiran Johor/NS
Akses pelabuhan	Bergantung kepada pelabuhan luar negeri / Port Dickson untuk fungsi tertentu	Pelabuhan utama seperti PTP dan Pasir Gudang	Pelabuhan dan kawasan perindustrian negeri
Koridor pembangunan	MVV 2.0	Iskandar Malaysia / JS-SEZ	Koridor industri negeri
Kekuatan lokasi	Pelengkap Lembah Klang dan Johor	Hab rentas sempadan Singapura	Pembuatan stabil dan pelancongan

Sumber: Disusun oleh pengkaji berdasarkan NS Corporation, Invest NS, MIDA dan dokumen pembangunan negeri.

4.2.3 Had Analisis Statistik

Memandangkan tempoh pemerhatian hanya melibatkan jangka masa lima tahun bagi setiap negeri, keputusan ujian ANOVA dan Tukey HSD dalam kajian ini hendaklah ditafsirkan secara berhati-hati sebagai dapatan eksploratori yang mempamerkan corak perbezaan pelaburan antara kumpulan. Walau bagaimanapun, bagi menjamin kebolehpercayaan hasil analisis inferensi di sebalik kekangan data siri masa yang pendek ini, ujian diagnostik akan dilaksanakan terlebih dahulu ke atas model sebelum keputusan muktamad diterima. Pelaksanaan Ujian Kenormalan Shapiro-Wilk dan Ujian Kehomogenan Varians Levene adalah kritikal bagi memastikan ralat sisaan model tidak melanggar syarat asas linear. Prosedur kawalan dan menentusahkan andaian yang digariskan ini penting bagi memastikan analisis inferensi yang bakal dilaporkan dalam bab hasil adalah sah, bebas daripada bias, dan teguh mengikut prinsip teori statistik.

4.2.4 Ujian Kenormalan (Shapiro-Wilk)

Ujian kenormalan merupakan prosedur yang kritikal bagi memastikan ralat sisaan model bertaburan secara normal dan mengesahkan penggunaan ujian parametrik yang seterusnya. Dalam kajian ini, Ujian Kenormalan Shapiro-Wilk diaplikasikan untuk menilai taburan data jumlah pelaburan asing bagi negeri-negeri di zon selatan. Sekiranya keputusan ujian menunjukkan data tidak bertaburan secara normal iaitu nilai-p kurang daripada aras keertian, $\alpha = 0.05$, transformasi logaritma perlu dilaksanakan ke atas pemboleh ubah bersandar bagi menstabilkan varians dan menormalkan taburan data tersebut.



Hipotesis bagi Ujian Shapiro-Wilk dirumuskan seperti berikut:

H_0 : Ralat sisaan data bertaburan secara normal.

H_1 : Ralat sisaan data tidak bertaburan secara normal.

4.2.5 Ujian Kehomogenan Varians (Levene's Test)

Selain andaian kenormalan ralat sisaan, kehomogenan varians merupakan satu lagi andaian parametrik kritikal yang wajib dipenuhi sebelum ujian ANOVA satu hala dilaksanakan. Andaian ini menetapkan bahawa varians bagi pemboleh ubah bersandar adalah setara atau homogen bagi semua kumpulan faktor yang dikaji. Dalam kajian ini, Ujian Levene (Levene's Test) digunakan untuk menguji kesamaan varians data pelaburan asing antara tiga negeri Zon Selatan.

Hipotesis bagi Ujian Levene dirumuskan seperti berikut:

$H_0: \sigma_1^2 = \sigma_2^2 = \sigma_3^2$ (Varians jumlah pelaburan adalah sama bagi semua negeri Zon Selatan).

$H_1: \sigma_i^2 \neq \sigma_j^2$ untuk sekurang-kurangnya satu pasangan i, j . (Varians jumlah pelaburan adalah tidak sama bagi sekurang-kurangnya satu negeri Zon Selatan).

4.2.6 Ujian Analysis of Variance (ANOVA)

Setelah kedua-dua andaian parametrik utama iaitu kenormalan sisaan dan kehomogenan varians disahkan memenuhi syarat, analisis statistik inferensi diteruskan dengan Ujian Analisis Varians Satu Hala. Sesuai dengan objektif kajian ini, ujian ANOVA digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan secara statistik bagi jumlah pelaburan asing antara tiga negeri di Zon Selatan, iaitu Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan.

Hipotesis bagi Ujian ANOVA Satu Hala dirumuskan seperti berikut:

$H_0: \mu_{\text{NEGERI SEMBILAN}} = \mu_{\text{JOHOR}} = \mu_{\text{MELAKA}}$ (Tiada perbezaan signifikan pada min jumlah pelaburan asing antara ketiga-tiga negeri Zon Selatan).

$H_1: \mu_i \neq \mu_j$ untuk sekurang-kurangnya satu pasangan i, j . (Terdapat perbezaan signifikan pada min jumlah pelaburan asing bagi sekurang-kurangnya satu pasangan negeri Zon Selatan).



4.2.7 Post Hoc Analysis (Tukey Test)

Ujian ANOVA Satu Hala hanya berfungsi untuk mengesahkan sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan secara keseluruhan, namun ia tidak dapat memperincikan kumpulan negeri mana yang saling berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, apabila hipotesis nul dalam ujian ANOVA ditolak, Ujian *Tukey's Honest Significant Difference*, HSD dilaksanakan sebagai analisis tindakan susulan (*post-hoc test*). Sesuai dengan reka bentuk kajian ini, Ujian Tukey HSD digunakan untuk melakukan perbandingan berpasangan secara serentak antara ketiga-tiga negeri di Zon Selatan, iaitu perbandingan antara Johor dengan Melaka, Johor dengan Negeri Sembilan, serta Melaka dengan Negeri Sembilan.

Hipotesis bagi setiap pasangan perbandingan dirumuskan seperti berikut:

$H_1: \mu_i = \mu_j$ (Tiada perbezaan signifikan pada min jumlah pelaburan asing antara Negeri (i) dan Negeri (j)).

$H_1: \mu_i \neq \mu_j$ (Terdapat perbezaan signifikan pada min jumlah pelaburan asing antara Negeri (i) dan Negeri (j)).


(di mana $i \neq j$ mewakili kombinasi pasangan negeri Johor, Melaka, dan Negeri Sembilan)

5.0 Hasil Dan Penemuan

5.1 Analisis Deskriptif Pelaburan Asing Zon Selatan (2021–2025)

5.1.1 Analisis Deskriptif Bagi Semua Sektor Ekonomi

Rajah 2(a): Graf siri masa bagi jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi semua sektor ekonomi di negeri-negeri Zon Selatan bagi tempoh 2021 hingga 2025





Jadual 2(b): Ringkasan Statistik Deskriptif Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi Semua Sektor Ekonomi di Zon Selatan (2021–2025)

Negeri	Nilai Minimum (RM juta)	Nilai Maksimum (RM juta)	Nilai Purata (RM juta)	Sisihan Piawai (RM juta)
Johor	4,001.90	60,518.90	36,668.10	23,534.88
Negeri Sembilan	2,408.30	6,583.10	4,578.12	1,746.13
Melaka	2,767.40	8,429.10	4,913.18	2,462.04

Rajah 2(a) memaparkan trend siri masa bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi semua sektor ekonomi dari tahun 2021 hingga 2025. Aliran siri masa tersebut secara jelas menunjukkan wujudnya jurang skala pelaburan yang amat ketara antara Johor dengan dua negeri jiran serantau. Seterusnya, **Jadual 2(b)** memaparkan ringkasan statistik deskriptif bagi aliran FDI yang merangkumi semua sektor ekonomi bagi tempoh lima tahun berkenaan. Johor mencatatkan penguasaan dana asing yang diluluskan tertinggi di Zon Selatan dengan nilai purata mencecah RM36,668.10 juta, serta merekodkan nilai pelaburan maksimum tahunan tertinggi bernilai RM60,518.90 juta pada tahun 2025. Nilai sisihan piawai yang besar iaitu sebanyak RM23,534.88 juta mencerminkan fluktuasi pasaran FDI Johor yang sangat volatil dan sensitif terhadap kemasukan projek tahunan.

Sebaliknya, Negeri Sembilan menunjukkan landskap penarikan pelaburan asing yang lebih stabil tetapi berada pada skala yang lebih kecil. Negeri Sembilan mencatatkan nilai purata FDI sebanyak RM4,578.12 juta dalam tempoh lima tahun tersebut. Tahap sebaran data bagi Negeri Sembilan adalah yang paling rendah dengan nilai sebanyak RM1,746.13 juta yang membuktikan bahawa kemasukan dana FDI ke negeri ini adalah konsisten dan tidak mengalami lonjakan atau kejatuhan yang terlalu ekstrem. Nilai FDI terendah direkodkan pada tahun 2021 sebanyak RM2,408.30 juta akibat fasa pemulihan ekonomi pasca-pandemik, manakala nilai puncak dicapai pada tahun 2022 sebanyak RM6,583.10 juta.


Apabila dibandingkan dengan Melaka, kedudukan Negeri Sembilan adalah sangat kompetitif dan rapat. Melaka mencatatkan nilai purata FDI yang sedikit tinggi iaitu RM4,913.18 juta, disokong oleh nilai maksimum tahunan sebanyak RM8,429.10 juta pada tahun 2025. Walau bagaimanapun, fluktuasi data FDI Melaka adalah lebih



tinggi dengan nilai sisihan piawai sebanyak RM2,462.04 juta. Perbezaan nilai min yang tipis antara Negeri Sembilan dan Melaka ini memberikan gambaran awal bahawa pasaran FDI bagi kedua-dua negeri berjiran ini adalah seimbang, sebelum disahkan secara inferensi melalui ujian ANOVA dan Tukey HSD pada subtopik seterusnya.

5.1.2 Analisis Deskriptif Bagi Sektor Pembuatan

Rajah 2(b): Graf siri masa bagi jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi sektor pembuatan di negeri-negeri Zon Selatan bagi tempoh 2021 hingga 2025



Jadual 2(c): Ringkasan Statistik Deskriptif Pelaburan Langsung Asing (FDI) bagi Sektor Pembuatan di Zon Selatan (2021–2025)

Negeri	Nilai Minimum (RM juta)	Nilai Maksimum (RM juta)	Nilai Purata (RM juta)	Sisihan Piawai (RM juta)
Johor	3,847.70	18,727.00	10,621.68	5,507.38
Negeri Sembilan	2,373.40	6,532.60	4,537.88	1,745.04
Melaka	1,326.30	6,514.10	3,414.52	1,914.50



Rajah 2(b) memaparkan trend siri masa bagi FDI dalam sektor pembuatan dari tahun 2021 hingga 2025. Siri masa data tersebut menunjukkan corak pertumbuhan pasaran industri pembuatan yang dinamik dengan Negeri Sembilan sebagai peneraju marginal di peringkat wilayah tengah-selatan digambarkan dengan jelas. **Jadual 2(c)** menunjukkan ringkasan statistik deskriptif bagi FDI khusus dalam sektor pembuatan bagi tempoh lima tahun tersebut. Secara keseluruhannya, Johor kekal memimpin kedudukan dengan nilai purata FDI pembuatan tertinggi iaitu sebanyak RM10,621.68 juta, dipacu oleh nilai maksimum tahunan yang tinggi pada tahun 2025 iaitu mencecah RM18,727.00 juta. Nilai sisihan piawai yang besar sebanyak RM5,507.38 juta mencerminkan bahawa kemasukan projek pembuatan skala besar ke Johor adalah sangat dipengaruhi oleh pasaran industri berat tahunan.

Dari sudut pandang Negeri Sembilan, landskap FDI dalam sektor pembuatan mempamerkan prestasi yang amat memberangsangkan dan berdaya saing tinggi. Negeri Sembilan berjaya menduduki tempat kedua di Zon Selatan dengan nilai purata FDI pembuatan sebanyak RM4,537.88 juta. Tahap kemasukan dana asing ke negeri ini adalah yang paling konsisten dan stabil antara ketiga-tiga negeri. Ini dibuktikan oleh nilai sisihan piawai terendah iaitu sebanyak RM1,745.04 juta. Nilai FDI minimum direkodkan pada tahun 2021 sebanyak RM2,373.40 juta, namun melonjak ke tahap maksimum pada tahun 2022 dengan nilai RM6,532.60 juta selaras dengan fasa pembukaan semula sempadan ekonomi global.

Kedudukan ini meletakkan Negeri Sembilan mengatasi Melaka dalam konteks sektor pembuatan. Melaka mencatatkan nilai purata FDI pembuatan yang lebih rendah iaitu RM3,414.52 juta dengan nilai pelaburan minimum tahunan serendah RM1,326.30 juta pada tahun 2025. Data siri masa juga menunjukkan taburan FDI sektor pembuatan Melaka mempunyai fluktuasi yang lebih tinggi dengan sisihan piawai sebanyak RM1,914.50 juta berbanding Negeri Sembilan. Purata nilai FDI yang dicatatkan oleh Negeri Sembilan ini memberikan petunjuk awal bahawa ekosistem industri pembuatan di Negeri Sembilan adalah lebih dominan berbanding Melaka sebelum trend ini dinilai secara mendalam melalui ujian inferensi ANOVA dan Tukey HSD.

5.2 Ujian Diagnostik bagi Andaian Parametrik

Sebelum sebarang prosedur statistik inferensi iaitu Ujian Analisis Varians (ANOVA) Satu Hala dilaksanakan, ujian andaian diagnostik parametrik perlu dijalankan bagi menjamin kebolehpercayaan hasil keputusan model linear. Dua andaian utama yang dinilai dalam kajian ini ialah andaian kenormalan ralat sisaan melalui Ujian Shapiro-Wilk dan andaian kehomogenan varians melalui Ujian Levene. Kedua-dua aspek ini diuji secara berasingan bagi data Semua Sektor Ekonomi dan data Sektor Pembuatan di negeri-negeri Zon Selatan.



Jadual 2(d): Hasil Ujian Diagnostik Andaian Sebelum Transformasi Data

Jenis Sektor Ekonomi	Ujian Kenormalan (Shapiro-Wilk)	Keputusan	Ujian Kehomogenan Varians (Levene's Test)	Keputusan
Semua Sektor Ekonomi	p= 0.0059	Sisaan data tidak normal	p= 0.0529	Varians adalah sama
Sektor Pembuatan	p= 0.0237	Sisaan data tidak normal	p= 0.3361	Varians adalah sama

Berdasarkan **Jadual 2(d)**, data FDI bagi kedua-dua skop sektor ekonomi tidak memenuhi andaian sisaan data tidak normal. Bagi data Semua Sektor Ekonomi, Ujian Kenormalan Shapiro-Wilk mencatatkan nilai-p sebanyak 0.0059, manakala bagi Sektor Pembuatan, nilai-p yang diperoleh adalah 0.0237. Memandangkan kedua-dua nilai-p ini adalah jauh lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan $\alpha = 0.05$, hipotesis nul bagi ujian kenormalan ditolak secara signifikan. Hal ini membuktikan secara statistik bahawa ralat sisaan bagi kedua-dua dataset pelaburan asing tersebut tidak mempunyai taburan normal.

Bagi mengatasi isu pelanggaran andaian tersebut, tindakan pembetulan statistik telah diambil dengan mengaplikasikan kaedah transformasi data. Semua nilai pelaburan asal ditukarkan kepada skala logaritma asas 10. Langkah transformasi ini berfungsi untuk merapatkan jurang herotan antara nilai pelaburan yang terlampau tinggi dengan nilai yang rendah tanpa mengubah integriti hubungan struktur asal antara pemboleh ubah.

Jadual 2(e): Hasil Ujian Diagnostik Andaian Selepas Transformasi Data

Jenis Sektor Ekonomi	Ujian Kenormalan (Shapiro-Wilk)	Keputusan	Ujian Kehomogenan Varians (Levene's Test)	Keputusan
Semua Sektor Ekonomi	p= 0.3741	Sisaan data adalah normal	p= 0.5028	Varians adalah sama
Sektor Pembuatan	p= 0.1361	Sisaan data adalah normal	p= 0.9474	Varians adalah sama



Jadual 2(e) memaparkan hasil ujian diagnostik baharu setelah pembolehubah bersandar ditukarkan kepada bentuk logaritma asas 10. Ujian Shapiro-Wilk yang dijalankan semula ke atas model log menunjukkan nilai-p meningkat secara mendadak kepada 0.3741 bagi Semua Sektor Ekonomi dan 0.1361 bagi Sektor Pembuatan. Oleh kerana nilai-p baharu ini telah melepasi aras keertian 5 peratus, hipotesis nul gagal ditolak dan ralat sisaan bagi kedua-dua sektor kini telah disahkan bertaburan secara normal dan memenuhi syarat parametrik. Pada masa yang sama, Ujian Levene bagi data log juga mengekalkan keputusan kehomogenan varians yang sangat kukuh dengan nilai-p masing-masing pada 0.5028 bagi Semua Sektor dan 0.9474 Sektor Pembuatan. Memandangkan kedua-dua syarat utama iaitu kenormalan sisaan dan kesamaan varians antara kumpulan kini telah dipenuhi sepenuhnya, model inferensi ANOVA Satu Hala dan ujian perbandingan post-hoc Tukey HSD boleh diteruskan ke fasa seterusnya dengan jaminan output yang sah dan tepat.

5.3 Analisis Inferensi I: Perbandingan Prestasi Pelaburan Semua Sektor Ekonomi antara Negeri Sembilan, Johor dan Melaka

Jadual 2(f): Output ANOVA Satu Hala bagi Semua Sektor Ekonomi (Skala log10)

Punca Variasi	Darjah Kebebasan (df)	Statistik-F	Nilai-p	Status Signifikan
Antara Negeri	2	9.771	0.0030	Signifikan $p < 0.01$
Dalam Kumpulan (Ralat)	12	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	14	-	-	-

Hasil analisis ANOVA dalam **Jadual 2(f)** menunjukkan nilai-p yang sangat signifikan, iaitu di bawah aras keertian 1 peratus. Rentetan itu, hipotesis nul ditolak pada aras keyakinan 99 peratus, sekali gus membuktikan secara empirikal terdapat perbezaan purata pelaburan asing yang ketara bagi sekurang-kurangnya satu negeri di Zon Selatan. Memandangkan keputusan ANOVA ini hanya mengesahkan variasi secara global, ujian perbandingan pelbagai post-hoc Tukey HSD telah dijalankan bagi memperincikan jurang perbezaan spesifik bagi setiap pasangan negeri. Keputusan penuh ujian Tukey HSD tersebut dirumuskan dalam **Jadual 2(g)**.



Jadual 2(g): Hasil Ujian Perbandingan Pasangan Post-Hoc Tukey HSD bagi Semua Sektor Ekonomi (Skala Nilai Asal / Antilog)

Pasangan Perbandingan (Negeri i — Negeri j)	Perbezaan Skala Log	Nisbah Nilai Asal Mata Wang	Nilai-p Terlaras
Negeri Sembilan — Johor	-0.6877	0.2053	0.0027
Negeri Sembilan — Melaka	0.0587	1.1447	0.9288

Perbandingan pertama melibatkan Negeri Sembilan berbanding Johor. Hasil ujian Tukey HSD menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik dengan nilai-p terlaras sebanyak 0.0027. Nilai perbezaan log yang negatif membuktikan jumlah pelaburan makro di Negeri Sembilan adalah lebih rendah berbanding Johor secara signifikan. Melalui transformasi antilog, nisbah nilai asal mata wang menunjukkan bahawa purata pelaburan asing yang diterima oleh Negeri Sembilan hanyalah sekitar 20.53 peratus daripada jumlah pelaburan Johor, atau dengan kata lain, nilai pelaburan Johor adalah hampir 4.87 kali ganda lebih tinggi daripada Negeri Sembilan. Dapatan ini mengesahkan kedudukan Johor sebagai peneraju utama pelaburan di Zon Selatan yang disokong oleh kelebihan lokasi strategik, infrastruktur serta ekosistem pelaburan yang lebih matang.

Sebaliknya, aspek yang lebih signifikan dalam kajian ini dapat dilihat melalui perbandingan antara Negeri Sembilan dan Melaka. Output ujian Tukey mendedahkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua negeri berjiran ini, dengan nilai-p terlaras setinggi 0.9288. Walau bagaimanapun, petunjuk ekonomi yang menarik perhatian ialah nilai perbezaan log yang positif iaitu 0.0587. Apabila ditukarkan kepada nilai antilog, purata pelaburan semua sektor di Negeri Sembilan adalah 1.14 kali ganda atau 14.47 peratus lebih tinggi daripada Melaka.

Walaupun kelebihan 14.47 peratus ini belum mencapai tahap keertian statistik disebabkan oleh variasi data tahunan, dapatan ini menunjukkan bahawa prestasi tarikan pelaburan Negeri Sembilan adalah kompetitif dan berada pada kedudukan yang setara dengan Melaka. Keadaan ini memberi petunjuk bahawa Negeri Sembilan berupaya mengekalkan daya saing pelaburannya walaupun berdepan persaingan daripada negeri jiran yang turut mempunyai kekuatan dalam sektor perindustrian dan pelancongan. Kedudukan yang seimbang ini juga mencerminkan potensi pembangunan Negeri Sembilan yang dipacu oleh inisiatif seperti Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0), yang berfokus kepada pembangunan industri



berteknologi tinggi, logistik dan perkhidmatan di Seremban dan Port Dickson. Walaupun impak inisiatif ini belum dapat dibuktikan secara langsung melalui analisis statistik, dapatan kajian menunjukkan bahawa Negeri Sembilan telah mencapai tahap prestasi pelaburan yang setanding dengan Melaka dan mempunyai asas yang kukuh untuk memperkukuh daya saingnya pada masa hadapan.

5.4 Analisis Inferensi II: Perbandingan Prestasi Pelaburan Sektor Pembuatan antara Negeri Sembilan, Johor dan Melaka

Jadual 2(h): Hasil Ujian Perbandingan Pasangan Post-Hoc Tukey HSD bagi Semua Sektor Ekonomi (Skala Nilai Asal / Antilog)

Punca Variasi	Darjah Kebebasan (df)	Statistik-F	Nilai-p	Status Signifikan
Antara Negeri	2	11.77	0.0015	Sangat Signifikan
Dalam Kumpulan (Ralat)	12	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	14	-	-	-

Berdasarkan keputusan dalam **Jadual 2(h)**, statistik-F yang diperoleh ialah 11.77 dengan nilai-p yang sangat kecil iaitu 0.0015. Memandangkan nilai-p ini adalah jauh lebih kecil daripada aras keertian 1%, hipotesis nul ditolak secara mutlak pada aras keyakinan 99 peratus. Penolakan ini memberikan bukti empirikal yang sangat kukuh bahawa terdapat perbezaan purata jumlah pelaburan asing sektor pembuatan yang nyata dan signifikan secara statistik bagi sekurang-kurangnya satu daripada negeri di Zon Selatan sepanjang tempoh tahun 2021 hingga 2025. Bagi memperincikan dan mengenal pasti jurang perbezaan pelaburan pembuatan antara pasangan negeri secara spesifik, ujian perbandingan post-hoc Tukey HSD dilaksanakan. Hasil analisis ditunjukkan dalam **Jadual 2(i)**.

Jadual 2(i): Hasil Ujian Perbandingan Pasangan Post-Hoc Tukey HSD bagi Sektor Pembuatan (Skala Nilai Asal / Antilog)

Pasangan Perbandingan (Negeri i — Negeri j)	Perbezaan Skala Log	Nisbah Nilai Asal Mata Wang	Nilai-p Terlaras
Negeri Sembilan — Johor	-0.4081	0.3908	0.0126
Negeri Sembilan — Melaka	0.1481	1.4064	0.4491



Perbandingan pertama melibatkan Negeri Sembilan berbanding Johor. Hasil ujian Tukey HSD mengesahkan wujudnya perbezaan yang signifikan secara statistik dengan nilai-p terlaras sebanyak 0.0126. Nilai perbezaan log yang negatif iaitu -0.4081 membuktikan jumlah pelaburan asing bagi projek pembuatan di Negeri Sembilan masih berada di bawah tahap pencapaian Johor. Walau bagaimanapun, melalui transformasi antilog, nisbah nilai asal mata wang mendedahkan purata pelaburan asing sektor pembuatan Negeri Sembilan adalah sekitar 39.08 peratus daripada jumlah pelaburan Johor.

Jika dibandingkan dengan analisis semua sektor, pencapaian 39.08 peratus dalam sektor pembuatan ini menunjukkan bahawa sektor pembuatan di Negeri Sembilan mempunyai daya saing yang jauh lebih mantap untuk mengejar Johor. Johor sememangnya diakui sebagai pusat industri berat, petrokimia, dan pembuatan komponen elektronik terbesar negara yang disokong oleh Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas. Walaupun infrastruktur Johor sukar ditandingi, zon perindustrian Negeri Sembilan berjaya menarik minat pelabur pembuatan global berskala sederhana hingga besar untuk bertapak di wilayah tengah-selatan ini.

Seterusnya, dari segi aspek kedudukan serantau melalui perbandingan Negeri Sembilan berbanding Melaka, output ujian Tukey mendedahkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua negeri ini, dengan nilai-p terlaras sebanyak 0.4491. Walau bagaimanapun, impak ekonomi yang paling penting untuk dilaporkan ialah nilai perbezaan log mencatatkan angka positif yang lebih besar iaitu 0.1481. Apabila ditukarkan kepada nilai antilog, purata pelaburan asing sektor pembuatan di Negeri Sembilan adalah 1.41 kali ganda atau 40.64 peratus lebih tinggi daripada Melaka.

Walaupun purata pelaburan pembuatan Negeri Sembilan adalah lebih tinggi berbanding Melaka, keputusan Tukey HSD menunjukkan perbezaan tersebut tidak signifikan secara statistik. Oleh itu, dapatan ini lebih sesuai ditafsirkan sebagai petunjuk awal kelebihan kompetitif Negeri Sembilan dalam sektor pembuatan, khususnya apabila dikaitkan dengan kedudukan strategik negeri serta pembangunan kawasan perindustrian dan koridor MVV 2.0.

Pencapaian ini didorong oleh pembukaan kawasan perindustrian berteknologi tinggi baharu seperti Hamilton Industrial Park di Nilai dan TechValley di Sendayan yang berjaya memikat syarikat multinasional berskala besar dalam sektor pembuatan automotif, aeroangkasa, produk perubatan, dan tenaga boleh diperbaharui. Strategi ini membuahkan hasil yang lebih baik berbanding sektor pembuatan di Melaka yang sebahagian besarnya masih bergantung kepada sektor pembuatan semikonduktor tradisional dan pemasangan komponen yang sudah matang.



6.0 Rumusan

Kajian dari tahun 2021 hingga 2025 ini menunjukkan Johor kekal sebagai penerima pelaburan asing terbesar di Zon Selatan bagi semua sektor ekonomi termasuk pembuatan. Namun, aliran pelaburan Johor didapati sangat tidak menentu berbanding Negeri Sembilan yang mempamerkan prestasi pelaburan paling stabil dan konsisten. Malah bagi sektor pembuatan, Negeri Sembilan berjaya mengatasi Melaka dari segi purata nilai pelaburan dan kestabilan dana. Ujian statistik mengesahkan bahawa jumlah pelaburan Johor berbeza secara ketara dengan Negeri Sembilan, manakala jurang antara Negeri Sembilan dan Melaka adalah sangat kecil dan seimbang. Kekuatan Negeri Sembilan ini disokong hebat oleh lokasi geografinya yang strategik di tepi Lembah Klang, jaringan lebuh raya yang baik, serta projek Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0).

Bagi memperkukuh daya saing Negeri Sembilan pada masa hadapan, kajian ini mencadangkan agar kerajaan negeri terus menambah baik infrastruktur digital dan logistik pintar di kawasan perindustrian sedia ada. Kerajaan negeri juga perlu mempergiat usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi yang berfokus kepada sektor teknologi hijau dan pembuatan pintar bagi melengkapkan ekosistem industri nasional. Akhir sekali, memandangkan kajian ini hanya menggunakan data pelaburan yang diluluskan, penyelidikan akan datang disarankan untuk menggunakan data pelaburan asing sebenar di lapangan bagi mendapatkan gambaran impak ekonomi jangka panjang yang lebih tepat.

7.0 Rujukan

- Gholipour, H. F. (2013). *Determinants Of Foreign Investments In Residential Properties: Evidence From Malaysian States*. *International Journal of Strategic Property Management*, 17(3), 317–322. <https://doi.org/10.3846/1648715x.2013.822436>
- Ali, H., & Hassan, A. a. G. (2008). *Investment incentives and regional differentials in the Malaysian states*. *Universiti Utara Malaysia Institutional Repository* (Universiti Utara Malaysia). https://www.researchgate.net/publication/341254997_Investment_Incentives_and_Regional_Differentials_in_the_Malaysian_States_International_Review_of_Business_Research_Papers
- Invest NS. (2026). Malaysia Vision Valley 2.0. Invest NS. <https://investns.com.my/malaysia-vision-valley-2-0/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Laporan sosioekonomi Negeri Sembilan 2022.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Laporan sosioekonomi Negeri Sembilan 2024.
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, MIDA. (2025). Malaysia investment performance report 2025.
- Luqman Zakariyah, Suhaimi Mhd Sarif, Rahmah Ahmad Osman, Shukran Abd Rahman, & Azman Mohd Noor. (2017). Investing Muslim Public Funds for Fulfilling Maqāsid al-Shariaah: A Case Study of Tabung Masjid in Malaysia (Melabur Dana Awam Islam



untuk Memenuhi Maqāsid al- Shari'ah: Kajian Kes Tabung Masjid di Malaysia). *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), 14(2), 283–304. <https://doi.org/10.31436/jia.v14i2.615>

Nazaruddin, L. O., & Aulia, Q. (2022). Sijori-GT Economic Cooperation for three decades: Examining Malaysia's and Singapore's FDI commitments to Riau Islands. *IKAT the Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*, 5(2). <https://doi.org/10.22146/ikat.v5i2.66485>

NS Corporation. (2024). Malaysia Vision Valley 2.0. NS Corporation. <https://nscorp.gov.my/nscorp/malaysia-vision-valley-2-0/>

Oktavia, S. H., Shofia, I., Rauf, A., & Halik, A. (2025). Comparative analysis of the performance of Bitcoin, stocks, and gold as alternative investments. *Business Management*, 4(2). <https://doi.org/10.58258/bisnis.v4i2.8651>

BAB 3

STATISTIK DEMOGRAFI & SOSIAL

BAB 3

STATISTIK

DEMOGRAFI &

SOSIAL

PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Negeri Sembilan kekal sama 1.24 juta pada tahun 2024 dan 2025 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.4 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2025 adalah 94.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Negeri Sembilan.

1.24 juta
Penduduk
Negeri Sembilan,
2025^P



Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Negeri Sembilan, 2021-2025

Penduduk	2021	2022	2023	2024	2025 ^P
Bilangan penduduk ('000)	1,204.2	1,207.9	1,224.9	1,239.5	1,244.6
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	0.3	0.3	1.4	1.2	0.4

Warganegara
94.1% (2025^P)
94.0% (2024)



Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2025, peratusan penduduk kumpulan umur muda menurun kepada 23.1 peratus (2024: 23.8%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua masing-masing meningkat kepada 68.8 peratus (2024: 68.6%) dan 8.1 peratus (2024: 7.6%).

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Negeri Sembilan, 2024-2025

Kumpulan umur	2024 (%)	2025 ^P (%)
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	23.8	23.1
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	68.6	68.8
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	7.6	8.1

Bukan
Warganegara
5.9% (2025^P)
6.0% (2024)



**Nisbah Jantina**

108
Lelaki

100
Perempuan

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Negeri Sembilan kekal sama pada tahun 2024 dengan nisbah 108 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Nisbah tanggungan jumlah penduduk Negeri Sembilan menurun kepada 45.3 pada tahun 2025 berbanding 45.8 pada tahun 2024. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 33.5 pada tahun 2025 berbanding 34.6 pada tahun 2024 manakala nisbah tanggungan umur tua meningkat daripada 11.1 pada tahun 2024 kepada 11.7 pada tahun 2025.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Negeri Sembilan, 2024-2025

Nisbah tanggungan	2024	2025 ^P
Umur muda	34.6	33.5
Umur tua	11.1	11.7
Jumlah	45.8	45.3

33.5

Nisbah tanggungan
umur muda,
2025^P

Kumpulan etnik warganegara

Pada tahun 2025, peratusan Bumiputera mencatatkan peningkatan kepada 64.6 peratus (2024: 64.4%). Peratusan Cina menurun kepada 20.9 peratus pada tahun 2025 berbanding 21.1 peratus pada 2024. Manakala India dan Etnik Lain masing-masing kekal sama 14.0 peratus dan 0.5 peratus daripada keseluruhan warganegara di Negeri Sembilan.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Negeri Sembilan, 2024-2025

Kumpulan etnik warganegara Negeri Sembilan	2024 (%)	2025 ^P (%)
Bumiputera	64.4	64.6
Cina	21.1	20.9
India	14.0	14.0
Etnik Lain	0.5	0.5


11.7

Nisbah tanggungan
umur tua,
2025^P

Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Seremban mempunyai bilangan penduduk tertinggi berbanding enam daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk pada tahun 2025 sebanyak 716.8 ribu diikuti daerah Port Dickson (135.6 ribu) dan Jempol (130.9 ribu). Daerah Seremban mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2025 iaitu masing-masing seramai 368.8 ribu dan 348.0 ribu.


Carta 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2025



716.8 ribu
Seremban
mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2025^P



Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2025 ('000)



48.6 ribu
Jelebu
mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2025^P



Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.
3. ^P Permulaan



KELAHIRAN HIDUP

11.9


Kadar kelahiran kasar
bagi setiap 1,000
penduduk, 2024



Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di Negeri Sembilan menunjukkan penurunan daripada 13.5 kelahiran pada 2023 kepada 11.9 kelahiran pada 2024 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada 2024 turut menunjukkan penurunan berbanding 2023 masing-masing menurun daripada 13.5 kelahiran kepada 11.6 kelahiran dan 13.6 kelahiran kepada 12.1 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Negeri Sembilan, 2015-2024



15.3

Bumiputera
Kadar kelahiran kasar
tertinggi bagi setiap
1,000 penduduk, 2024



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada 2024 dengan 15.3 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala etnik Lain merekodkan kadar terendah dengan 5.3 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi etnik Cina dan etnik India pada 2024 masing-masing dengan 5.5 kelahiran dan 9.2 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Bumiputera	21.5	20.3	18.5	18.4	17.2	17.5	15.3
Cina	8.5	8.3	6.5	6.0	5.5	5.8	5.5
India	12.0	11.5	11.5	10.1	10.5	10.6	9.2
Etnik Lain ¹	4.1	4.6	5.6	4.7	4.6	5.8	5.3

¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran


Daerah Seremban merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi dengan 8,353 kelahiran manakala terendah direkodkan di Jelevu dengan 492 kelahiran. Kadar kelahiran kasar tertinggi direkodkan di Rembau dengan 15.4 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala terendah direkodkan di Jelevu dengan 10.1 kelahiran.

8,353
Seremban
merekodkan bilangan
kelahiran hidup
tertinggi, 2024



Paparan 3.2

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2024 (setiap 1,000 penduduk)



15.4
Rembau
merekodkan kadar
kelahiran kasar
tertinggi, 2024





KESUBURAN

1.5 anak


Kadar kesuburan jumlah bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, 2024



Kadar kesuburan jumlah

Kadar kesuburan jumlah di Negeri Sembilan merekodkan penurunan daripada 1.8 anak pada 2023 kepada 1.5 anak pada 2024 bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. **Carta 3.3** menunjukkan kadar kesuburan jumlah di Negeri Sembilan berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 anak bagi setiap perempuan umur reproduktif (15-49 tahun).

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Negeri Sembilan, 2015-2024



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi pada 2024 dengan 1.9 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh etnik Cina dan etnik India dengan 0.8 anak. Kadar kesuburan jumlah bagi etnik Lain pada 2024 adalah 1.0 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.

1.9 anak

Bumiputera

Kadar kesuburan tertinggi bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, 2024



Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap perempuan berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Bumiputera	2.7	2.6	2.3	2.3	2.1	2.2	1.9
Cina	1.2	1.2	1.0	0.9	0.9	0.9	0.8
India	1.7	1.6	1.5	1.3	1.4	1.4	0.8
Etnik Lain ¹	0.5	0.6	0.9	0.8	0.9	1.1	1.0


¹Termasuk bukan warganegara

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Bilangan kematian di Negeri Sembilan direkodkan sebanyak 8,686 kematian pada tahun 2024 meningkat 5.5 peratus berbanding kematian pada tahun 2023 (8,232 kematian). Kadar kematian kasar adalah 7.0 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2023: 6.7 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Negeri Sembilan, 2015-2024 (setiap 1,000 penduduk)



7.6 kematian

Bagi tempoh 2015-2024, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021



Jumlah Kematian

Lelaki
4,985 (57.4%)

Perempuan
3,701 (42.6%)




Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Jumlah kematian	7,298	7,168	7,026	9,179	8,645	8,232	8,686
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.4	7.1	6.5	8.4	7.9	7.4	7.7
Kadar kematian kasar (Perempuan)	5.6	5.6	5.1	6.8	6.3	6.0	6.2

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2024 adalah 9.4 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup meningkat 2.5 mata berbanding 6.9 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2023.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Negeri Sembilan, 2015-2024



9.4 kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2024





5.5 kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin terendah, 2016 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh 2015-2024



8.9 kematian


Cina
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2024



Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2024 meningkat kepada 34.0 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 18.1 kematian bagi tahun 2023.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Negeri Sembilan, 2015-2024



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik Cina merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 8.9 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2024 manakala etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 1.9 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan India pada tahun 2024 masing-masing adalah 6.5 dan 8.7 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Negeri Sembilan, 2018-2024 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Bumiputera	6.3	6.1	5.5	7.2	6.7	6.3	6.5
Cina	8.0	8.2	7.4	8.8	8.8	8.5	8.9
India	7.9	7.3	7.0	9.5	8.4	8.2	8.7
Etnik Lain ¹	1.7	1.6	1.9	3.7	2.6	1.9	1.9

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

Penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian utama yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi pada tahun 2024 iaitu 12.8 peratus (820 kematian). Ini diikuti oleh penyakit kencing manis dan radang paru-paru iaitu masing-masing 10.7 peratus dan 8.1 peratus.

Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Negeri Sembilan, 2024



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.

Penyakit jantung iskemia

Sebab kematian tertinggi yang disahkan secara perubatan pada 2024




Sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan, 2024

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan bagi tahun 2024 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 1,319 kematian (58.0%) yang melibatkan 52.4 peratus lelaki dan 64.7 peratus perempuan. Ini diikuti oleh kencing manis dan darah tinggi dengan masing-masing sebanyak 4.5 peratus dan 3.6 peratus.



Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Negeri Sembilan, 2024



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

Sakit tua

Sebab kematian tertinggi yang tidak disahkan secara perubatan pada 2024



Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Seremban mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada tahun 2024 iaitu 4,162 kematian manakala daerah Jelebu mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 431 kematian. Namun begitu, kadar kematian kasar tertinggi direkodkan di Kuala Pilah pada kadar 10.2 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar kematian terendah dicatatkan di Seremban pada kadar 5.8 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.




Paparan 3.5

Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2024

10.2

Kuala Pilah
mencatatkan kadar
kematian kasar
tertinggi, 2024



JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2025 di Negeri Sembilan dijangka hidup lebih lama sehingga 76.7 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki dijangka hidup sehingga 71.5 tahun.

Bagi tahun 2020 sehingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 0.1 tahun dan perempuan menurun 0.5 tahun. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2023 hingga 2025, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki dan bayi perempuan masing-masing meningkat 1.2 tahun dan 0.8 tahun.


71.5 tahun

Bayi lelaki
Jangkaan hayat
ketika lahir, 2025



Paparan 3.6

Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Negeri Sembilan, 2020-2025




^p Permulaan
^e Anggaran

2020-2025: Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2025 dijangka hidup masing-masing selama 57.3 tahun dan 62.7 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 72.3 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 77.7 tahun.

Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Negeri Sembilan, 2020-2025



^p Permulaan
^e Anggaran
2020-2025 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

62.7 tahun

Perempuan

Jangkaan hayat
pada umur 15 tahun,
2025




Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.3 tahun dan 17.1 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga 79.3 tahun dan perempuan sehingga 82.1 tahun.

Bagi tempoh 2020 sehingga 2025, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.3 hingga 2.8 tahun.

Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Negeri Sembilan, 2020-2025



^p Permulaan
^e Anggaran
2020-2025 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

14.3 tahun

Lelaki

Jangkaan hayat
pada umur 65 tahun,
2025



MIGRASI MALAYSIA

301.1 ribu

Bilangan migrasi
Malaysia, 2024



Penduduk berumur satu tahun dan lebih yang berhijrah pada 2024 meningkat kepada 301.1 ribu orang (2022: 158.8 ribu orang). Kadar migrasi turut menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 mata peratus kepada 0.9 peratus (2022: 0.5%).

Migran dalam negeri meningkat kepada 63.5 peratus pada 2024 berbanding 62.3 peratus pada 2022. Sebaliknya, migran antara negeri menunjukkan penurunan 0.1 mata peratus kepada 30.2 peratus pada 2024 (2022: 30.3%).

Sementara itu, migran antarabangsa dari luar negara ke Malaysia berkurang kepada 6.3 peratus pada 2024 berbanding 7.4 peratus pada 2022.



Carta 3.7 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2022 dan 2024

0.3%

Kadar migrasi
Malaysia, 2024



Penduduk berumur
1 tahun dan lebih

2024: 33.6 juta
2022: 32.2 juta

Migran **2024: 0.9%**
2022: 0.5%

Migran dalam negeri **2024: 63.5%**
2022: 62.3%

Migran antara negeri **2024: 30.2%**
2022: 30.3%

Migran antarabangsa **2024: 6.3%**
2022: 7.4%

Bukan Migran **2024: 99.1%**
2022: 99.5%

MIGRASI NEGERI SEMBILAN

Kadar migrasi Negeri Sembilan

Negeri Sembilan mencatatkan kadar migrasi 1.3 peratus pada tahun 2024 berbanding 1.4 peratus pada tahun 2022. Peratusan migrasi Negeri Sembilan datangnya daripada migrasi antara negeri iaitu 33.5 peratus, diikuti migrasi dalam negeri (57.7%) dan migrasi antarabangsa (8.9%).

1.3%
Kadar migrasi
Negeri Sembilan,
2024



Migrasi antara negeri

Peratusan migrasi antara negeri bagi Negeri Sembilan ialah 33.5 peratus pada tahun 2024, menurun berbanding 51.8 peratus pada tahun 2022. Migrasi bersih merekodkan Negeri Sembilan sebagai negeri utama penerima migran iaitu menurun kepada 1.5 ribu orang pada 2024 berbanding 6.5 ribu orang pada 2022. Sebahagian besar migran masuk ke Negeri Sembilan adalah dari Kedah, Selangor dan Kelantan. Manakala majoriti migran keluar dari Negeri Sembilan berhijrah ke Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor.



Jadual 3.9 Tiga negeri destinasi oleh migran keluar dari Negeri Sembilan dan negeri asal oleh migran masuk ke Negeri Sembilan, 2024

Negeri destinasi	Negeri asal
Selangor	Kedah
W.P. Kuala Lumpur	Selangor
Johor	Kelantan

16.8%
Nisbah keberkesanan
migrasi,
Negeri Sembilan,
2024



Nisbah keberkesanan migrasi

Negeri Sembilan mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi menurun pada 2024 iaitu 16.8 peratus. Ini menunjukkan penduduk Negeri Sembilan berkurangan seramai 16 orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2022 (61.9%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Peratusan migrasi antara negeri dari bandar ke bandar di Negeri Sembilan adalah lebih tinggi iaitu 85.2 peratus. Ini diikuti migrasi dari bandar ke luar bandar (12.3%) dan luar bandar ke luar bandar (2.5%).

Nota:

Data migrasi bersih dan data migrasi mengikut negeri asal dan destinasi bagi Negeri Sembilan tertakluk kepada ralat piawai relatif dan perlu digunakan dengan berhati-hati.



TENAGA BURUH


Tenaga Buruh

568.3 ribu
Tenaga buruh di
Negeri Sembilan,
2025

Tenaga buruh di Negeri Sembilan meningkat sebanyak 0.2 peratus pada tahun 2025, berbanding pada tahun sebelumnya (2024: 2.4%). Sejumlah 568.3 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2025 berbanding 567.2 ribu orang pada tahun 2024. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 552.5 ribu orang pada tahun 2025 daripada 549.5 ribu orang pada tahun 2024.

Carta 3.8 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Negeri Sembilan, 2021-2025

552.5 ribu
Bilangan
penduduk bekerja,
2025



22.0%
Pekerja perkhidmatan dan
jualan catat
peratusan tertinggi,
2025

Penduduk bekerja

Kategori pekerjaan perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Negeri Sembilan dengan peratus sumbangan sebanyak 22.0 peratus pada tahun 2025. Ini diikuti oleh kategori Operator loji & mesin serta pemasang dan Pekerja asas dengan peratus sumbangan 13.2 peratus dan 12.9 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 32.1 peratus daripada keseluruhan pekerja di Negeri Sembilan.

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Negeri Sembilan, 2021-2025

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)				
	2021	2022	2023	2024	2025
Pengurus	16.3	30.9	32.6	37.3	43.4
Profesional	75.7	83.2	84.8	76.4	69.2
Juruteknik & profesional bersekutu	74.3	68.1	67.5	70.1	64.9
Pekerja sokongan perkeranian	54.2	41.2	44.3	42.2	51.8
Pekerja perkhidmatan & jualan	117.5	117.7	127.1	121.7	121.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	12.7	14.5	11.1	14.5	16.1
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	43.6	39.2	37.3	40.9	41.6
Operator mesin & loji dan pemasang	51.0	61.0	64.1	77.4	73.2
Pekerja asas	60.3	61.1	67.3	69.1	71.0
Jumlah	505.6	517.0	536.1	549.5	552.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)				
	2021	2022	2023	2024	2025
Pengurus	3.2	6.0	6.1	6.8	7.9
Profesional	15.0	16.1	15.8	13.9	12.5
Juruteknik & profesional bersekutu	14.7	13.2	12.6	12.8	11.7
Pekerja sokongan perkeranian	10.7	8.0	8.3	7.7	9.4
Pekerja perkhidmatan & jualan	23.2	22.8	23.7	22.1	22.0
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	2.5	2.8	2.1	2.6	2.9
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	8.6	7.6	7.0	7.4	7.5
Operator mesin & loji dan pemasang	10.1	11.8	12.0	14.1	13.2
Pekerja asas	11.9	11.8	12.6	12.6	12.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

177.5 ribu
Bilangan pekerja mahir, 2025



378.2 ribu
Bilangan pekerja dalam sektor Perkhidmatan, 2025



Seramai 378.2 ribu orang pekerja (68.5%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2025 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 89.6 orang (16.2%), Pembinaan (39.8 ribu; 7.2%) dan Pertanian (41.4 ribu; 7.5%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 3.5 ribu orang (0.6%).

**66.4%**

Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Negeri Sembilan,
2025

**2.8%**

Kadar
pengangguran di
Negeri Sembilan, 2025



Jadual 3.11 Penduduk bekerja mengikut sektor, Negeri Sembilan
2021-2025

Sektor	Bilangan ('000)				
	2021	2022	2023	2024	2025
Pertanian	28.0	29.8	31.0	45.4	41.4
Perlombongan dan pengkuarian	4.2	2.4	3.1	3.1	3.5
Pembuatan	78.0	85.0	93.0	90.5	89.6
Pembinaan	47.1	43.4	38.6	40.8	39.8
Perkhidmatan	348.2	356.5	370.4	369.7	378.2
Jumlah	505.6	517.0	536.1	549.5	552.5

Sektor	Komposisi (%)				
	2021	2022	2023	2024	2025
Pertanian	5.5	5.8	5.8	8.3	7.5
Perlombongan dan pengkuarian	0.8	0.5	0.6	0.6	0.6
Pembuatan	15.4	16.4	17.3	16.5	16.2
Pembinaan	9.3	8.4	7.2	7.4	7.2
Perkhidmatan	68.9	69.0	69.1	67.3	68.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Negeri Sembilan menurun 3.0 mata peratus daripada 66.7 peratus pada tahun 2024 kepada 66.4 peratus pada tahun 2025. Sementara itu, kadar pengangguran di Negeri Sembilan menurun 0.3 mata peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.1%).

Carta 3.9 KPTB dan kadar pengangguran, Negeri Sembilan, 2021-2025





GAJI & UPAH MALAYSIA


Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2024 meningkat 1.3 peratus kepada 10.2 juta orang (2023: 1.1%, 10.1 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan 7.3 peratus (RM191) daripada RM 2,602 kepada RM2,793. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut merekodkan pertambahan sebanyak RM211 (6.1%) daripada RM3,441 kepada RM3,652.

RM 3,652
Purata gaji & upah
bulanan, 2024



Carta 3.10 Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2023¹-2024



Nota:

² Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan

³ Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan

RM 2,793
Penengah gaji & upah
bulanan, 2024





10.2 juta
Bilangan
penerima gaji
& upah, 2024




Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki pada 2024 adalah RM2,850 dan pekerja perempuan RM2,641, masing-masing meningkat sebanyak 6.5 peratus dan 7.2 peratus berbanding 2023. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat 6.4 peratus kepada RM3,759, manakala bagi pekerja perempuan naik 5.7 peratus kepada RM3,499 berbanding tahun sebelumnya.



Carta 3.11 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2023⁴-2024



Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Penengah gaji & upah bulanan tertinggi pada 2024 dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM5,721 diikuti aktiviti Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,698. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, Perlombongan & pengkuarian mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,904.

Carta 3.12 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri⁴, Malaysia, 2023-2024

Industri	Penengah		Purata	
	2023	2024	2023	2024
Jumlah	2,602	2,793	3,441	3,652
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,593	1,698	2,204	2,409
Perlombongan dan Pengkuarian	4,295	4,450	5,623	5,904
Pembuatan	2,360	2,490	3,052	3,278
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	3,274	3,450	3,973	3,995
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,361	2,490	2,933	3,001
Pembinaan	2,044	2,051	2,903	3,035
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,835	1,947	2,495	2,737
Pengangkutan dan penyimpanan	2,360	2,576	2,987	3,249
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,793	1,912	2,305	2,540
Maklumat dan komunikasi	4,154	4,231	4,954	5,288
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,586	3,752	4,522	4,741
Aktiviti hartanah	3,411	3,610	4,175	4,501
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,367	3,677	4,463	4,670
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,801	1,947	2,449	2,648
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	4,285	4,483	4,479	4,625
Pendidikan	5,651	5,721	5,623	5,814
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	4,566	4,698	4,789	5,009
Kesenian, hiburan dan rekreasi	2,550	2,643	3,192	3,323
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,916	1,947	2,388	2,431

⁴Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri


Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di semua negeri pada 2024. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM4,598; purata: RM5,091) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,687; purata: RM4,782) dan Selangor (penengah: RM3,350; purata: RM4,052).

9.7%

Perlis
Kadar pertumbuhan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2024



Carta 3.13 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2023-2024



12.0%

Perlis
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan tertinggi, 2024



GAJI & UPAH NEGERI SEMBILAN

Gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2024 di Negeri Sembilan adalah sebanyak 356.6 ribu orang iaitu meningkat 1.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan meningkat kepada RM2,503 berbanding RM2,361 dan mencatatkan pertumbuhan pada kadar positif 6.0 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan meningkat kepada positif 7.5 peratus kepada RM3,626 berbanding RM3,375 pada 2023.

**3.6%**

Kadar pertumbuhan
bilangan penerima gaji &
upah bulanan **pekerja
perempuan**, 2024

**RM 3,682**


Purata gaji & upah
bulanan **pekerja
lelaki**, 2024

**Jadual 3.12** Gaji & upah bulanan, Negeri Sembilan, 2019-2024

	2019	2020	2021 ^r	2022 ^r	2023 ^r	2024
Bilangan penerima ('000)	314.9	334.1	343.5	342.5	350.9	356.6
Penengah (RM)	2,433	2,011	2,321	2,334	2,361	2,503
Purata (RM)	3,218	2,989	3,060	3,177	3,375	3,626

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Semua indikator utama gaji & upah bulanan di negeri Negeri Sembilan mencatatkan prestasi positif bagi kedua-dua jantina pada 2024. Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki dan perempuan, masing-masing merekodkan kadar pertumbuhan positif 0.5 peratus (219.7 ribu orang) dan 3.6 peratus (136.9 ribu orang) pada 2024. Penengah gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki menunjukkan peningkatan 8.5 peratus (RM2,606), dan perempuan 5.6 peratus (RM2,475). Bagi purata gaji & upah bulanan, pekerja lelaki naik 9.3 peratus kepada RM3,682, manakala perempuan meningkat 4.5 peratus kepada RM3,538.


Paparan 3.9 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Negeri Sembilan, 2023-2024





STATISTIK SISWAZAH NEGERI SEMBILAN

Statistik utama siswazah

Pada tahun 2024, bilangan siswazah di Negeri Sembilan direkodkan seramai 241.8 ribu orang, meningkat 5.4 peratus berbanding 229.5 ribu orang pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah seramai 200.9 ribu orang, meningkat 6.9 peratus berbanding 187.9 ribu orang pada tahun sebelumnya. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah (KPTBS) pula adalah 83.1 peratus, bertambah 1.2 mata peratus berbanding 81.9 peratus pada tahun 2023.



Carta 3.15 Statistik utama siswazah, Negeri Sembilan, 2023-2024




Seramai 194.7 ribu orang siswazah bekerja di Negeri Sembilan pada tahun 2024, meningkat 6.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 182.1 ribu orang). Dalam pada itu, bilangan penganggur siswazah berkurang kepada 6.2 ribu orang. Kadar pengangguran siswazah sebaliknya menunjukkan pertambahan kepada 3.1 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun 2023.

**88.1 %****Kadar Penyertaan Tenaga
Buruh Siswazah lelaki
di Negeri Sembilan, 2024****7.2 %****Peningkatan tenaga
buruh siswazah lelaki
di Negeri Sembilan, 2024**

Manakala, siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 16.9 peratus daripada jumlah siswazah di Negeri Sembilan iaitu seramai 40.9 ribu orang pada tahun 2024, berkurang 1.7 peratus daripada 41.6 ribu orang pada tahun sebelumnya (**Carta 3.15**).

Perbandingan mengikut jantina di Negeri Sembilan menunjukkan komposisi siswazah didominasi oleh siswazah perempuan dengan sumbangan sebanyak 55.9 peratus (135.1 ribu orang), manakala siswazah lelaki merangkumi 44.1 peratus (106.7 ribu orang) pada tahun 2024. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Siswazah bagi lelaki adalah 88.1 peratus, berbanding 79.1 peratus bagi perempuan. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah perempuan adalah lebih tinggi iaitu 3.7 peratus berbanding 2.4 peratus bagi lelaki.

Carta 3.16 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Negeri Sembilan, 2023-2024




Dari segi bilangan tenaga buruh siswazah mengikut jantina, siswazah perempuan direkodkan seramai 106.9 ribu orang pada tahun 2024, meningkat 6.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki turut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus kepada 94.0 ribu orang.

Bilangan siswazah bekerja perempuan di Negeri Sembilan direkodkan seramai 102.9 ribu orang, lebih tinggi berbanding siswazah bekerja lelaki iaitu 91.7 ribu orang. Bagi penganggur siswazah, perempuan mencatatkan 3.9 ribu orang dengan kadar pengangguran 3.7 peratus manakala lelaki merekodkan seramai 2.3 ribu orang dengan kadar pengangguran sebanyak 2.4 peratus.

Bagi siswazah di luar tenaga buruh, bilangan siswazah perempuan direkodkan seramai 28.2 ribu orang, berkurang 1.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Begitu juga bagi siswazah lelaki yang mencatatkan pengurangan sebanyak 3.1 peratus kepada 12.7 ribu orang (**Carta 3.16**).

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Negeri Sembilan, 2024

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Negeri Sembilan pada tahun 2024 adalah RM4,931 lebih tinggi daripada tahun 2023 iaitu RM4,723 (pertumbuhan 4.4 peratus). Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM4,236 pada tahun 2024, meningkat 1.0 peratus daripada RM4,194 pada tahun sebelumnya (**Jadual 3.13**).



Jadual 3.13 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Negeri Sembilan, 2023-2024

Gaji & upah	Jumlah	
	2023	2024 ^p
Purata gaji (RM)	4,723	4,931
Penengah gaji (RM)	4,194	4,236



INDIKATOR KOS SARA HIDUP

PERBELANJAAN ASAS KEHIDUPAN WAJAR

RM **4,675**

Seremban
Purata PAKW
tertinggi, 2024



Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah

Purata PAKW bulanan isi rumah di Negeri Sembilan pada tahun 2024 mencatatkan sebanyak RM4,084 dengan purata saiz isi rumah seramai 3.4 orang. Perbandingan mengikut strata merekodkan PAKW di strata bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM4,483 dan RM3,086.



Seremban mencatatkan nilai PAKW yang tertinggi iaitu RM4,675, diikuti oleh Port Dickson (RM4,038), dan Rembau (RM3,605). Analisis bagi PAKW empat daerah terendah pula merekodkan Jelebu dengan nilai RM2,713. Ini diikuti Tampin (RM2,736), Jempol (RM2,821) dan Kuala Pilah (RM2,938).

Faktor-faktor yang mempengaruhi nilai PAKW adalah saiz isi rumah, umur, jantina dan strata. Isi rumah dengan bilangan ahli yang lebih ramai memerlukan perbelanjaan yang lebih besar untuk memenuhi keperluan makanan dan bukan makanan.

Kawasan Bandar

merekodkan nilai purata
PAKW lebih tinggi
berbanding kawasan luar
bandar



Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Makanan)

PAKW terdapat dua komponen perbelanjaan yang diambil kira, iaitu makanan dan bukan makanan. Secara purata, komponen makanan menyumbang 38.8 peratus atau RM1,583 daripada PAKW isi rumah Negeri Sembilan.

Seremban mencatatkan nilai PAKW makanan bulanan tertinggi iaitu RM1,656, diikuti oleh Port Dickson (RM1,576) dan Rembau (RM1,505). PAKW makanan bulanan yang terendah dicatatkan di daerah Jelevu dengan nilai sebanyak RM1,354 diikuti oleh Tampin (RM1,397), Kuala Pilah (RM1,438) dan Jempol (RM1,464).




Perbelanjaan PAKW makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding perempuan.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah (Bukan Makanan)

Komposisi bagi bukan makanan secara purata mencatatkan 61.2 peratus atau RM2,501 daripada PAKW isi rumah Negeri Sembilan. Sementara itu, Seremban mencatatkan nilai PAKW bukan makanan tertinggi iaitu RM3,018 diikuti oleh Port Dickson (RM2,462) dan Rembau (RM2,100). Di samping itu, daerah pentadbiran dengan nilai purata PAKW bukan makanan terendah ialah Tampin dengan nilai sebanyak RM1,339 diikuti oleh Jempol (RM1,357), Jelevu (RM1,359) dan Kuala Pilah (RM1,500). Perbelanjaan PAKW bukan makanan turut dipengaruhi oleh saiz isi rumah dan ketersediaan barangan dan perkhidmatan di kawasan tersebut.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita

PAKW bulanan isi rumah per kapita merujuk kepada perbelanjaan bagi setiap individu dalam sesebuah isi rumah. Di peringkat Negeri Negeri Sembilan PAKW bulanan isi rumah per kapita merekodkan RM1,231 dengan strata bandar merekodkan nilai melebihi luar bandar sebanyak RM257 (Bandar: RM1,304 dan Luar Bandar: RM1,047). Nilai ini dipengaruhi oleh purata saiz isi rumah Negeri Sembilan iaitu 3.5 orang bagi bandar dan 3.4 orang bagi luar bandar.



**RM1,367****Seremban**
Purata PAKW isi rumah
per kapita tertinggi,
2024**37.2%**Sumbangan purata PAKW
(makanan) bulanan isi
rumah per kapita, 2024

Sementara itu, perbandingan mengikut daerah menunjukkan Seremban masih mencatatkan nilai PAKW bulanan per kapita tertinggi iaitu RM1,367 diikuti oleh Rembau (RM1,147), Port Dickson (RM1,108) dan Jempol (RM1,030). Sebaliknya daerah pentadbiran dengan PAKW isi rumah per kapita yang terendah direkodkan oleh daerah pentadbiran Jelebu dengan nilai RM932 diikuti oleh Kuala Pilah (RM943) dan Tampin (RM951).

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per Kapita (Makanan)

Secara purata, komposisi bagi makanan menyumbang 37.2 peratus atau RM458 daripada PAKW bulanan isi rumah per kapita Negeri Sembilan. Perbandingan mengikut strata menunjukkan PAKW bulanan isi rumah per kapita makanan di strata bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM460 dan RM452.

Rembau merekodkan purata PAKW bulanan per kapita tertinggi bagi makanan iaitu RM465, diikuti oleh Seremban (RM464), Kuala Pilah (RM463) dan Tampin (RM452). Sebaliknya, purata PAKW bulanan per kapita terendah bagi makanan dicatatkan oleh daerah Port Dickson dengan nilai RM440, diikuti oleh Jempol (RM443) dan Jelebu (RM447).

Purata PAKW bulanan isi rumah per kapita makanan sangat dipengaruhi oleh umur dan jantina ahli isi rumah, di mana keperluan kalori ahli isi rumah remaja dan dewasa melebihi bayi, kanak-kanak dan warga emas. Selain itu, lelaki mempunyai keperluan kalori lebih tinggi berbanding perempuan.

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Isi Rumah Per kapita (Bukan Makanan)

Komposisi bagi PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan secara purata merekodkan 62.8 peratus atau RM773 daripada jumlah PAKW bulanan isi rumah per kapita Negeri Sembilan. Perbandingan mengikut strata juga menunjukkan PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan di bandar adalah lebih tinggi berbanding luar bandar dengan masing-masing merekodkan RM844 dan RM595.

Di peringkat daerah pentadbiran, Seremban merekodkan purata PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan tertinggi iaitu RM903 diikuti oleh Rembau (RM682), Port Dickson (RM668) dan Jempol (RM587). Sebaliknya, purata PAKW bulanan isi rumah per kapita bukan makanan yang terendah direkodkan oleh Kuala Pilah dengan nilai sebanyak RM480 diikuti oleh Jelebu (RM485) dan Tampin (RM499).

Purata Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) Bulanan Mengikut Saiz isi Rumah

INDEKS KOS SARA HIDUP NEGERI SEMBILAN

Indeks Kos Sara Hidup (KSH) bagi Negeri Sembilan merekodkan pada 105.0 mata indeks. Dua daripada daerah pentadbiran merekodkan mata indeks melebihi paras negeri dengan Seremban mencatatkan kadar tertinggi sebanyak 105.9 mata indeks, diikuti oleh Port Dickson (105.3 mata indeks). Namun begitu, lima daerah pentadbiran yang merekodkan indeks KSH terendah adalah Jempol (104.5 mata indeks) diikuti oleh Jelevu (104.6 mata indeks), Tampin (104.7 mata indeks), Rembau (104.8 mata indeks) dan Kuala Pilah (104.9 mata indeks).

District	Indeks Matawang
Seremban	105.9
Port Dickson	105.3
Kuala Pilah	104.9
Rembau	104.8
Tampin	104.7
Jelebu	104.6
Jempol	104.5
Negeri Sembilan (Average)	105.0





PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGUNAAN ISI RUMAH

PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah


Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Negeri Sembilan telah meningkat kepada RM5,591 pada tahun 2024 berbanding RM5,226 pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.4 peratus.

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran

Daerah Seremban mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM6,472 pada 2024 (2022: RM6,384). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM5,591. Daerah tersebut adalah Port Dickson RM5,342 (2022: RM4,805), Rembau RM4,894 (2022: RM4,655), Tampin RM4,367 (2022: RM4,012), Jempol RM4,291 (2022: RM3,830), Kuala Pilah RM3,996 (2022: RM3,471) dan Jelebu RM3,713 (2022: RM3,636).

Daerah Kuala Pilah mencatatkan peningkatan tertinggi purata pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 7.0 peratus diikuti Jempol kedua tertinggi (5.7%) antara tempoh 2022 hingga 2024.

Carta 3.18 Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2019 dan 2022



RM5,591
Pendapatan isi rumah
kasar bulanan penengah
Negeri Sembilan, 2024



RM6,472
Seremban
Pendapatan isi rumah
kasar bulanan penengah
tertinggi, 2024



3.4%
Kadar pertumbuhan
tahunan pendapatan kasar isi
rumah bulanan penengah
antara tahun 2022-2024



Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai pekali Gini meningkat kepada 0.373 pada tahun 2024 daripada 0.369 pada tahun 2022. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Negeri Sembilan semakin bertambah.

Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan menunjukkan isi rumah bagi kumpulan desil pertama hingga desil keempat (D1-D4) di Negeri Sembilan pada tahun 2024 merekodkan pendapatan penengah sebanyak RM3,315 manakala isi rumah bagi kumpulan desil kelima hingga desil kelapan (D5-D8) (RM6,598) dan bagi kumpulan isi rumah desil kesembilan hingga desil kesepuluh (D9-D10) (RM13,669).

Kemiskinan

Nilai purata PGK Negeri Sembilan pada tahun 2024 ialah RM2,493 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,194 sebulan dengan saiz isi rumah seramai 3.4 orang.


Insiden kemiskinan mutlak di Negeri Sembilan mencatatkan penurunan kepada 4.0 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di bandar dan luar bandar masing-masing adalah 3.8 peratus dan 4.6 peratus. Sementara itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.0 peratus pada tahun 2024 berbanding 0.1 peratus pada tahun 2022. Nilai kemiskinan relatif pada tahun 2024 pula adalah 11.6 peratus berbanding 13.3 peratus pada tahun 2022.

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Negeri Sembilan meningkat daripada RM4,678 pada tahun 2022 kepada RM5,115 pada tahun 2024 dengan dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) 4.5 peratus. Pada tempoh yang sama, purata pendapatan isi rumah turut meningkat daripada RM6,788 kepada RM7,305.

Paparan 3.14 Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Negeri Sembilan, 2024



Petunjuk:

- Agihan pendapatan
- Pendapatan isi rumah penengah

⁵Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019

**4.5%**

Purata pertumbuhan
tahunan perbelanjaan
isi rumah bulanan purata
antara tahun 2022-2024




Komposisi perbelanjaan isi rumah

Pola perbelanjaan isi rumah dipengaruhi oleh pelbagai faktor bergantung kepada keperluan dan saiz isi rumah. Di kebanyakan negeri, kumpulan barang keperluan asas biasanya mendominasi perbelanjaan isi rumah. Empat kumpulan yang mencatatkan komposisi perbelanjaan isi rumah yang tinggi di Negeri Sembilan ialah Kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (20.7%), Makanan & minuman (17.1%), Restoran & perkhidmatan penginapan (14.5%) dan Pengangkutan (11.4%) merangkumi 63.7 peratus daripada keseluruhan komposisi perbelanjaan.

Terdapat empat kumpulan utama menunjukkan peningkatan dalam komposisi perbelanjaan isi rumah berbanding tahun 2022. Peningkatan tertinggi dicatatkan dalam kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (1.6 mata peratus) diikuti Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.1 mata peratus), Restoran & Perkhidmatan Penginapan (0.9 mata peratus) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.1 mata peratus).

Carta 3.19 Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Negeri Sembilan, 2022 dan 2024



Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

01 Makanan & Minuman	08 Maklumat & Komunikasi
02 Minuman Alkohol & Tembakau	09 Rekreasi, Sukan & Kebudayaan
03 Pakaian & Kasut	10 Perkhidmatan Pendidikan
04 Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	11 Restoran & Perkhidmatan Penginapan
05 Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	12 Insurans & Perkhidmatan Kewangan
06 Kesihatan	13 Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan
07 Pengangkutan	

63.7%

Perbelanjaan utama oleh isi
rumah di Negeri Sembilan,
2024



Di samping itu, enam kumpulan lain mencatatkan penurunan dalam komposisi perbelanjaan pada tahun 2024 berbanding 2022. Penurunan terbesar direkodkan oleh Makanan & Minuman (-1.5 mata peratus) diikuti Maklumat & Komunikasi (-1.2 mata peratus), Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (-0.4 mata peratus), Kesihatan (-0.3 mata peratus), Perkhidmatan Pendidikan (-0.2 mata peratus), dan Minuman Alkohol & Tembakau (-0.1 mata peratus). Komposisi perbelanjaan bagi kumpulan Pakaian & Kasut (2.7%), Pengangkutan (11.4%) dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (7.0%) kekal tidak berubah berbanding tahun 2022.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Seremban dan terendah di daerah Kuala Pilah. Secara perbandingan, daerah pentadbiran yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri hanya daerah Seremban iaitu RM5,686.


RM5,686

**Perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata tertinggi
di Seremban, 2024**





Carta 3.20 Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Negeri Sembilan, 2024



Seremban

Mencatatkan perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata **melebihi**
paras negeri, 2024



BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK



BAB 4 STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Prestasi pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan pelawat domestik, bilangan perjalanan dan perbelanjaan pelancongan pada tahun 2025. Seramai 290.1 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2025 dengan kenaikan sebanyak 11.5 peratus berbanding tahun sebelumnya (2024: 21.7%). Sementara itu, sebanyak 332.2 juta bilangan perjalanan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan sebanyak 1.15 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 13.6 peratus pada 2025 (2024: 25.7%). Sejumlah RM121.3 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2025 berbanding RM106.7 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan kepada RM365 berbanding RM358 pada tahun 2024. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2025 meningkat kepada 2.56 malam berbanding 2.49 malam pada tahun sebelumnya.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2024-2025

Statistik utama	2024	2025	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	260.1	290.1	11.5
Bilangan perjalanan (juta)	297.9	332.2	11.4
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	106.7	121.3	13.6
Purata perbelanjaan (RM)	358	365	1.9
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.49	2.56	2.5
Purata perjalanan	1.15	1.15	0.0

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

290.1 juta
Jumlah pelawat domestik, 2025



Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2025



RM 121.3 bilion
Perbelanjaan pelawat domestik, 2025



**14.0%**Peningkatan
bilangan pelancong
pada tahun 2025**67.0%**Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun 2025

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2025 adalah seramai 183.5 juta orang dengan peningkatan sebanyak 10.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong meningkat daripada 93.4 juta orang pada tahun 2024 kepada 106.5 juta orang (14.0%) seperti ditunjukkan di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2**Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2024-2025**

Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2024	2025	
Pelawat harian	166.7	183.5	10.1
Pelancong	93.4	106.5	14.0
Jumlah	260.1	290.1	11.5

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Peratus sumbangan perjalanan harian dan perjalanan bermalam masing-masing adalah 67.0 peratus (222.5 juta perjalanan) dan 33.0 peratus (109.7 juta perjalanan). Peratus sumbangan perjalanan harian meningkat sebanyak 0.2 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada 2024, iaitu 66.8 peratus (**Paparan 4.1**).

Paparan 4.1**Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2024-2025**

Perjalanan Harian

	2025	67.0%
	2024	66.8%

Perjalanan Bermalam


	2025	33.0%
	2024	33.2%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Secara keseluruhan, perbelanjaan domestik bagi pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan peningkatan signifikan pada tahun 2025. Perbelanjaan bagi pelancong telah meningkat sebanyak 14.6 peratus, merekodkan RM72.2 bilion pada tahun 2025 (2024: RM63.0 bilion). Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian meningkat 12.2 peratus kepada RM49.1 bilion (2024: RM43.7 bilion) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.2**.



Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2024-2025



13.6%
Perbelanjaan
pelancongan domestik
meningkat pada
2025



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK NEGERI SEMBILAN

Kedatangan pelawat, 2025

Negeri Sembilan menerima seramai 19.4 juta pelawat domestik pada tahun 2025 berbanding 17.8 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Kenaikan bilangan pelawat disumbangkan oleh peningkatan bilangan pelancong sebanyak 9.34 peratus iaitu kepada 6.5 juta pelancong berbanding 6.0 juta pelancong pada tahun 2024 seperti pada **Jadual 4.3**.

19.4 juta
Ketibaan pelawat
domestik di **Negeri
Sembilan** pada tahun
2025



Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke Negeri Sembilan, 2024-2025

Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2024	2025	
Pelancong	6.0	6.5	9.34
Pelawat domestik	17.8	19.4	8.84


Negeri asal pelancong, 2025

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi Negeri Sembilan pada tahun 2025. Berdasarkan survei, pelancong berasal daripada Selangor adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 1.98 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Johor (1.67 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (937.4 ribu pelancong), Negeri Sembilan (460.8 ribu pelancong) dan Pahang (287.9 ribu pelancong).

Selangor
Negeri asal pelancong
yang paling ramai
berkunjung ke **Negeri
Sembilan**, 2025



Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Negeri Sembilan, 2025



**1.98 juta**

Pelancong dari **Selangor** yang mengunjungi **Negeri Sembilan** pada tahun 2025

**Pantai Teluk Kemang**


Destinasi tumpuan utama pelawat domestik pada tahun 2025

**Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2025**

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Negeri Sembilan pada tahun 2025, iaitu Pantai Teluk Kemang, AEON Mall Nilai, Pantai Port Dickson, PD Water Front dan Masjid Sri Sendayan.

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Negeri Sembilan, 2025**Terimaan pelancongan domestik, 2024**

Jumlah terimaan pelancongan domestik Negeri Sembilan pada tahun 2024 meningkat 22.9 peratus berbanding 30.8 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini didorong oleh kenaikan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 30.6 peratus dan 14.7 peratus di **Paparan 4.4**.

Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik di Negeri Sembilan, 2023-2024


Sementara itu, purata terimaan bagi setiap perjalanan pada 2024 turut meningkat kepada RM269 berbanding RM268 seperti yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Bagi jumlah terimaan mengikut komponen, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 33.3 peratus daripada jumlah terimaan (2023: 37.7%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (17.2%), pembelian bahan api kenderaan (13.3%) dan perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati (10.5%) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.5**.



Paparan 4.5

Peratus sumbangan terimaan pelancongan domestik mengikut komponen di Negeri Sembilan, 2023 dan 2024



RM5.9 bilion

Nilai terimaan yang dibelanjakan oleh pelawat domestik ke Negeri Sembilan, 2025



Tujuan perjalanan, 2024


Pada tahun 2024, majoriti pelancong berkunjung ke Negeri Sembilan untuk tujuan melawat saudara-mara & rakan iaitu sebanyak 48.1 peratus seperti **Paparan 4.6**. Ini diikuti oleh percutan/mengisi masa lapang/ berehat (37.3%) dan membeli-belah (6.6%).

33.3%
Jumlah terimaan tertinggi dicatatkan oleh komponen membeli-belah, 2024



Paparan 4.6

Peratusan tujuan perjalanan pelancong ke Negeri Sembilan, 2024



48.1%

Melawat saudara-mara & rakan merupakan tujuan utama pelancong berkunjung ke Negeri Sembilan, 2024



BAB 5

STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA



BAB 5 STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan antarabangsa

Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2025 meningkat sebanyak 6.2 peratus kepada RM3.1 trilion berbanding RM2.9 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.6 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM1.5 trilion, sekali gus mendorong lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM154.6 bilion, meningkat sebanyak 11.2 peratus daripada RM139.1 bilion pada tahun 2024.

Jumlah perdagangan tertinggi adalah di **Pulau Pinang dan Selangor**



Jumlah perdagangan bagi negeri Pulau Pinang sebanyak RM965.5 bilion, diikuti oleh Selangor (RM655.4 bilion), Johor (RM641.4 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM188.2 bilion), Sarawak (RM129.1 bilion), Kedah (RM119.0 bilion), Perak (RM78.9 bilion), Melaka (RM66.9 bilion), Negeri Sembilan (RM60.1 bilion), Pahang (RM44.7 bilion), Sabah (RM42.9 bilion), Terengganu (RM22.5 bilion), W.P. Labuan (RM9.1 bilion), Kelantan (RM6.4 bilion) dan Perlis (RM2.6 bilion).



Eksport

Eksport Malaysia pada tahun 2025 meningkat 6.4 peratus kepada RM1.6 trilion berbanding tahun sebelumnya. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang menyumbang 24.2 peratus daripada jumlah eksport, meningkat RM76.0 bilion (24.3%) kepada RM389.1 bilion.

2

Barangan elektrik dan elektronik yang lain yang merangkumi 9.0 peratus daripada jumlah eksport, naik RM12.7 bilion atau 9.6 peratus kepada RM144.9 bilion.

3

Keluaran petroleum bertapis menyumbang 5.9 peratus daripada jumlah eksport menurun sebanyak RM22.5 bilion (-19.1%) kepada RM95.1 bilion.

RM3.1 trilion
Jumlah perdagangan
Malaysia, 2025



**China & Singapura**Destinasi utama
eksport
Malaysia**15.5%**
Peratusan
eksport ke Singapura
pada tahun 2025**Eksport mengikut negara destinasi**

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2025 ialah China dan Singapura.

Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2025**China**

Eksport

RM188.9 b

↑ 0.6%

Import

RM352.7 b

↑ 18.9%

**Singapura**

Eksport

RM249.5 b


↑ 8.1%

Import

RM152.8 b

↓ -7.6%

Eksport ke Singapura merangkumi 15.5 peratus daripada eksport Malaysia. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke Singapura adalah seperti **Paparan 5.2**.

Paparan 5.2**Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke Singapura, 2025****Litar elektronik bersepadu****38.8%**

Sumbangan

26.7%

Perubahan tahunan

RM96.8 billion

Nilai eksport

**Keluaran petroleum bertapis****9.0%**

Sumbangan

-19.9%

Perubahan tahunan

RM22.4 billion

Nilai eksport

**Barangan elektrik dan elektronik yang lain****6.0%**

Sumbangan


-12.2%

Perubahan tahunan

RM14.9 billion

Nilai eksport

Eksport ke China meliputi 11.8 peratus daripada eksport Malaysia pada 2025. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama ke China adalah litar elektronik bersepadu, gas asli cecair dan barangan elektrik dan elektronik yang lain.

Paparan 5.3**Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke China, 2025****Litar elektronik bersepadu****26.1%**

Sumbangan

9.1%

Perubahan tahunan

RM49.3 billion

Nilai eksport

**Gas asli cecair - LNG****6.8%**

Sumbangan

-16.6%

Perubahan tahunan

RM12.8 billion

Nilai eksport

**Barangan elektrik dan elektronik yang lain****4.8%**

Sumbangan

9.8%

Perubahan tahunan

RM9.0 billion

Nilai eksport



Import

Import Malaysia pada tahun 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 6.0 peratus kepada RM1.5 trilion berbanding tahun sebelumnya. Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang merangkumi 16.0 peratus daripada jumlah import, meningkat RM30.5 bilion atau 15.1 peratus kepada RM233.0 bilion

2

Barangan elektrik dan elektronik yang lain menyumbang 9.2 peratus daripada jumlah import, naik sebanyak RM35.9 bilion (36.6%) kepada RM134.0 bilion

3

Keluaran petroleum bertapis menyumbang 6.3 peratus daripada jumlah import, menurun sebanyak RM29.3 bilion (-24.2%) kepada RM92.1 bilion

RM **1.5 trilion**

Jumlah
import Malaysia,
2025



Import mengikut negara asal

Import dari China bernilai RM352.7 bilion merangkumi 24.3 peratus dari jumlah import Malaysia. Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari China adalah seperti pada **Paparan 5.4**.

RM **352.7 bilion**

Nilai import
dari **China**, 2025



Paparan 5.4 Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari China, 2025




Barangan elektrik dan elektronik yang lain

16.4%
Sumbangan

56.4%
Perubahan tahunan

RM58.0 bilion
Nilai import



Litar elektronik bersepadu

10.6%
Sumbangan

7.7%
Perubahan tahunan

RM37.3 bilion
Nilai import



Kelengkapan telekomunikasi, alat ganti & aksesori

7.9%
Sumbangan

26.1%
Perubahan tahunan

RM28.0 bilion
Nilai import

RM **152.8 bilion**

Nilai import
dari **Singapura**,
2025



Import dari Singapura bernilai RM152.8 bilion (10.5% dari jumlah import Malaysia). Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama dari Singapura adalah keluaran petroleum bertapis, litar elektronik bersepadu dan kristal piezo elektrik dan alat ganti yang lain seperti **Paparan 5.5**.

Paparan 5.5 Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari Singapura, 2025




Keluaran petroleum bertapis

23.8%
Sumbangan

-11.7%
Perubahan tahunan

RM36.3 bilion
Nilai import



Litar elektronik bersepadu

22.0%
Sumbangan

-2.0%
Perubahan tahunan

RM33.6 bilion
Nilai import



Kristal piezo elektrik dan alat ganti yang lain

5.4%
Sumbangan

-6.4%
Perubahan tahunan


RM8.2 bilion
Nilai import

**RM60,078 juta**Jumlah perdagangan
Negeri Sembilan,
2025

SOROTAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA NEGERI SEMBILAN

Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Negeri Sembilan pada tahun 2025 bernilai RM60,078 juta. Nilai eksport Negeri Sembilan mencatatkan penurunan 5.9 peratus pada tahun 2025 kepada RM22,888 juta berbanding RM24,331 juta pada tahun 2024. Sementara itu, nilai import Negeri Sembilan pada tahun 2025 menyaksikan penurunan sebanyak 16.1 peratus berbanding tahun sebelumnya, mencatatkan nilai import RM37,190 juta.

Carta 5.1 Perdagangan Negeri Sembilan dengan dunia, 2020-2025

Eksport Barangan

Eksport barangan utama Negeri Sembilan ialah barangan elektrik dan elektronik yang lain menurun 7.5 peratus pada tahun 2025 kepada RM4,763 juta. Litar elektronik bersepadu menurun 23.7 peratus kepada RM1,765 juta, diikuti pesawat udara & kelengkapan dan alat ganti menurun 36.3 peratus kepada RM1,367 juta. Sebaliknya, injap dan tiub lain, fotosel, dan lain-lain, meningkat 3.0 peratus kepada RM1,205 juta, manakala kristal piezo elektrik & alat ganti menurun 23.4 peratus kepada RM892 juta.

Jadual 5.1 Eksport barangan mengikut komoditi utama Negeri Sembilan, 2020-2025

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2025 ¹ /2024
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 ¹	
Jumlah eksport barangan	20,048	23,021	26,024	26,567	24,331	22,888	-5.9
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	3,175	3,298	5,689	7,719	5,147	4,763	-7.5
Litar elektronik bersepadu	589	1,827	1,922	1,968	2,313	1,765	-23.7
Pesawat udara & kelengkapan dan alat ganti	883	1,011	989	1,516	2,145	1,367	-36.3
Injap dan tiub lain, fotosel, dll.	1,688	932	1,278	1,222	1,170	1,205	3.0
Kristal piezo elektrik & alat ganti	1,061	1,316	1,413	1,542	1,163	892	-23.4

Destinasi eksport utama Negeri Sembilan ialah Singapura menurun 9.2 peratus pada tahun 2025 kepada RM4.915 juta. China menurun 2.1 peratus kepada RM3,534 juta, diikuti Amerika Syarikat menurun 32.2 peratus kepada RM1,858 juta. Sebaliknya, Viet Nam meningkat 40.6 peratus kepada RM1.176 juta, manakala Hong Kong menurun 4.1 peratus kepada RM1,150 juta.

Import Barangan

Import barangan utama Negeri Sembilan ialah petroleum mentah menurun 18.7 peratus pada tahun 2025 kepada RM6,766 juta. Kristal piezo elektrik & alat ganti meningkat 0.6 peratus kepada RM2,482 juta, keluaran petroleum bertapis menurun 40.9 peratus kepada RM2.075 juta dan pesawat udara & kelengkapan & alat ganti meningkat 6.6 peratus kepada RM1,947 juta. Selain itu, barangan elektrik dan elektronik yang lain menurun 19.9 peratus kepada RM1,213 juta.

Sumber import utama Negeri Sembilan ialah China, meningkat 1.6 peratus kepada RM6,850 juta. Singapura menurun 31.1 peratus kepada RM4.932 juta, diikuti Indonesia menurun 25.7 peratus kepada RM4,315 juta, Emiriah Arab Bersatu menurun 23.9 peratus kepada RM2,991 juta dan Jepun menurun 12.9 peratus kepada RM2,517 juta.

Jadual 5.2 Import barangan mengikut komoditi utama Negeri Sembilan, 2020-2025

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)						Peratus perubahan 2025 ^P /2024
	2020	2021	2022	2023	2024	2025 ^P	
Jumlah import barangan	22,931	31,373	49,176	43,957	44,319	37,190	-16.1
Petroleum mentah	3,098	5,329	7,832	6,934	8,322	6,766	-18.7
Kristal piezo elektrik & alat ganti	1,355	1,640	1,712	2,008	2,467	2,482	0.6
Keluaran petroleum bertapis	812	1,171	7,118	3,235	3,508	2,075	-40.9
Pesawat udara & kelengkapan & alat ganti	1,009	1,274	1,022	1,537	1,825	1,947	6.6
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	648	699	1,208	1,755	1,515	1,213	-19.9

Rakan Dagang Utama

China merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Negeri Sembilan pada tahun 2025 dengan sumbangan 17.3 peratus (RM10.384 juta) daripada jumlah perdagangan. Singapura merupakan rakan dagang kedua terbesar dengan nilai RM9,847 juta, diikuti oleh Indonesia (RM5,128 juta), Jepun (RM3,624 juta) dan Emiriah Arab Bersatu (RM3,298 juta).

RM37,190 juta
Jumlah import barangan
Negeri Sembilan,
2025



-18.7%
Import
petroleum mentah
menurun pada 2025



China
Rakan dagangan
dua hala terbesar
Negeri Sembilan





Imbangan Dagangan

Imbangan dagangan dua hala **Negeri Sembilan** dengan **Indonesia** mencatatkan defisit sebanyak RM3,502 juta



Dari sudut imbangan dagangan dua hala, Negeri Sembilan mencatatkan defisit dagangan dengan Indonesia sebanyak (RM3,502 juta), China (RM3,316 juta), Emiriah Arab Bersatu (RM2,684), Jepun (RM1,411 juta) dan Singapura (RM17 juta).

Jadual 5.3 Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Negeri Sembilan, 2025

Negara	Eksport		Import		Imbangan dagangan	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	22,888	100.0	37,190	100.0	- 14,302	60,078	100.0	
China	3,534	15.4	6,850	18.4	- 3,316	10,384	17.3	1
Singapura	4,915	21.5	4,932	n.a.	n.a.	9,847	16.4	2
Indonesia	813	3.6	4,315	11.6	- 3,502	5,128	8.5	3
Jepun	1,707	4.8	2,517	6.8	- 1,411	3,624	6.0	4
Emiriah Arab Bersatu	307	1.3	2,991	8.0	- 2,684	3,298	5.5	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

Imbangan dagangan dua hala **Negeri Sembilan** dengan **China** merekodkan defisit sebanyak RM3,316 juta



BAB 6

STATISTIK AKAUN KERAJAAN



BAB 6 STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Ekonomi Malaysia pada tahun 2024 terus mempamerkan daya tahan tersendiri meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan geopolitik dan tekanan kos yang berpanjangan. Pertumbuhan ekonomi domestik kekal positif, dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri dan disokong oleh aktiviti pengguna yang lebih stabil, pasaran buruh yang sihat serta kemasukan pelancong yang menggalakkan.

RM324.6 bilion
Jumlah hasil
Kerajaan Persekutuan
pada tahun 2024



Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 merekodkan prestasi yang lebih mampan berbanding tahun sebelumnya. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan berkembang sebanyak 3.1 peratus, meningkat sebanyak RM9.7 bilion kepada RM324.6 bilion berbanding RM315.0 bilion pada tahun 2023 seperti di **Jadual 6.1**. Daya tahan makroekonomi domestik yang kukuh kekal menjadi pemangkin utama kepada lonjakan kutipan hasil ini.



Lonjakan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan teguh dalam komponen hasil cukai. Hasil cukai kekal menjadi penyumbang utama kepada kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan sebanyak 74.0 peratus, sekali gus merekodkan pertumbuhan sebanyak 4.8 peratus pada tahun 2024.

Jadual 6.1 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2023-2024

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2023	2024	
Hasil cukai	229.2	240.2	4.8
Hasil bukan cukai	79.0	70.1	-11.3
Terimaan bukan hasil	6.0	13.8	129.9
Hasil Wilayah Persekutuan	0.7	0.5	-33.3
Jumlah hasil	315.0	324.6	3.1

3.1%
Peningkatan
pertumbuhan jumlah hasil
pada tahun 2024






Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

3.3%

Kenaikan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 2024



RM 4.2 billion

Pertambahan perbelanjaan dalam pemberian dan kenaikan bayaran tetap pada tahun 2024



Dari segi perbelanjaan, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan mencatatkan sedikit penyusutan sebanyak 0.5 peratus kepada RM405.5 bilion pada tahun 2024 seperti di **Jadual 6.2**. Trend ini dipengaruhi oleh perbelanjaan Pembangunan yang merekodkan penyusutan ketara 12.6 peratus, daripada RM96.1 bilion pada tahun 2023 kepada RM84.0 bilion pada tahun 2024. Prestasi ini adalah kesan daripada penguncupan sektor ekonomi sebanyak 24.4 peratus (RM13.9 bilion).

Walau bagaimanapun, sektor-sektor lain di bawah perbelanjaan pembangunan kekal mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor sosial merekodkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus, sektor keselamatan meningkat 1.7 peratus serta sektor pentadbiran am berkembang 10.0 peratus.

Bagi perbelanjaan mengurus, peningkatan perbelanjaan direkodkan dengan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus. Peningkatan ini disumbang oleh komponen pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan emolumen yang masing-masing melonjak sebanyak 2.3 peratus dan 4.4 peratus. Komponen lain seperti perkhidmatan dan bekalan serta aset mencatatkan peningkatan 4.9 peratus dan 16.2 peratus, manakala perbelanjaan lain menyusut sebanyak 0.8 peratus.

Jadual 6.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2023-2024

Perbelanjaan	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2023	2024	
Perbelanjaan mengurus	311.3	321.5	3.3
Emolumen	91.9	95.9	4.4
Perkhidmatan dan bekalan	35.9	37.7	4.9
Aset	1.0	1.2	16.2
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	181.6	185.9	2.3
Perbelanjaan lain	0.9	0.9	-0.8
Perbelanjaan pembangunan	96.1	84.0	-12.6
Ekonomi	57.2	43.3	-24.4
Sosial	24.2	25.6	5.6
Keselamatan	11.4	11.6	1.7
Pentadbiran Am	3.2	3.5	10.0
Jumlah perbelanjaan	407.4	405.5	-0.5

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri

Kerajaan negeri menjana pendapatan melalui tiga sumber utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Sumber-sumber ini merangkumi pelbagai spektrum kutipan seperti hasil tanah, hasil hutan, bayaran lesen, duti hiburan dan bayaran perkhidmatan yang lain.

Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri Sarawak merekodkan kutipan hasil tertinggi di Malaysia yang berjumlah RM14.2 bilion, meningkat daripada RM13.3 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 6.1**). Peningkatan sebanyak 6.6 peratus ini didorong oleh lonjakan komponen hasil bukan cukai sebanyak 8.0 peratus.

Kerajaan Negeri Sabah yang berada di kedudukan kedua merekodkan penyusutan hasil sebanyak 1.9 peratus. Ini disebabkan oleh penguncupan dalam kesemua komponen kutipan, terutamanya hasil cukai dan hasil bukan cukai yang masing-masing menyusut sebanyak 1.9 peratus dan 2.0 peratus.


Sementara itu, Kerajaan Negeri Selangor menduduki tangga ketiga dengan pertumbuhan kutipan hasil sebanyak 5.8 peratus, iaitu peningkatan daripada RM2.7 bilion kepada RM2.9 bilion. Secara amnya, majoriti negeri mencatatkan pertumbuhan positif dalam kutipan hasil, kecuali Sabah dan Pahang yang merekodkan penyusutan berbanding tahun sebelumnya.

RM **14.2 bilion**

Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi pada tahun 2024



Carta 6.1 Kutipan hasil kerajaan negeri, 2023-2024



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri

RM **12.7** bilion

Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi, 2024




Perbelanjaan mengurus dan hasil saling berkait rapat dan merupakan teras kepada kelancaran fungsi tadbir urus sektor kerajaan. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM12.7 bilion, meningkat daripada RM11.4 bilion pada tahun 2023. Peningkatan signifikan sebanyak 11.8 peratus ini disumbangkan oleh komponen perkhidmatan dan bekalan (**Carta 6.2**).

Perbelanjaan kedua tertinggi direkodkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dengan jumlah RM6.4 bilion, berkembang 8.8 peratus berbanding tahun sebelumnya yang disokong oleh peningkatan dalam komponen perbelanjaan lain.



Selain Sarawak dan Sabah, hampir kesemua negeri mempamerkan corak peningkatan dalam perbelanjaan mengurus bagi tahun 2024. Kerajaan Negeri Selangor membelanjakan sebanyak RM2.7 bilion berkembang 8.0 peratus, diikuti oleh Johor (RM2.0 bilion), Terengganu (RM1.7 bilion), Perak (RM1.3 bilion), Pahang (RM1.2 bilion), Pulau Pinang (RM984.6 juta), Kelantan (RM897.0 juta), Kedah (RM758.4 juta), Negeri Sembilan (RM553.1 juta), Melaka (RM476.0 juta) dan Perlis (RM190.4 juta). Walau bagaimanapun, Pahang merupakan satu-satunya negeri yang merekodkan pengurangan dalam perbelanjaan mengurus dengan penguncupan sebanyak 2.0 peratus.

Carta 6.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2023-2024



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menterjemahkan perbandingan langsung antara jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus bagi setiap kerajaan negeri dalam satu-satu tahun kewangan. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan surplus tertinggi berjumlah RM1.5 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi utuh ini dipacu oleh peningkatan hasil bukan cukai.

11 negeri
mencatatkan **surplus**
pada tahun 2024




Walau bagaimanapun, hanya dua buah negeri merekodkan defisit pada tahun 2024. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalami defisit tertinggi berjumlah RM174.1 juta, berbanding RM358.8 juta pada tahun 2023. Selain itu, Kerajaan Negeri Perlis turut mencatatkan defisit sebanyak RM16.1 juta.

Secara keseluruhan, landskap kewangan kerajaan negeri kekal stabil dengan 11 buah negeri berjaya mencatatkan surplus, manakala hanya dua buah negeri mengalami defisit seperti yang dipaparkan dalam **Carta 6.3**.



Carta 6.3 Surplus/defisit mengikut negeri, 2023-2024



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN


Hasil Kerajaan Negeri Sembilan

RM636.2 juta
Hasil Kerajaan
Negeri Sembilan
pada tahun 2024



Hasil dan perbelanjaan mengurus mempunyai kaitan yang rapat serta menjadi asas kepada kelancaran fungsi tadbir urus sektor kerajaan. Kutipan hasil Kerajaan Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan sebanyak 17.5 peratus, meningkat daripada RM541.4 juta pada tahun sebelumnya kepada RM636.2 juta pada tahun 2024 (**Carta 6.4**). Pertumbuhan positif ini didorong secara langsung oleh peningkatan komponen hasil bukan cukai yang berkembang sebanyak 26.9 peratus.

Carta 6.4 Siri masa hasil Kerajaan Negeri Sembilan, 2020-2024




Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Daripada keseluruhan hasil, komponen hasil bukan cukai menjadi penyumbang terbesar dengan sumbangan sebanyak 64.8 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam **Carta 6.5**.

64.8%
Sumbangan hasil
bukan cukai pada
tahun 2024



Carta 6.5 Hasil Kerajaan Negeri Sembilan, 2024



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Negeri Sembilan adalah perolehan daripada jualan barang-barang yang bernilai RM274.3 juta, diikuti oleh cukai tanah yang berjumlah RM144.9 juta. Tiga lagi sumber hasil lain yang turut menyumbang kepada pendapatan negeri termasuklah terimaan dari agensi kerajaan, perkhidmatan dan bayaran serta lesen bayaran pendaftaran dan permit seperti yang diperincikan dalam **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3 Penyumbang utama bagi kategori hasil Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024

Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2023	2024
Perolehan daripada jualan barang-barang	212.7	274.3
Cukai tanah	145.0	144.9
Terimaan dari agensi kerajaan	61.4	62.4
Perkhidmatan dan bayaran	30.4	52.7
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit	39.9	46.1
Jumlah	489.4	580.5

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia


RM274.3 juta
Jumlah hasil
**perolehan daripada
jualan barang-barang**
pada tahun 2024



Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan

Komponen perbelanjaan mengurus kerajaan negeri terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain. Bagi tahun 2024, jumlah peruntukan yang diluluskan untuk perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM565.2 juta. Sebanyak RM553.1 juta yang meliputi 97.9 peratus daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan (**Carta 6.6**).

Carta 6.6 Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan, 2020-2024



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

3.1%
Peningkatan
perbelanjaan mengurus
Negeri Sembilan
pada tahun 2024



**7.5%**

Peningkatan
perkhidmatan dan
bekalan pada
tahun 2024

**RM83.1 juta**

Surplus Kerajaan
Negeri Sembilan
pada tahun 2024



Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan sebanyak RM16.6 juta atau 3.1 peratus, daripada RM536.5 juta pada tahun 2023 kepada RM553.1 juta pada tahun 2024 (**Jadual 6.4**).

Trend peningkatan ini didorong oleh perkhidmatan dan bekalan yang meningkat sebanyak 7.5 peratus. Selain itu, perbelanjaan lain, aset dan emoluen turut merekodkan peningkatan, masing-masing sebanyak 892.3 peratus, 196.0 peratus dan 1.3 peratus. Walau bagaimanapun, pemberian dan kenaan bayaran tetap mengalami penyusutan sebanyak 0.8 peratus.

Jadual 6.4 Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2023	2024	RM juta	%
Emoluen	211.8	214.7	2.9	1.3
Perkhidmatan dan bekalan	110.9	119.2	8.3	7.5
Aset	1.8	5.2	3.5	196.0
Pemberian dan kenaan bayaran tetap ¹	211.6	209.8	-1.8	-0.8
Perbelanjaan lain	0.4	4.2	3.7	892.3
Jumlah	536.5	553.1	16.6	3.1

¹ Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit Kerajaan Negeri Sembilan

Kerajaan Negeri Sembilan menutup tirai tahun kewangan 2024 dengan mencatatkan surplus semasa berjumlah RM83.1 juta, berbanding surplus sebanyak RM4.9 juta yang direkodkan pada tahun 2023 seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5 Surplus/defisit Kerajaan Negeri Sembilan, 2023-2024

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2023	2024	RM juta	%
Hasil	541.4	636.2	94.7	17.5
Perbelanjaan mengurus	536.5	553.1	16.6	3.1
Surplus/defisit	4.9	83.1	78.1	1,584.6

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI NEGERI SEMBILAN



NEGERI SEMBILAN mempunyai 7 PBT iaitu **1 majlis bandaraya**, **2 majlis perbandaran** dan **4 majlis daerah**


PETUNJUK:



Pihak berkuasa tempatan



Jumlah penduduk 2024 ('000) orang



Nota:

- MB = Majlis Bandaraya, MP = Majlis Perbandaran, MD = Majlis Daerah



JADUAL STATISTIK



JADUAL KDNK MALAYSIA

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025

		RM juta		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
1. Pertanian		100,573	104,031	106,354
1.1	Getah	1,672	1,847	1,615
1.2	Kelapa sawit	36,203	38,063	39,842
1.3	Ternakan	16,963	17,878	18,280
1.3.1	Ternakan ayam dan itik	10,270	11,105	11,092
1.3.2	Lembu/ kerbau	1,296	1,358	1,415
1.3.3	Ternakan lain	5,397	5,415	5,773
1.4	Pertanian lain	29,327	30,086	30,609
1.4.1	Padi	2,164	2,047	2,130
1.4.2	Sayur-sayuran	13,415	13,845	14,091
1.4.3	Buah-buahan	5,557	5,724	5,819
1.4.4	Tanaman makanan	6,849	7,119	7,201
1.4.5	Lain-lain	1,342	1,351	1,369
1.5	Perhutanan dan pembalakan	4,813	4,159	4,085
1.6	Perikanan	11,595	11,998	11,922
1.6.1	Perikanan laut	7,229	7,586	7,632
1.6.2	Akuakultur	4,366	4,412	4,290
2. Perlombongan dan pengkuarian		97,537	98,685	99,258
2.1	Minyak mentah dan kondensat	36,144	35,665	35,723
2.2	Gas asli	52,034	53,253	53,529
2.3	Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	9,360	9,767	10,006
3. Pembuatan		366,817	382,060	399,363
3.1	Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	11,894	12,522	13,764
3.2	Prosesan makanan	22,758	23,835	26,005
3.3	Minuman	5,711	6,104	6,699
3.4	Produk tembakau	3,862	4,244	4,282
3.5	Tekstil dan pakaian	5,301	5,407	5,373
3.6	Kulit dan produk berkaitan	943	997	1,069
3.7	Keluaran kayu	7,567	7,845	8,037
3.8	Kertas dan produk kertas	5,848	6,018	5,919
3.9	Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	4,620	4,994	5,397
3.10	Produk petroleum bertapis	40,986	41,783	41,195
3.11	Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	37,926	38,847	39,484
3.12	Produk getah	11,419	12,384	12,439
3.13	Produk plastik	11,774	12,403	12,488
3.14	Produk mineral bukan logam	12,168	13,054	13,229
3.15	Logam asas	9,086	9,505	10,035
3.16	Produk logam yang direka	17,331	18,911	19,859
3.17	Jentera dan peralatan	11,770	12,222	13,145
3.18	Komputer dan kelengkapan peranti	7,055	8,044	8,460

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 (samb.)

		RM juta		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
3.19	Kelengkapan elektrik	8,083	8,033	8,656
3.20	Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	83,918	87,242	95,858
3.21	Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	6,892	7,026	7,580
3.22	Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	30,149	30,349	29,546
3.23	Perabot	4,829	5,169	5,484
3.24	Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	4,927	5,121	5,360
4.	Pembinaan	56,616	66,594	74,709
4.1	Bangunan kediaman	11,319	13,494	14,998
4.2	Bangunan bukan kediaman	14,045	15,993	18,645
4.3	Kejuruteraan awam	16,312	18,946	20,574
4.4	Aktiviti pembinaan pertukangan khas	14,941	18,161	20,492
5.	Perkhidmatan	930,840	980,691	1,033,980
5.1	Utiliti	41,525	43,390	43,460
5.1.1	Elektrik dan gas	32,082	34,266	34,120
5.1.2	Air, pembentungan dan pengurusan sisa	9,444	9,124	9,340
5.2	Perdagangan borong dan runcit	281,975	294,022	308,304
5.2.1	Perdagangan borong	115,565	120,388	127,664
5.2.2	Perdagangan runcit	135,503	141,329	147,646
5.2.3	Kenderaan bermotor	30,908	32,305	32,994
5.3	Makanan & minuman dan penginapan	46,900	49,833	54,354
5.3.1	Makanan dan minuman	35,981	37,450	40,220
5.3.2	Penginapan	10,920	12,383	14,134
5.4	Pengangkutan dan penyimpanan	62,699	69,524	75,758
5.4.1	Pengangkutan darat	16,121	17,861	19,395
5.4.2	Pengangkutan air	8,029	8,746	9,543
5.4.3	Pengangkutan udara	3,647	4,475	5,222
5.4.4	Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	6,528	7,242	7,997
5.4.5	Operasi lebuhraya	8,319	9,790	11,480
5.4.6	Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	16,008	17,112	17,462
5.4.7	Pos dan kurier	4,048	4,297	4,658
5.5	Maklumat dan komunikasi	103,044	106,621	114,478
5.5.1	Aktiviti penerbitan dan penyiaran	8,362	8,896	9,439
5.5.2	Telekomunikasi	72,508	74,795	78,026
5.5.3	Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	22,174	22,930	27,014
5.6	Kewangan	78,015	81,228	81,524
5.6.1	Pengantara kewangan	63,542	65,797	65,988
5.6.2	Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	14,473	15,430	15,536

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 (samb.)

		RM juta		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
5.7	Insurans	25,407	27,106	27,508
5.7.1	Insurans dan tabungan pencen	24,601	26,409	26,836
5.7.2	Aktiviti sokongan insurans	805	697	671
5.8	Hartanah	20,925	23,402	25,531
5.9	Perkhidmatan perniagaan	50,944	55,182	59,481
5.9.1	Profesional, saintifik dan teknikal	36,733	39,926	42,937
5.9.2	Pentadbiran dan khidmat sokongan	14,210	15,255	16,543
5.10	Kediaman yang didiami oleh pemilik	34,803	35,870	37,003
5.11	Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	37,826	40,833	44,392
5.11.1	Perkhidmatan kesihatan swasta	12,492	13,595	14,815
5.11.2	Perkhidmatan pendidikan swasta	12,305	13,214	14,126
5.11.3	Perkhidmatan swasta lain	13,030	14,024	15,452
5.12	Perkhidmatan kerajaan	145,082	151,836	160,206
5.12.1	Perkhidmatan awam am	22,120	22,881	22,772
5.12.2	Pertahanan	8,623	8,782	9,191
5.12.3	Ketenteraman dan keselamatan awam	11,287	11,470	12,526
5.12.4	Perkhidmatan ekonomi	19,791	21,599	23,097
5.12.5	Perlindungan alam sekitar	671	540	583
5.12.6	Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	4,164	4,000	4,652
5.12.7	Kesihatan	22,439	23,385	24,528
5.12.8	Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	2,938	2,984	3,559
5.12.9	Pendidikan	50,427	53,517	56,266
5.12.10	Perlindungan sosial	2,623	2,677	3,032
5.13	Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	598	654	706
5.14	Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	1,097	1,192	1,274
6. Tambah Duti import		18,390	19,812	23,290
KDNK pada harga pembeli		1,570,774	1,651,873	1,736,953

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan

(%)

Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
1. Pertanian		0.4	3.4	2.2
1.1	Getah	-6.6	10.5	-12.5
1.2	Kelapa sawit	0.2	5.1	4.7
1.3	Ternakan	2.0	5.4	2.2
1.3.1	Ternakan ayam dan itik	1.4	8.1	-0.1
1.3.2	Lembu/ kerbau	3.5	4.8	4.1
1.3.3	Ternakan lain	2.6	0.3	6.6
1.4	Pertanian lain	1.9	2.6	1.7
1.4.1	Padi	-2.7	-5.4	4.1
1.4.2	Sayur-sayuran	2.0	3.2	1.8
1.4.3	Buah-buahan	3.1	3.0	1.6
1.4.4	Tanaman makanan	1.8	3.9	1.2
1.4.5	Lain-lain	3.1	0.7	1.3
1.5	Perhutanan dan pembalakan	-8.7	-13.6	-1.8
1.6	Perikanan	0.3	3.5	-0.6
1.6.1	Perikanan laut	-0.4	4.9	0.6
1.6.2	Akuakultur	1.5	1.0	-2.8
2. Perlombongan dan pengkuarian		0.5	1.2	0.6
2.1	Minyak mentah dan kondensat	-0.4	-1.3	0.2
2.2	Gas asli	0.6	2.3	0.5
2.3	Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	4.3	4.4	2.4
3. Pembuatan		0.7	4.2	4.5
3.1	Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	4.4	5.3	9.9
3.2	Prosesan makanan	5.6	4.7	9.1
3.3	Minuman	1.5	6.9	9.7
3.4	Produk tembakau	14.0	9.9	0.9
3.5	Tekstil dan pakaian	0.1	2.0	-0.6
3.6	Kulit dan produk berkaitan	7.5	5.7	7.3
3.7	Keluaran kayu	-4.1	3.7	2.4
3.8	Kertas dan produk kertas	3.8	2.9	-1.6
3.9	Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	5.9	8.1	8.1
3.10	Produk petroleum bertapis	-2.3	1.9	-1.4
3.11	Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	3.6	2.4	1.6
3.12	Produk getah	-7.1	8.5	0.4
3.13	Produk plastik	-2.7	5.3	0.7
3.14	Produk mineral bukan logam	4.3	7.3	1.3
3.15	Logam asas	2.9	4.6	5.6
3.16	Produk logam yang direka	7.0	9.1	5.0
3.17	Jentera dan peralatan	-2.0	3.8	7.5
3.18	Komputer dan kelengkapan peranti	4.7	14.0	5.2

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan (samb.)

		(%)		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
3.19	Kelengkapan elektrik	2.0	-0.6	7.8
3.20	Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	-3.0	4.0	9.9
3.21	Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	6.8	1.9	7.9
3.22	Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	3.6	0.7	-2.6
3.23	Perabot	-4.5	7.0	6.1
3.24	Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	3.1	3.9	4.7
4.	Pembinaan	5.9	17.6	12.2
4.1	Bangunan kediaman	2.0	19.2	11.1
4.2	Bangunan bukan kediaman	0.0	13.9	16.6
4.3	Kejuruteraan awam	14.7	16.1	8.6
4.4	Aktiviti pembinaan pertukangan khas	6.0	21.6	12.8
5.	Perkhidmatan	5.2	5.4	5.4
5.1	Utiliti	2.8	4.5	0.2
5.1.1	Elektrik dan gas	2.4	6.8	-0.4
5.1.2	Air, pembentungan dan pengurusan sisa	4.2	-3.4	2.4
5.2	Perdagangan borong dan runcit	6.0	4.3	4.9
5.2.1	Perdagangan borong	4.9	4.2	6.0
5.2.2	Perdagangan runcit	6.4	4.3	4.5
5.2.3	Kenderaan bermotor	9.2	4.5	2.1
5.3	Makanan & minuman dan penginapan	6.8	6.3	9.1
5.3.1	Makanan dan minuman	2.1	4.1	7.4
5.3.2	Penginapan	26.3	13.4	14.1
5.4	Pengangkutan dan penyimpanan	13.5	10.9	9.0
5.4.1	Pengangkutan darat	15.3	10.8	8.6
5.4.2	Pengangkutan air	11.9	8.9	9.1
5.4.3	Pengangkutan udara	29.0	22.7	16.7
5.4.4	Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	11.5	10.9	10.4
5.4.5	Operasi lebuh raya	17.5	17.7	17.3
5.4.6	Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	10.1	6.9	2.0
5.4.7	Pos dan kurier	6.9	6.2	8.4
5.5	Maklumat dan komunikasi	3.6	3.5	7.4
5.5.1	Aktiviti penerbitan dan penyiaran	6.2	6.4	6.1
5.5.2	Telekomunikasi	3.2	3.2	4.3
5.5.3	Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	3.8	3.4	17.8
5.6	Kewangan	-1.1	4.1	0.4
5.6.1	Pengantara kewangan	-4.6	3.5	0.3
5.6.2	Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	17.3	6.6	0.7

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Perubahan peratusan tahunan (samb.)

(%)

Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
5.7	Insurans	-6.7	6.7	1.5
5.7.1	Insurans dan tabungan pencen	-7.5	7.3	1.6
5.7.2	Aktiviti sokongan insurans	22.8	-13.4	-3.7
5.8	Hartanah	3.7	11.8	9.1
5.9	Perkhidmatan perniagaan	10.7	8.3	7.8
5.9.1	Profesional, saintifik dan teknikal	9.4	8.7	7.5
5.9.2	Pentadbiran dan khidmat sokongan	14.0	7.4	8.4
5.10	Kediaman yang didiami oleh pemilik	3.3	3.1	3.2
5.11	Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	9.7	7.9	8.7
5.11.1	Perkhidmatan kesihatan swasta	10.1	8.8	9.0
5.11.2	Perkhidmatan pendidikan swasta	7.4	7.4	6.9
5.11.3	Perkhidmatan swasta lain	11.5	7.6	10.2
5.12	Perkhidmatan kerajaan	5.3	4.7	5.5
5.12.1	Perkhidmatan awam am	-4.8	3.4	-0.5
5.12.2	Pertahanan	4.3	1.9	4.7
5.12.3	Ketenteraman dan keselamatan awam	7.2	1.6	9.2
5.12.4	Perkhidmatan ekonomi	14.5	9.1	6.9
5.12.5	Perlindungan alam sekitar	552.2	-19.4	7.9
5.12.6	Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	19.2	-3.9	16.3
5.12.7	Kesihatan	12.3	4.2	4.9
5.12.8	Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	19.5	1.6	19.3
5.12.9	Pendidikan	0.5	6.1	5.1
5.12.10	Perlindungan sosial	16.1	2.1	13.2
5.13	Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	5.1	9.5	7.8
5.14	Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	9.6	8.6	6.9
6. Tambah Duti import		9.6	7.7	17.6
KDNK pada harga pembeli		3.6	5.2	5.2

Jadual A3: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK

		(%)		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
1. Pertanian		6.4	6.3	6.1
1.1	Getah	0.1	0.1	0.1
1.2	Kelapa sawit	2.3	2.3	2.3
1.3	Ternakan	1.1	1.1	1.1
1.3.1	Ternakan ayam dan itik	0.7	0.7	0.6
1.3.2	Lembu/ kerbau	0.1	0.1	0.1
1.3.3	Ternakan lain	0.3	0.3	0.3
1.4	Pertanian lain	1.9	1.8	1.8
1.4.1	Padi	0.1	0.1	0.1
1.4.2	Sayur-sayuran	0.9	0.8	0.8
1.4.3	Buah-buahan	0.4	0.3	0.3
1.4.4	Tanaman makanan	0.4	0.4	0.4
1.4.5	Lain-lain	0.1	0.1	0.1
1.5	Perhutanan dan pembalakan	0.3	0.3	0.2
1.6	Perikanan	0.7	0.7	0.7
1.6.1	Perikanan laut	0.5	0.5	0.4
1.6.2	Akuakultur	0.3	0.3	0.2
2. Perlombongan dan pengkuarian		6.2	6.0	5.7
2.1	Minyak mentah dan kondensat	2.3	2.2	2.1
2.2	Gas asli	3.3	3.2	3.1
2.3	Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	0.6	0.6	0.6
3. Pembuatan		23.4	23.1	23.0
3.1	Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	0.8	0.8	0.8
3.2	Prosesan makanan	1.4	1.4	1.5
3.3	Minuman	0.4	0.4	0.4
3.4	Produk tembakau	0.2	0.3	0.2
3.5	Tekstil dan pakaian	0.3	0.3	0.3
3.6	Kulit dan produk berkaitan	0.1	0.1	0.1
3.7	Keluaran kayu	0.5	0.5	0.5
3.8	Kertas dan produk kertas	0.4	0.4	0.3
3.9	Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	0.3	0.3	0.3
3.10	Produk petroleum bertapis	2.6	2.5	2.4
3.11	Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	2.4	2.4	2.3
3.12	Produk getah	0.7	0.7	0.7
3.13	Produk plastik	0.7	0.8	0.7
3.14	Produk mineral bukan logam	0.8	0.8	0.8
3.15	Logam asas	0.6	0.6	0.6
3.16	Produk logam yang direka	1.1	1.1	1.1
3.17	Jentera dan peralatan	0.7	0.7	0.8
3.18	Komputer dan kelengkapan peranti	0.4	0.5	0.5

Jadual A3: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK (samb.)

		(%)		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
3.19	Kelengkapan elektrik	0.5	0.5	0.5
3.20	Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	5.3	5.3	5.5
3.21	Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	0.4	0.4	0.4
3.22	Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	1.9	1.8	1.7
3.23	Perabot	0.3	0.3	0.3
3.24	Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	0.3	0.3	0.3
4.	Pembinaan	3.6	4.0	4.3
4.1	Bangunan kediaman	0.7	0.8	0.9
4.2	Bangunan bukan kediaman	0.9	1.0	1.1
4.3	Kejuruteraan awam	1.0	1.1	1.2
4.4	Aktiviti pembinaan pertukangan khas	1.0	1.1	1.2
5.	Perkhidmatan	59.3	59.4	59.5
5.1	Utiliti	2.6	2.6	2.5
5.1.1	Elektrik dan gas	2.0	2.1	2.0
5.1.2	Air, pembentungan dan pengurusan sisa	0.6	0.6	0.5
5.2	Perdagangan borong dan runcit	18.0	17.8	17.7
5.2.1	Perdagangan borong	7.4	7.3	7.3
5.2.2	Perdagangan runcit	8.6	8.6	8.5
5.2.3	Kenderaan bermotor	2.0	2.0	1.9
5.3	Makanan & minuman dan penginapan	3.0	3.0	3.1
5.3.1	Makanan dan minuman	2.3	2.3	2.3
5.3.2	Penginapan	0.7	0.7	0.8
5.4	Pengangkutan dan penyimpanan	4.0	4.2	4.4
5.4.1	Pengangkutan darat	1.0	1.1	1.1
5.4.2	Pengangkutan air	0.5	0.5	0.5
5.4.3	Pengangkutan udara	0.2	0.3	0.3
5.4.4	Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	0.4	0.4	0.5
5.4.5	Operasi lebuh raya	0.5	0.6	0.7
5.4.6	Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	1.0	1.0	1.0
5.4.7	Pos dan kurier	0.3	0.3	0.3
5.5	Maklumat dan komunikasi	6.6	6.5	6.6
5.5.1	Aktiviti penerbitan dan penyiaran	0.5	0.5	0.5
5.5.2	Telekomunikasi	4.6	4.5	4.5
5.5.3	Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	1.4	1.4	1.6
5.6	Kewangan	5.0	4.9	4.7
5.6.1	Pengantara kewangan	4.0	4.0	3.8
5.6.2	Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	0.9	0.9	0.9

Jadual A3: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2023-2025 - Peratus sumbangan kepada KDNK (samb.)

		(%)		
Jenis aktiviti ekonomi		2023	2024 ^e	2025 ^p
5.7	Insurans	1.6	1.6	1.6
